

Jilid II
Bil. 41



Hari Rabu
2hb November, 1988

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 7137]

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN
MESYUARAT 18:

Mogok Lapar Tahanan ISA—Y.B. Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang)
[Ruangan 7188]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1989 [Ruangan 7191]

USUL-USUL:

Anggaran Pembangunan 1989 [Ruangan 7191]

Mogok Lapar di Kem Tahanan Kamunting, Taiping—Y.B. Tuan Lee Lam Thye
(Bukit Bintang) [Ruangan 7246]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kehakiman, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGGU DATO' AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGGU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun Langkawi).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

„ Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kewangan, DATO' PADUKA DAIM ZAINUDDIN (Merbok).

Yang Berhormat Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentung).

- „ Menteri Buruh, TUAN LEE KIM SAI, P.P.N. (Hulu Langat).
- „ Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK KASITAH BIN GADDAM, P.G.D.K. (Kinabalu).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulau).
- „ Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATO HAJI MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' Oo GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO NG CHENG KUAI, D.P.M.P., A.M.P. (Lumut).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN YOW, A.M.P (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).

- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- .. Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR, (Kuantan).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- .. TUAN ABDOL MULOK AWANG DAMIT (Labuan).
- .. DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- .. DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).
- .. DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim Bandar Baharu).
- .. TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).
- .. TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- .. TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- .. DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- .. DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- .. DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- .. TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- .. DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- .. TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

- Yang Berhormat TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- .. DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- .. TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- .. DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- .. TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- .. TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- .. TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
- .. TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- .. DR V. DAVID (Puchung).
- .. TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- .. DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- .. TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- .. TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- .. TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- .. DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- .. TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- .. TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- .. TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- .. TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- .. TUAN HU SEPANG (Rasah).
- .. TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- .. TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- .. TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- .. TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- .. TUAN JIMBUN ANAK PUNGGGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- .. TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- .. DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
- .. DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- .. TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- .. TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- .. TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).

- Yang Berhormat TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N.,
A.M.N. (Pontian).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ DR LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* PAUL PANSAI (Kota Belud).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N.,
P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).
- „ TUAN HAJI MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I.
(Muar).
- „ TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAAKOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM,
D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M.
(Balik Pulau).
- „ TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P.
(Tasek Gelugor).
- „ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M.
(Alor Gajah).
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M.,
S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K.,
S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.ST.J.
(Limbawang).

Yang Berhormat TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).

- .. TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- .. TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- .. DR NICHOLAS MUNONG ANAK IBAU (Rajang).
- .. TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- .. TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- .. DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- .. DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- .. TUAN P. PATTO (Ipoh).
- .. TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- .. DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- .. TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- .. DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- .. DATIN PADUKA HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- .. DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- .. Y.B.M. TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- .. DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- .. DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- .. TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- .. DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- .. PUAN HAJJAH SHARIFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- .. TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- .. TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- .. TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- .. DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Batang Lupar).
- .. TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- .. DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- .. TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- .. TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- .. TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).
- .. TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).

Yang Berhormat TUAN TING LING KIEW (Bintulu).

- „ TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).
- „ TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE, P.S.D., P.M.P., A.M.P., A.M.N., J.P. (Tambun).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ DATO' ZAINOL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Haji Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abdul Samad.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

 Rabu, 2hb November, 1988

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**HOSPITAL BESAR DUCHESS
OF KENT SANDAKAN**

1. Tuan Michael Asang minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada sedar bahawa terdapat beberapa masalah yang mendesak dan perlunya diwujudkan beberapa kemudahan tambahan di Rumah Sakit Besar Duchess of Kent Sandakan seperti yang berikut:

- (a) 1 Unit Kecemasan yang lengkap untuk kegunaan rawatan kes-kes kecemasan;
- (b) 1 Unit Rawatan Rapi (I.C.U.) lengkap dengan alat-alat moden dan seorang Doktor Pakar yang tetap; dan
- (c) seorang Doktor Pakar kanak-kanak; dan kalau sedar, apakah tindakan yang telah, sedang dan akan diambil untuk mengatasi masalah tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Dr Ting Chew Peh): Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab bahagian soalan:

- (a) Kementerian Kesihatan memang sedar bahawa Hospital Besar Duchess of Kent, Sandakan memerlukan

beberapa kemudahan tambahan untuk meningkatkan perkhidmatan yang disediakan. Untuk tujuan ini, satu unit kecemasan yang lengkap telah dikenalpasti di bawah projek Jabatan Pesakit Luar, Hospital Besar Duchess of Kent, Sandakan. Projek ini mendapat peruntukan tanda dalam Rancangan Malaysia Kelima;

- (b) kerja-kerja bagi satu Unit Rawatan Rapi yang akan dilengkapi dengan peralatan moden dan sophisticated sedang dilaksanakan dan dijangka dapat disiapkan pada awal 1989;
- (c) semua jawatan bagi doktor pakar di Hospital Besar Duchess of Kent, Sandakan telah diisi, kecuali pakar kanak-kanak dan pakar bius. Walau bagaimanapun, tindakan akan diambil untuk mengisi kekosongan tersebut.

Tuan Ngoi Thiam Woh: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberitahu apakah masalah yang ditemui oleh pihak Kementerian sejak begitu lama belum lagi dapat mengadakan seorang pakar kanak-kanak dan pakar bius? Adakah negara kita kekurangan pakar-pakar dalam bidang-bidang kedua-dua ini? Kalau ya, apakah pihak Kementerian akan mengadakan satu rancangan bagi seluruh negara supaya menambahkan pakar-pakar di dalam bidang ini? Soalan yang kedua, adakah pihak Kementerian mengenalpasti bahawa di Hospital Besar Duchess of Kent ini

memerlukan satu unit untuk Haemodialysis di mana terdapat pesakit-pesakit renal failure.

Dr Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, kekurangan pakar-pakar di Hospital Kerajaan memang menjadi satu masalah dan Kerajaan sedang mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk mengatasi masalah itu. Di antara langkah-langkah itu ialah menambahkan jawatan pegawai perubatan dan pakar dengan memberi galakan kepada mereka untuk melanjutkan pelajaran ijazah lanjutan. Satu lagi langkah yang diambil oleh Kementerian ialah mengambil beberapa pakar perubatan asing secara kontrak.

Bagi menjawab soalan yang kedua, berhubung dengan masalah kemudahan dialysis di Hospital Besar Duchess of Kent, Sandakan, Kementerian Kesihatan akan mengkaji keperluan itu dan kalau didapati ada keperluan untuk kemudahan itu maka Kementerian akan mengambil langkah yang sesuai.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, adakah pihak Kementerian sedar bahawa faktor yang penting yang menyebabkan kita ini menghadapi kekurangan doktor terutama sekali pakar termasuklah di Rumahsakit Besar Duchess of Kent, Sandakan ialah keadaan suasana pekerjaan dan mungkin kemudahan bagi doktor-doktor yang walaupun selama ini dijanjikan dengan berbagai janji untuk mempertingkatkan, namun masih belum mencapai tahap yang dikehendaki, yang diperlukan. Kalau sedar, apakah langkah yang diambil ke arah menentukan supaya suasana pekerjaan mereka ini dijaga dengan teliti? Yang kedua ialah kadangkala terdapat di kawasan-kawasan luar bandar, memang kita agaknya boleh menempatkan pakar-pakar tetapi masalahnya ialah mungkin kemudahan lain seperti electricity supply misal kata

yang tidak boleh mengenerate, dengan izin, perkakas-perkakas di rumah sakit yang boleh digunakan untuk mengubat bagi pakar-pakar ini. Jadi, kalau pihak Kementerian sedar perkara ini, adakah kerjasama dibuat dengan Kementerian-kementerian yang lain supaya kemudahan seumpama ini disediakan supaya pakar dapat dihantar ke kawasan-kawasan luar bandar.

Dr Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya banyak faktor mempengaruhi seseorang pakar itu untuk bekerja di sesuatu tempat yang tertentu. Dalam soal ini sebenarnya suasana pekerjaan dalam kes ini, Kementerian Kesihatan sentiasa mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk memastikan bahawa suasana bekerja itu baik bagi para doktor ataupun pakar berkenaan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak memberikan apa-apa janji sebenarnya kepada doktor yang berkhidmat di mana-mana hospital kerana mereka berkhidmat dengan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh pihak Kerajaan.

KWSP—SKIM KEMUDAHAN MENUNAIKAN IBADAT HAJI

2. Tuan Haji Mohamed bin Yaakob minta Menteri Kewangan menyatakan adakah KWSP mengadakan Penguatkuasa Hukum Faraid dan membayar zakat ke atas caruman ahli-ahli yang beragama Islam. Adakah tujuan KWSP telah memberi kemudahan mengeluarkan tunai kepada ahlinya untuk mengerjakan ibadat haji atau seumpamanya.

9-11-88

17. Dr Abdul Hadi bin Derani minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk memberi kemudahan tambahan kepada pencarum-pencarum KWSP selain daripada kemudahan yang ada

sekarang. Adakah kemungkinan untuk membenarkan pencarum-pencarum mengeluarkan wang caruman mereka untuk melanjutkan pelajaran dan menunaikan fardhu Haji akan dilaksanakan.

21-11-88

5. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada benar bahawa Kerajaan telah pun menolak cadangan atau rekomendasi Pasukan Petugas KWSP untuk membenarkan pengeluaran simpanan KWSP bagi membiayai kos pelajaran tinggi dan menunaikan fardhu Haji, jika benar, apakah sebab penolakan itu. Jika tidak benar, bilakah dua skim ini akan dilaksanakan.

28-11-88

24. Tuan Chew Kam Hoy minta Menteri Kewangan menyatakan apakah hasil kajian yang telah dijalankan oleh Pasukan Khas Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) ke atas faedah-faedah sampingan untuk ahli-ahli KWSP seperti pengeluaran untuk tujuan pendidikan atau mereka yang telah kehilangan kerja.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin): Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat berkenaan adalah sama dengan pertanyaan-pertanyaan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Padang Serai, Bukit Bintang dan Kota Setar yang masing-masing dijadualkan untuk dijawab pada 9hb, 21hb dan 28hb November, 1988, saya mohon menjawab keempat-empat pertanyaan tersebut secara serentak pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, jawapan terhadap perkara yang dibangkitkan adalah seperti berikut:

(a) Pada masa ini Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)

tidak menguatkuasakan pembahagian wang ahli-ahli yang beragama Islam yang telah meninggal dunia menurut hukum Faraid dan juga tidak membayar zakat ke atas caruman ahli-ahli yang beragama Islam. Bagi ahli-ahli KWSP yang beragama Islam yang meninggal dunia, bayaran akan dibayar kepada penama yang didaftarkan dan terpulangnya kepada penama yang berkenaan untuk membahagikan wang simpanan si mati menurut hukum Faraid. Walau bagaimanapun, KWSP akan menasihati penama yang berkenaan supaya membuat pembahagian menurut hukum Faraid.

(b) Pada masa ini KWSP menyediakan kemudahan kepada pencarum-pencarumnya melalui 9 skim pengeluaran wang. Oleh kerana skim pengeluaran yang sedia ada adalah selaras dan memadai dengan objektif utama penubuhan KWSP iaitu menjamin bekalan di hari tua, KWSP tidak bercadang untuk memberi kemudahan-kemudahan tambahan buat ketika ini.

(c) Cadangan untuk memperkenalkan skim-skim pengeluaran caruman KWSP bagi tujuan menampung perbelanjaan pelajaran iaitu perbelanjaan pelajaran lanjutan dan perbelanjaan menunaikan fardhu haji telah dikaji dengan teliti oleh Kementerian Kewangan. Selepas kajian mendalam itu diamati keputusan telah pun dibuat supaya skim-skim tersebut tidak dilaksanakan setelah mengambil kira perkara-perkara berikut:

(i) implikasi negatif terhadap kedudukan

aliran wang tunai dan kedudukan kewangan KWSP dalam jangka panjang; dan

- (ii) skim-skim yang tersebut tidak akan memberi manfaat keseluruhannya kepada segolongan besar pencarum-pencarum KWSP, memandangkan 82% daripada mereka mempunyai jumlah caruman yang kurang daripada \$10,000. Memandangkan segolongan besar pencarum-pencarum akan mengeluarkan sebahagian besar atau kesemua caruman mereka itu di bawah skim-skim pengeluaran yang sedia ada terutamanya bagi tujuan membeli rumah, maka skim-skim pengeluaran baru tidak akan memberi kemudahan yang bermakna dan selepas mereka mengeluarkan wang mereka dalam simpanan KWSP hanya sedikit yang mungkin tinggal untuk masa tua mereka.

Tuan Mohamed Yusoff bin Abdul Latiff: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan bahawa kesedaran masyarakat Islam di Malaysia sekarang semakin meningkat, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah sehingga kini Kementerian telah bercadang atau menggalakkan bank-bank ataupun institusi-institusi kewangan atau badan-badan berkanun supaya membayar zakat wang-wang simpanan atau caruman ahli-ahli yang beragama Islam sepertimana yang dilakukan oleh Bank Islam?

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, soalan itu tidak ada kaitan dengan soalan pokok.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah benar bahawa salah satu sebab mengapa pihak KWSP ataupun Kementerian Kewangan tidak mahu melaksanakan skim pengeluaran untuk menunaikan fardu haji dan juga untuk tujuan pelajaran ialah oleh kerana terdapat kes-kes permohonan palsu yang dibuat untuk membeli rumah seperti yang berlaku baru-baru ini dan sekiranya ini benar mengapakah pihak KWSP tidak dapat mencari satu jalan yang boleh mengatasi masalah ini oleh kerana tidak dapat dinafikan bahawa pasukan petugas KWSP yang telah ditubuhkan oleh pihak Kerajaan telah memberikan banyak publisiti ke atas kedua-dua skim ini dan sekiranya pihak Kerajaan bercadang untuk membatalkannya ini akan mengecewakan ramai pencarum-pencarum KWSP?

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, semasa pengumuman dibuat oleh KWSP mengenai kedua-dua skim yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang, satu kajian telah pun dibuat dan kenyataan itu mengatakan kemungkinan besar kedua-dua skim ini dilaksanakan ataupun diadakan. Tetapi selepas kajian itu selesai dibuat, didapati atas sebab-sebab yang telah pun saya berikan tadi ianya ada kaitan dengan pembatalan skim tersebut dan juga termasuk sedikit banyak kaitan dengan kes-kes yang terdapat akhir-akhir ini yang berlaku dalam KWSP.

Berkemungkinan juga, kalau sekiranya diberi peluang, kemungkinan KWSP dapat melihat semula kes ini, tetapi pada masa ini keputusan sudah pun dibuat selepas mendapat bukti-bukti yang nyata yang menunjukkan bahawa 82% daripada

yang menyimpan hanya mempunyai caruman sebanyak \$10.000 sahaja. Jadi kalau sekiranya kita membenarkan mereka mengeluarkan wang mereka untuk membeli rumah dan untuk tujuan-tujuan yang lain yang dibenarkan, maka kemungkinan besar apa yang tinggal untuk masa tua mereka itu tidaklah begitu banyak. Oleh kerana itulah maka keputusan dibuat sedemikian.

CARIGALI MINYAK

3. Tuan Haji Mohamad bin Haji Isa minta Perdana Menteri menyatakan dalam usaha mencarigali minyak di pantai Kelantan, pihak pengusaha carigali telah menjumpai beberapa kawasan minyak yang boleh memberi hasil yang lumayan kepada Kerajaan. Tetapi sehingga hari ini, hasil daripada carigali itu tinggal begitu sahaja, tanpa follow-up yang sepatutnya, adakah pihak Kerajaan atau PETRONAS akan mengusahakan kawasan tersebut untuk mengeluarkan minyak dari kawasan Pantai Kelantan ini dan jika ya, bila akan dimulakan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Kasitah bin Gaddam): Tuan Yang di-Pertua, sehingga kini, minyak belum lagi dijumpai di dalam kuantiti yang komersial di kawasan laut berhadapan dengan Kelantan. Syarikat Esso, pada tahun 70an telah menggerudi dua telaga dan menemui tanda-tanda wujudnya minyak, tetapi di dalam kuantiti yang tidak komersial untuk diusahakan.

Walau bagaimanapun, pada 11hb Ogos, 1988 satu Perjanjian Perkongsian Pengeluaran telah ditandatangani oleh sebuah konsortium untuk mengusahakan kawasan ini. Konsortium yang terdiri daripada Home Oil Malaysia Ltd., Petro-Canada Malaysia Inc., Texaco Canada Malaysia Inc., Pexco N.V. dan PETRONAS Carigali Sdn. Bhd., sedang menjalankan usaha carigali di kawasan tersebut.

Dato' Haji Zakaria bin Dato' Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Nampaknya pada masa ini usaha-usaha mencari gali minyak ini ditumpukan kepada kawasan pantai. Kenapakah tidak usaha-usaha dipertingkatkan untuk mencari minyak di kawasan daratan atau kawasan pendalaman.

Yang kedua, kenapakah Kerajaan Persekutuan tidak mempertimbangkan kenaikan bayaran royalti 5% kepada 10% untuk negeri-negeri yang mengeluarkan minyak.

Datuk Kasitah bin Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, pihak PETRONAS sudah cuba untuk mencari minyak dalam kawasan daratan dan ke semua tempat-tempat yang disyaki mempunyai reserve minyak telah pun dieksploitasikan. Oleh yang demikian, tumpuan yang kita adakan sekarang ini ialah di pantai laut.

Kerajaan berpendapat bahawa premium 5% itu adalah munasabah memandangkan keluaran minyak yang begitu banyak di negara kita pada hari ini.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa belum ada yang dikeluarkan oleh negeri Kelantan walaupun Yang Berhormat dari Besut menyoal 5% naik kepada 10%. Namun saya ingin bertanya berapakah jumlah pengeluaran minyak oleh negara kita dari tahun 1980 hingga kini dalam bentuk tong dan nilai dan berapakah yang dikeluarkan mengikut kawasan Sabah, Sarawak dan Terengganu dan sejauh manakah setakat ini kerjasama PETRONAS diberi kepada pekerja-pekerja tempatan selain daripada pekerja luar negeri dan juga Semenanjung.

Datuk Kasitah bin Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, jumlah pengeluaran minyak negara dalam tempoh tahun

1980 hingga 1987 adalah 1,137 juta tong. Nilainya adalah dianggar lebih kurang \$73,254 juta. Jumlah pengeluaran kalau dikira tong, mengikut kawasan dan mengikut tahun ialah:

Tahun	Jumlah Tong Dikeluarkan (juta tong)	Jumlah Nilai (\$ juta)
1980	101	7,967
1981	94	8,447
1982	110	9,347
1983	140	9,930
1984	144	11,202
1985	163	10,937
1986	183	7,024
1987	182	8,400

Jumlah minyak yang dikeluarkan mengikut kawasan pengeluaran bagi tempoh tersebut adalah lebih kurang kalau di Sabah 20% daripada jumlah tadi, Sarawak 32% dan yang bakinya 48% adalah dikeluarkan di Terengganu.

Mengenai dengan pertanyaan kontraktor-kontraktor yang telah berdaftar dengan PETRONAS setakat ini adalah lebih kurang 625 syarikat. Sebanyak 65 daripada syarikat-syarikat berkenaan adalah syarikat-syarikat dari Sarawak. Dalam tempoh tahun 1980 hingga pertengahan tahun 1988 sebanyak 3,902 kontrak bernilai lebih kurang \$6,911 juta telah pun diberi kepada pengusaha-pengusaha tempatan.

LEBUHRAYA BUKIT FRASER KE GENTING HIGHLAND— KAJIAN

4. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Kerjaya menyatakan:

- (a) adakah sesuatu Feasibility Study dijalankan bagi projek pembinaan Lebuhraya Fraser's Hill ke Genting Highland. Jika ia, sila memberi nama Syarikat Perunding yang menjalankan kajian tersebut;

(b) adakah pihak Kerajaan telah menjalankan suatu Environment Impact Assessment Study (EIAS) untuk menentukan kesannya atas kemungkinan pencemaran alam sekitar akibat daripada runtuh tanah, seperti yang dikehendaki di bawah Environment Quality Control Act. Jika tidak, kenapa tidak; dan

(c) apakah IRR (Internal Rate of Return) telah dijalankan di dalam melaksanakan projek lebuhraya berkenaan yang akan memakan perbelanjaan wang awam sebanyak 600 juta ringgit. Berapakah bilangan pelancong-pelancong telah dijangka akan melawat kawasan resort dalam masa akan datang.

Menteri Kerjaya (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Kerajaan telah pun memutuskan untuk meneruskan pelaksanaan projek-projek jalanraya Genting Highland-Bukit Fraser-Cameron Highland. Oleh itu soalan mengadakan kajian kemungkinan tidak perlu dibangkitkan lagi.

Pada peringkat pertama Kerajaan telah pun memutuskan supaya "Airborne laser terrain profiling survey", dengan izin, dijalankan bagi tujuan menentukan jajaran jalan dan kajian awalan kejuruteraan.

Jurutera Perunding yang telah dilantik untuk menjalankan kajian ini ialah Min-Consult, sebuah syarikat perunding tempatan. Manakala reka bentuk terperinci pula akan dibuat oleh Min-Consult

pertengahan bulan Ogos yang lalu dengan tujuan untuk mengawasi pengeluaran cek tidak laku di seluruh negara. Di bawah sistem ini seseorang pemegang akaun yang mengeluarkan cek tidak laku sebanyak 3 kali dalam tempoh 12 bulan, akaunnya akan ditutup, dan dia tidak akan dibenarkan membuka akaun baru di mana-mana bank selama 6 bulan. Dengan sistem ini adalah diharapkan agar amalan mengeluarkan cek tidak laku ini akan berkurangan.

LEBUHRAYA YANG DIKENAKAN TOL

15. Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman minta Menteri Kerjaraya menyatakan:

- (a) senarai jalan-jalan yang dikenakan tol di seluruh negara sekarang ini dan pendapatan yang diperolehi oleh Kerajaan hasil daripada pungutan tol tersebut setiap bulan; dan
- (b) adalah Kerajaan membenarkan Wakil-wakil Rakyat bukan dari Barisan Nasional yang tidak diberi peruntukan membina projek-projek kecil dalam kawasan masing-masing, mengadakan pungutan tol di jalan-jalan kampung bagi membiayai pembinaan dan penyelenggaraan jalan-jalan berkenaan itu.

Dato' S. Samy Vellu:

- (a) Senarai lebuhraya-lebuhraya di bawah pengurusan Lembaga Lebuhraya Malaysia yang dikenakan tol diseluruh negara adalah seperti berikut:
- (i) Lebuhraya Bukit Kayu

Hitam-Jitra sepanjang 24 km.

- (ii) Lebuhraya Jitra-Alor Star-Gurun sepanjang 56 km.
- (iii) Lebuhraya Changkat Jering-Ipoh sepanjang 54 km.
- (iv) Lebuhraya Slim River-Tanjung Malim sepanjang 21.03 km.
- (v) Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak sepanjang 68 km.
- (vi) Lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban-Ayer Keroh sepanjang 122.5 km.
- (vii) Lebuhraya Senai-Tampoi-Johor Bahru sepanjang 28 km.
- (viii) Jambatan Pulau Pinang sepanjang 14 km.
- (ix) Pintu masuk Johor Bahru.

Pendapatan yang diperolehi oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia Hasil daripada pungutan tol setiap bulan pada tahun 1988 ini, sehingga akhir bulan septembar 1988 puratanya ialah \$7.75 juta sebulan.

Bagi Plaza Tol Jalan Kuching pula jumlah kutipan tol bulanan sejak ia dibuka kepada lalulintas pada awal tahun 1987 ialah lebih kurang \$1.2 juta sebulan.

Pungutan tol bulanan di plaza tol di Jalan Selat Kelang Utara pula ialah sejumlah lebih kurang \$220,000 sebulan.

Mengenai jawapan pada soalan (b) pula, Kerajaan tidak bercadang untuk membenarkannya.

dan Jurutera Consult (South-East Asia) pada kadar 40% dan 60%.

- (b) Kerajaan sememangnya telah pun memberi perhatian yang serius berhubung dengan environment impact assessment study. Dan itulah sebabnya kajian "Airborne Laser Terrain profiling (ALTP)" dilaksanakan di mana kajian ini tidak akan mengganggu keadaan ekologi dan kawasan berkenaan. Kajian secara ini akan menghasilkan penilaian teknologi yang tinggi, manakala kajian secara conventional yang mana akan memberi kesan buruk kepada alam sekitar tidak akan dilaksanakan.
- (c) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sedang menjalankan kajian berhubung dengan kadar pulangan dalaman (internal rate of return), dengan izin, dan juga lain-lain faedah hasil daripada pembinaan jalan tersebut.

Kerajaan telah menimbang-kan pelaksanaan projek ini dan dijangka bahawa faedah berikut akan diperolehi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembinaan jalan-jalan Genting Highland ke Bukit Fraser dan Cameron Highland adalah merupakan satu jalan yang unik di mana pembinaan jalan tersebut akan memberi faedah dari segi sosio-ekonomi kepada negara kita.

Jalan tersebut akan bermula dari kawasan peranginan Genting Highland menghala ke utara ke Bukit Fraser berakhir ke Cameron Highlands. Jalan yang panjangnya lebih kurang 240 kilometer akan terletak di antara negeri Pahang, negeri Selangor dan negeri Perak yang pada keseluruhannya berada pada ketinggian lebih kurang 1,000 meter

dari paras laut. Jalanraya tersebut juga akan direka bentuk dengan piawaian iaitu standard yang tinggi dan mampu menampung kelajuan kenderaan sehingga 80 k.s.j.

Penggunaan teknologi yang tinggi akan digunakan di dalam proses mereka-bentuk dan pembinaan jalan ini bagi mempercepatkan implimentasi projek serta menentukan supaya projek ini tidak meninggalkan kesan-kesan buruk ke atas alam sekitar.

Pembersihan dan penebangan hutan akan dikurangkan sehingga ke tahap yang paling minima bagi tujuan pembinaan jalan sahaja. Sebagai contoh, penebangan-penebangan pokok tidak dibenarkan di bawah jambatan atau di atas kecuali bagi tapak jambatan dan jejantas tersebut sahaja.

Jalan-jalan masuk bagi tujuan pembinaan seboleh-bolehnya akan terletak di kawasan pembinaan jalanraya tersebut sahaja. Airborne laser terrain profiling dan helicopter borne electro-magnetic remote sensing akan digunakan bagi mengelakkan penebangan hutan tidak perlu bagi tujuan mengukur, rintis dan jalan masuk bagi tujuan siasatan tanah. Kawasan bekerja di luar bahagian pembinaan jalan tersebut akan hanya dibenarkan di tempat-tempat tertentu yang pada akhirnya akan dijadikan pusat visitors point, dengan izin, dan juga kawasan rehat dan melawat kepada pengguna-pengguna jalan untuk menikmati keindahan pemandangan alam sekitar di kawasan tersebut.

Selain daripada itu pembukaan jalan ini akan memberi faedah kepada kajian pertanian dan pembangunan kawasan-kawasan pertanian tanah tinggi yang berpotensi di sepanjang jalanraya tersebut. Penanam-penanam sayur-sayuran, buah-buahan dan bunga-bunga yang sesuai dengan keadaan iklim tanah tinggi dijangka dapat dibuka di kawasan tersebut

dengan keluasan tanah lebihkurang 45,000 hektar. Projek ini juga akan menarik pelancong bukan sahaja dari dalam negeri tetapi juga dari Singapura iaitu rakyat Singapura dan pelancong melalui Singapura dan meningkatkan industri pelancongan amnya.

Rumah-rumah rehat iaitu rumah rehat yang pada masa ini digemari oleh orang-orang Jepun di luar dari negara mereka dan saya difahamkan orang Jepun berminat untuk menanam modal di negara kita untuk membina tempat peranginan di tanah tinggi khasnya untuk orang-orang tua yang ingin mengelakkan keadaan musim sejuk yang keterlaluan di negara mereka. Kawasan di tanah tinggi di negara ini adalah mempunyai suhu di antara 14.5°C hingga 22°C dan kawasan-kawasan tersebut adalah merupakan kawasan yang menarik bagi tujuan pembinaan rumah-rumah rehat tersebut. Kawasan di tanah tinggi di negara kita juga mempunyai potensi untuk dimajukan dari segi bahan-bahan galian seperti tembaga, zinc, timah hitam dan lain-lain galian yang berharga termasuk juga tanah liat untuk kegunaan pembuatan bahan-bahan tembikar.

Pembinaan jalan ini akan juga secara langsung memberikan kemudahan jalan masuk ke Universiti Islam Antarabangsa yang dicadangkan dibina di kawasan tersebut yang dijangka dapat menampung lebihkurang 9,400 pelajar-pelajar dengan jumlah penduduk lebihkurang 20,000 orang. Sementara itu jalan ini akan memberikan satu daya penarik yang unik kepada pelancong-pelancong dan akan membawakan kepada pembangunan sosial dan ekonomi yang besar kepada negara kita. Kejayaan mencapai tahap penggunaan kejuruteraan yang tinggi akan menjadikan negara kita dikenali oleh dunia dan seterusnya meningkatkan imej negara kita setanding dengan negara-negara maju dengan

infrastruktur dan kemudahan-kemudahan yang termoden dan teknologi yang terbaru. Secara tidak langsung ianya akan menarik ramai pelabur-pelabur untuk menanam modal di tanahair kita.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar:

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di dalam jawapan Yang Berhormat Menteri tadi mengatakan bahawa internal rate of return telah pun dihisabkan. Saya ingin bertanya berapa peratuskah internal rate of return ini dan berapa ramaikah rakyat keseluruhannya yang akan mendapat manfaat daripada projek ini dan akhirnya sekali, kalau boleh saya minta Yang Berhormat Menteri memberitahu dari segi keluasan batu persegi, the economy generated by this project? Misalannya, Yang Berhormat Menteri mengatakan tadi pembukaan tanah untuk pembangunan highland agriculture, dengan izin, tetapi apa yang saya maksudkan ialah apakah keluasan ekonomi generated ini? Adakah ianya meliputi sehingga kawasan Ulu Kelantan atau Utara Pahang ataupun sampai ke Kuala Lumpur ini?

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya percaya saya telah memberi satu jawapan yang panjang dan lebih terperinci kepada Ahli-ahli. Oleh kerana itu jikalau mahu juga butir-butir berkenaan dengan projek ini dan apa hasil akan disampaikan kepada tanahair kita, saya minta notis oleh kerana ini saya percaya boleh mengambil masa tiga hari untuk menjawab, lebih kurang tiga jam. (Ketawa) Oleh itu saya minta notis.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah projek ini merupakan salah satu langkah untuk menjadikan Malaysia sebagai negara perindustrian baru? Sekarang kita tidak ada wang. \$600 juta ini dari manakah akan kita dapati wang ini? Mengapa priority diberi kepada projek tersebut dan daripada

45,000 hektar ini berapakah bilangan penduduk-penduduk Malaysia di situ? Ini yang penting. Siapa yang akan menggunakan selain daripada orang-orang daripada Singapura, Jepun dan modal Jepun dan sebagainya disebutkan tadi. Siapa yang boleh menggunakan jalan seperti ini? Adakah hanya untuk orang-orang yang bermampu sahaja?

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya percaya Ahli Yang Berhormat dari Kepong itu tidak mendengar jawapan saya tadi. Jikalau Yang Berhormat dengar jawapan saya, hari ini sahajalah dalam sejarah saya sebagai Menteri saya memberi satu jawapan yang panjang untuk memberi lebih keterangan kepada Ahli-ahli. Saya sendiri tahu apakah faedah daripada projek ini dan 45,000 hektar tanah untuk menanam sayur-sayuran itu bukanlah orang daripada Jepun datang ke tanahair kita untuk menanam sayur. Itu adalah untuk rakyat jelata. Mereka ada juga di Cameron Highlands sekarang, beribu-ribu orang suka menanam sayur yang bertaraf tinggi tetapi mereka tidak mendapat tanah. Saya percaya melalui jalan ini, yang pertama, kita akan memberi peluang kepada siapa yang tidak mendapat tanah sekarang. Yang kedua, bandar-bandar kecil baru di paras tinggi itu lebih daripada 1,000 meter daripada paras laut boleh juga dijual, boleh juga dijayamakan sebagai satu bandar yang maju untuk menarik lebih orang daripada luar negeri seperti Jepun dan juga lain-lain negara boleh membeli tanah mengadakan rumah, membelanjakan lebih wang dalam tanahair ini.

Selain daripada itu pelancong-pelancong daripada Singapura ialah satu bilangan yang terbesar melalui Singapura datang ke tanahair kita. Pada hari ini apa mereka buat? Datang ke Johor Bahru makan mee goreng, balik—mee goreng pun tidak boleh makan sekarang. (*Ketawa*) Kita tidak

mahu satu perkara seperti itu. Kita mahu menarik semua pelancong-pelancong tempatan daripada negara Singapura dan juga orang datang ke Singapura melalui Singapura datang ke Cameron Highlands dan saya percaya ini akan menarik beribu-ribu atau berjuta-juta pelancong ke tanahair kita. Saya percaya perbelanjaan \$600 juta atas projek ini tidak boleh merugikan tanahair kita.

Kedua, peruntukan \$600 juta ini sudah ditetapkan oleh Kementerian Kewangan kepada Kementerian Kerjaya untuk menjalankan projek. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ada juga orang-orang dari luar negeri menarik perhatian atas projek ini. Mereka kata mereka boleh memberi pinjaman. Ada orang dari luar negeri mengatakan kalau kita mahu meminjam \$1,000 juta mereka boleh beri oleh kerana mereka tahu hasil boleh didapati daripada projek ini. Itulah penerangan saya.

Tuan Hu Sepang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya memang bersetuju dan mengakui jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri itu adalah begitu teliti dan nampaknya lebuh raya yang akan dibina itu akan merupakan satu lebuh raya dari langit dengan cuaca sejuk dan akan menjadi sangat menarik. Tetapi Yang Berhormat Menteri itu telah lupa satu aspek dari jawapannya dan ini menjadikan soalan tambahan saya. Nampaknya lebuh raya ini akan dibina sepanjang 240 kilometer dan bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu, adakah Kerajaan akan bercadang untuk mengutip tol dalam lebuh raya ini dan jika Kerajaan bercadang mengadakan tol berapakah kadar bayaran?

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Barisan Nasional ialah satu Kerajaan yang adil dan saksama (*Tepuk*), tidak mahu juga mengenakan tol di semua tempat di

tanahair kita. Itu bukan tujuan kita. Tol dikenakan di lebuh raya sahaja tetapi jalan ini jadi satu jalan khas, kita tidak mahu kenakan tol 50 sen atau \$1. \$1 atau \$2 bukan besar, kita mahu menarik \$1,000 daripada seseorang. Oleh kerana itu Kerajaan tidak ada cadangan, tetapi tol-tol yang telah dikenakan pun bukan jadi tetap. Di banyak tempat yang mana kita tahu tol ini akan memberi kesulitan kepada rakyat jelata, kita menarik balik. Tidak beberapa lama lagi saya akan mengurangkan tol kepada teksi dan juga kepada bas. Ini Menteri ada hati baik. *(Ketawa)*

BEKALAN ELEKTRIK DI SEMPORNA—GANGGUAN

5. Datuk Haji Sakaran bin Dandai minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada pihak Kementerian berkenaan sedar bahawa sejak kebelakangan ini sering berlaku gangguan bekalan elektrik di seluruh kawasan dalam daerah Semporna, Sabah:

- (a) menyebabkan beberapa kesulitan yang telah dialami dan dihadapi oleh para peniaga, kedai dan juga stesyen-stesyen minyak untuk menjalankan urusan mereka di siang hari;
- (b) pihak hospital daerah Semporna juga menghadapi kesulitan untuk merawat pesakit-pesakit yang memerlukan rawatan seperti X-ray, pemeriksaan darah dan lain-lain rawatan kecemasan yang diperlukan oleh hospital tersebut;
- (c) akibat daripada gangguan bekalan elektrik yang tidak menentu maka lampu-lampu jalan di tengah kedai pekan Semporna sudah rosak dan tidak berfungsi. Ramai juga terdapat sungutan daripada para pengguna elektrik di daerah

tersebut kerana kerosakan lampu, peti ais dan televisyen mereka kerana pihak pejabat Lembaga Letrik Daerah (Semporna) tidak memaklumkan atau memberi notis kepada para pengguna masa-masa gangguan bekalan elektrik berlaku. Jika sedar, apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh pihak Kementerian supaya mengatasi masalah dan kesulitan yang sedang dihadapi oleh para pengguna bekalan elektrik di daerah tersebut.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Abdul Ghani bin Othman): Tuan Yang di-Pertua, adalah diakui bahawa kebelakangan ini ada gangguan bekalan elektrik di Semporna dan ini disebabkan oleh kerana kekurangan keupayaan bekalan dibandingkan dengan penggunaan dan kekurangan ini berpunca daripada kerosakan ke atas beberapa set jentera penjanaan elektrik di Stesyen Janakuasa Semporna. Lembaga Letrik Sabah telah mengambil berat terhadap perkara ini dan telah pun memasang satu set jentera tambahan yang berkeupayaan menjana sebanyak 300 kw tenaga dalam bulan Oktober ini dan satu lagi yang sama keupayaannya akan dipasang pada akhir tahun ini, manakala dua set tambahan masing-masing mempunyai keupayaan 1 mw akan dipasang pada akhir tahun hadapan. Semenjak pemasangan set tambahan dalam bulan Oktober tahun ini keadaan bekalan elektrik di Semporna telah pun dapat dipulihkan seperti biasa dan dengan adanya set penjanaan tambahan ini maka kedudukan bekalan elektrik di Semporna pada masa akan datang adalah dipercayai akan terjamin.

Di atas permintaan pihak berkuasa keselamatan Lembaga Letrik Sabah di Semporna telah tidak dapat memberi

notis umum mengenai gangguan-gangguan bekalan elektrik oleh kerana sebab-sebab keselamatan.

GURU MEMUKUL MURID SEKOLAH

6. Tuan James Jimbun Anak Pungga minta Menteri Pendidikan menyatakan jumlah guru-guru yang memukul murid sekolah telah digantung perkhidmatannya dan apakah langkah untuk memperbaiki dalam mengurangkan kes murid sekolah yang memukul guru-guru di bilik darjah.

Timbalan Menteri Pendidikan (Tuan Woon See Chin): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan tidak mempunyai sebarang perangkaan mengenai jumlah guru yang telah digantung perkhidmatan mereka kerana memukul murid-murid sekolah. Tindakan guru-guru tersebut tidaklah memukul secara keterlaluan. Hasil daripada siasatan yang dilakukan, didapati keseluruhan tindakan guru yang memukul murid adalah disebabkan guru-guru tersebut tidak dapat mengawal emosi mereka apabila dicabar oleh murid-murid.

Seterusnya untuk mengurangkan kes murid sekolah yang memukul guru-guru di bilik darjah, pihak Kementerian Pendidikan akan bertindak tegas dan tidak akan teragak-agak mengenakan tindakan yang sewajarnya kepada murid-murid berkenaan. Pihak sekolah telah diarah untuk sentiasa menjelaskan peraturan-peraturan sekolah serta tindakan yang boleh dikenakan ke atas murid-murid yang melakukan kesalahan, terutamanya kesalahan-kesalahan yang dianggap berat.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, di sebalik peristiwa guru-guru yang memukul murid-murid di sekolah, saya ingin tahu adakah murid-murid

pula yang memukul guru-guru dan apakah langkah kalau sekiranya ada daripada Kementerian.

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, kita ada bukti bahawa adalah murid-murid atau pelajar memukul guru-guru seperti sudah berlaku baru-baru ini di Taiping, Perak dan tindakan sudah diambil terhadap murid itu dan mereka adalah digantung dan dibuang sekolah.

Tuan Haji Mohamed bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Minta Timbalan Menteri Pendidikan menjelaskan apakah kadar ataupun garis pengukuran yang mana guru-guru yang memukul murid sehingga digantung perkhidmatannya.

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, sekiranya seorang guru sudah memukul seorang murid dan selepas itu kita dapat aduan dari ibubapa, Kementerian Pendidikan melalui Guru Besar dan Pegawai Pendidikan Daerah akan membuat siasatan dan sekiranya perkara itu sangat berat, satu laporan akan dibuat kepada pihak polis untuk siasatan dan sekiranya polis dapati ini ialah satu kes yang melanggar Penal Code, dengan izin, polis akan mengambil tindakan dan Kementerian Pendidikan akan menunggu keputusan dari Polis atau mahkamah. Selepas hukuman sudah dijatuhkan, guru itu akan digantung kerja atau akan dibuang kerja.

FILEM PERANG JEPUN DI MALAYSIA

7. Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad minta Menteri kebudayaan dan Pelancongan menyatakan mengapa filem perang Jepun di Malaysia yang diambil semasa peristiwa sebenar berlaku dahulu yang mempunyai nilai sejarah yang sekarang ditayang oleh Arkib Negara

tidak dimiliki terus tetapi disewa. Berapakah jumlah sewanya dan negeri manakah yang menyewanya itu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan (Tuan Abdul Raman bin Suliman): Tuan Yang di-Pertua, filem perang Jepun yang mencatatkan detik-detik peristiwa yang berlaku semasa Perang Dunia Kedua di Tanah Melayu bertajuk "War in Malaysia" dan "Records of Advance" diperolehi oleh Arkib Negara Malaysia secara menyewa dari syarikat NHK International, Tokyo, Japan. Filem ini disewa mengikut ikatan kontrak dengan bayaran royalti berjumlah \$10,875 sehingga tempoh 1991. Urusan sewaan dilakukan melalui Kedutaan Besar Malaysia di Jepun dalam tahun 1986 yang lalu. Pada masa itu pihak berkenaan enggan menjual filem berkenaan. Walau bagaimanapun, Arkib Negara Malaysia pada masa ini sedang menguruskan melalui Kedutaan Besar Malaysia di Tokyo supaya syarikat filem tersebut dapat membenarkan Jabatan Arkib membeli filem tersebut untuk rujukan dan simpanan kekal di Arkib Negara.

Puan Ling Chooi Sieng: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, Negara Jepun telah merakamkan semula sejarahnya (they have re-written history) mengenai peristiwa dan "atrocities" yang mereka buat dalam Perang Dunia Kedua di rantau Asia. Nampaknya apa yang mereka merakamkan adalah tidak tepat dan berlainan daripada yang sebenarnya berlaku di rantau ini. Soalan saya, apakah tindakan telah diambil oleh Kementerian Yang Berhormat sebagai bantahan atau untuk membetulkan apa yang mereka telah rakamkan?

Tuan Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, soalannya ialah berkenaan filem yang kita dapat daripada pihak yang berkenaan dan dalam filem tersebut

kita dapati rakaman-rakaman yang dibuat adalah rakaman yang sebenar peristiwa-peristiwa yang berlaku dan bukan ianya dilakonkan. Jadi, saya tidak nampak bagaimana Yang Berhormat mengatakan ada penyelewangan sejarah dalam peristiwa filem tersebut.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya harap Yang Berhormat bersetuju dengan saya bahawa filem itu mempunyai nilai yang tinggi dan perlu diketahui, terutamanya sejarah peperangan Jepun di negara kita. Adakah pihak Kementerian bercadang untuk menayangkan sebagai tayangan khas; yang pertama kepada Ahli-ahli Parlimen yang bersidang sekarang ini, dan juga kepada pegawai-pegawai yang membuat laporan di Parlimen.

Kedua, adakah bercadang untuk ditayangkan di TV Malaysia. Terima kasih.

Tuan Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan Yang Berhormat yang pertama, memang pada masa yang lepas pernah kita jemput Ahli-ahli Parlimen untuk melihat tayangan gambar tersebut dan Insya Allah, jika Yang Berhormat berhasrat untuk melihat, kita boleh laksanakan tayangannya beberapa kali yang akan datang.

Mengenai yang kedua, sebenarnya mengikut perjanjian dengan pihak Syarikat NHK International Tokyo, Jepun, kita bukan sahaja tidak boleh menayangkan kepada orang ramai di luar daripada Arkib Negara, tetapi kita juga tidak boleh untuk buat salinan. Salinannya pun kita tidak boleh. Jadi, inilah perjanjian yang telah kita lakukan dengan pihak yang berkenaan dan oleh kerana demikian, kita akan terus menjalankan perundingan supaya filem ini dapat

dimiliki oleh kita dan oleh kerana perjanjian ini belum lagi tamat dan kita akan meneruskan urusan berunding dengan pihak yang berkenaan.

PASARAN BESI WAJA DAN GAS ASLI CAIR

8. Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (i) apakah langkah-langkah yang telah diambil dalam mencari pasaran untuk Besi Waja, Gas Asli Cair (LNG) dan Methanol; dan
- (ii) sejauhmanakah kejayaan yang telah dicapai.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Tuan M. G. Pandithan): Tuan Yang di-Pertua, pengeluar utama besi waja ialah PERWAJA Sdn. Bhd. dan pengeluar gas asli cair (LNG) ialah Malaysia LNG Sdn. Bhd., manakala pengeluar methanol ialah Sabah Gas Industries Sdn. Bhd. Pemasaran keluaran-keluaran tersebut adalah dilakukan sendiri oleh syarikat-syarikat berkenaan. Pihak Kerajaan telah menyediakan galakan-galakan seperti yang diperuntukkan dalam Akta Penggalakan Pelaburan, 1986, di mana syarikat-syarikat yang mengeksport keluarannya adalah layak mendapat pengurangan pendapatan larasan untuk eksport sebanyak 50%.

Mengenai prestasi pemasaran keluaran-keluaran tersebut, sukacita dimaklumkan bahawa pada masa ini kesemua keluaran-keluaran tersebut telah dapat dipasarkan oleh syarikat-syarikat berkenaan dengan jayanya. Hampir semua keluaran besi waja PERWAJA adalah dijual untuk menemui permintaan pengilang-pengilang besi tempatan.

Sabah Gas Industries pula merupakan pengeluar tunggal methanol di negara ini dan telah berjaya mengeksport kesemua keluarannya ke Jepun, Korea, Taiwan, Amerika Syarikat, Eropah dan negara-negara ASEAN dan tidak menghadapi sebarang masalah pasaran. Sabah Gas Industries juga adalah pengeluar "hot briquetted iron". Syarikat juga telah berjaya menjual melebihi 80% keluarannya untuk pasaran eksport dan 20% untuk pasaran tempatan.

Malaysia LNG Sdn Bhd. juga merupakan pengeluar tunggal LNG di negara ini dan telah mengeksport kesemua keluarannya ke negara Jepun mengikut perjanjian kontrak.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya merasa "pelik bin hairan", "takjub bin ajaib", apabila dikatakan PERWAJA—hasil-hasil besi wajanya telah dapat dipasarkan dengan baik. Setahu saya PERWAJA di Terengganu menghadapi masalah yang sangat berat, ruginya ratusan juta sekarang disebabkan oleh pemasarannya yang tidak kemaskini. Jadi, dimanakah letaknya jawapan yang sebenar dan apakah tindakan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian kerana saya lihat PERWAJA ini telah 2, 3 tahun rugi. Jadi, apakah langkah-langkah yang telah, sedang dan akan dijalankan.

Selain daripada itu saya difahami besi waja, gas asli cair dan methanol tempatan sering menghadapi saingan pasaran luar negeri. Jadi, apakah langkah-langkah Kementerian dalam usaha mengatasi perkara-perkara ini supaya tidak elok sahaja bunyi tetapi hakikat "out".

Tuan M. G. Pandithan: Tuan Yang di-Pertua, pendapat Ahli Yang Berhormat tidak begitu tepat kerana pasaran perwaja meningkat, tetapi apa yang dihadapi oleh PERWAJA ialah

mereka ataupun PERWAJA Sdn Bhd. menghadapi masalah kewangan kerana syarikat itu telah mengalami hutang yang lebih ataupun banyak kerana nilai mata wang Jepun. Yen itu naik. Itulah sebabnya mereka pun menghadapi masalah untuk menyelesaikan hutang itu, tetapi dari segi pemasaran syarikat itu tidak menghadapi apa-apa masalah.

Untuk soalan Nombor 2, LP.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan D. P. Vijandran): LNG.

Tuan M. G. Pandithan: . . .LPG. Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya tidak ada persaingan dengan mana-mana negara kerana Malaysia mempunyai lebih banyak LPG gas ini dan pada masa ini kita menggunakan LPG ini untuk kereta-kereta di Pantai Barat Semenanjung dan juga di Pantai Timur Semenanjung sebagai CNG (compressed natural gas). Kita tidak menghadapi persaingan dengan mana-mana negara.

Tuan Nurnikman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Setiausaha Parlimen, berapakah harga besi waja, gas asli cair dan methanol setakat ini dan adakah harga setakat ini memuaskan dan viable dan saya ingin tahu juga dengan pasaran manakah negara kita mengimport paling banyak bahan-bahan ini. Saya ingin tahu berkenaan dengan pasaran, negara manakah yang paling banyak mengimport bahan-bahan ini?

Tuan M. G. Pandithan: Tuan Yang di-Pertua, senarai harga saya tidak mempunyai di sini. Walau bagaimanapun, dalam jawapan asal saya telah nyatakan besi waja itu semuanya dipasarkan oleh PERWAJA untuk kegunaan tempatan dan Sabah Gas mengeluarkan "hot briquetted iron" untuk mengeksport 80% dan 20% kegunaan tempatan dan

LNG gas kita pengeksporth semuanya ke negeri Jepun.

FELDA/FELCRA—PENYALAH-GUNAAN DADAH

9. Tuan Hu Sepang minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan sama ada Kementerian beliau mengadakan satu pengkajian tentang penyalahan penggunaan dadah di kalangan peneroka dan ahli keluarga peneroka skim FELDA dan FELCRA dan sila nyatakan jumlah peneroka-peneroka yang telah dikesan sebagai penagih dadah dan jumlah mereka yang terlibat dalam kes-kes jenayah yang bersabit dengan dadah.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tuan Adam bin Abdul Kadir): Tuan Yang di-Pertua, FELDA sentiasa mengkaji mengenai penyalahgunaan dadah di rancangan-rancangan. Kajian yang paling akhir dibuat dalam bulan September 1988 dan hasil kajian itu menunjukkan 492 orang peneroka dan tanggungan peneroka terlibat di dalam kes penyalahgunaan najis dadah. Dari jumlah itu, 40 orang ataupun 8% adalah peneroka dan 452 orang ataupun 92% adalah tanggungan peneroka ataupun belia. Ini semua menunjukkan dari segi peratusannya hanyalah 0.03% iaitu berasaskan kepada jumlah peneroka sebanyak hampir 108.000 orang.

Dari jumlah yang terlibat seperti di atas, 3 orang peneroka dan 59 orang tanggungan peneroka dimasukkan ke Pusat Pemulihan Dadah. Mereka yang dipenjarakan bersabit dengan kesalahan penyalahgunaan najis dadah terdiri dari 3 orang peneroka dan 24 orang tanggungan peneroka.

Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha untuk membanteras penyalahgunaan najis dadah dilaksanakan oleh

FELDA melalui pendekatan penerangan/perhubungan iaitu seperti penggunaan poster, Majalah Peneroka, tayangan filem, pameran dan penerangan serta pendidikan/latihan iaitu kursus kesedaran, kelas agama dan ceramah khas.

Kegiatan kemasyarakatan juga diatur dengan pembentukan Jawatankuasa Anti Najis Dadah Rancangan dan Wilayah dan penubuhan RELA, yang bekerja rapat dengan Jawatankuasa Anti Najis Dadah, Hospital dan Polis di dalam usaha mencegah kemeresapan anasir najis dadah di kalangan masyarakat rancangan FELDA.

Selain daripada itu Persatuan Belia ditubuhkan di rancangan-rancangan FELDA. Persatuan-persatuan ini disalurkan dengan beberapa kemudahan seperti projek ekonomi dan peluang-peluang latihan serta kemahiran. Dengan ini belia-belia dan beliawanis boleh menghindarkan diri dari terlibat dengan penyalahgunaan najis dadah.

Projek Gerakan Tumpuan telah dilaksanakan bersama Pasukan Petugas Jabatan Perdana Menteri, Polis, Kementerian Belia, Jabatan Penerangan, PEMADAM dan Jabatan Perpaduan Rakyat. Projek ini ditumpukan kepada rancangan-rancangan yang disenaraikan sebagai kawasan hitam ataupun yang berisiko tinggi.

Manakala FELCRA pula, mengikut rekod sehingga pertengahan tahun 1988, daripada seramai 64,800 orang peserta FELCRA yang ada pada masa ini, seramai 17 orang peserta yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah. Dari 17 kes itu, 2 kes yang terlibat dengan jenayah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Johor Bahru. Saya sudah lupa! *(Ketawa)*

Dato Shahrir bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sama ada seorang kakitangan FELDA yang bernama Encik Senawan bin Md. Som yang hari ini telahpun ditukarkan ke Sabah dari Johor Bahru, ditukarkan di atas sebab penglibatan dengan dadah ataupun di atas sebab politik? *(Ketawa)*

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, saya boleh katakan soalan ini tidak ada kena mengena dengan yang asal kerana sedikit umum; sama ada berkaitan dengan dadah ataupun politik. Jadi kerana soalan ini tertentu (specific), jadi saya minta notislah, insya Allah *(Ketawa)*.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 10 hingga 31 adalah diberi di bawah ini).

GURU SEMENANJUNG BERKHIDMAT DI SABAH/ SARAWAK

10. Tuan Madatang Morejal minta Menteri Pendidikan menyatakan jenis-jenis faedah yang dinikmati oleh guru-guru daripada Semenanjung Malaysia yang berkhidmat di Sabah dan Sarawak.

Tuan Woon See Chin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, faedah yang dinikmati oleh guru-guru daripada Semenanjung Malaysia yang berkhidmat di Sabah atau Sarawak mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 1987 yang mula berkuatkuasa mulai 1-1-88 adalah seperti berikut:

- (i) Elaun Wilayah.

- (ii) Kemudahan tambang mengunjungi wilayah asal sekali dalam tempoh 2 tahun perkhidmatan.
- (iii) Kemudahan rumah Kerajaan atau rumah yang disewa oleh Kerajaan tertakluk kepada had kadar sewa yang ditetapkan.
- (iv) Elaun Hidup Susah.

Kemudahan-kemudahan seperti (i), (ii) dan (iii) di atas juga dinikmati oleh guru daripada Sabah dan Sarawak yang diarah berkhidmat di Semenanjung atau daripada Sabah ke Sarawak dan sebaliknya. Elaun Hidup Susah di atas kadar 10% daripada gaji bulanan pula adalah dibayar kepada pegawai yang bertugas dan terpaksa tinggal di kawasan-kawasan rancangan pembukaan tanah dan kawasan-kawasan yang diisytiharkan oleh Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak sebagai kawasan hidup susah dengan syarat 3 daripada kemudahan-kemudahan asas berikut tidak ada:

- (a) Rumah Kakitangan (Standard Staff Quarters).
- (b) Bekalan Air Paip.
- (c) Bekalan Tenaga Elektrik.
- (d) Kemudahan Persekolahan atau Perubatan.

KELAB LUMBA KUDA SELANGOR—JALAN SUSUR

11. Dr Chen Man Hin minta Menteri Kerjaraya menyatakan mengapa institusi-institusi persendirian seperti Kelab Lumba Kuda Selangor diberi akses secara langsung kepada Lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban dekat Sungai Besi yang menyebabkan bahaya kepada lalulintas serta kesesakan lalulintas pada hari-hari lumba kuda diadakan.

Dato' S. Samy Vellu: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jalan susur ke Kelab Lumba Kuda Selangor untuk jalan masuk bagi lalulintas yang datang daripada selatan dan jalan susur keluar dari kelab tersebut bagi lalulintas ke Kuala Lumpur adalah sebagai langkah sementara sahaja. Kerajaan sebenarnya sedang merancang untuk menggantikan jalan susur tersebut dengan mengadakan persimpangan bertingkat yang akan dibina tidak lama lagi dikawasan tersebut. Ini bertujuan bukan sahaja untuk kesenangan keluar masuk ke Kelab Lumba Kuda sahaja tetapi untuk tujuan pembangunan kawasan sekeliling pada masa hadapan seperti pembinaan Komplek Sukan Kebangsaan, pembangunan Bukit Jalil dan juga kemudahan kepada kawasan perumahan yang berhampiran yang ada pada masa ini. Mengenai kesesakan lalulintas yang berlaku pula, perkara ini bukan sahaja terjadi disebabkan oleh jalan susur keluar masuk ke tempat tersebut, tetapi adalah disebabkan oleh pertambahan kenderaan yang sememangnya sentiasa terjadi pada masa-masa tersebut, khasnya pada hari-hari kelepasan am dan hujung minggu.

SEKOLAH MENENGAH AGAMA—PEMBINAAN

12. Dato' Haji Zainal Abidin bin Zin minta Menteri Pendidikan untuk memberi sebab-sebab mengapa satu peruntukan bagi membina sebuah sekolah menengah agama yang telah pun diluluskan pembinaannya di Daerah Kerian dan Jawatankuasa Tindakan Daerah Kerian telah membuat semua persediaan termasuk pengambilan balik tanah. Tapi kerana dan atas sebab-sebab apa pula peruntukan dan kelulusan ini dipindahkan ke tempat lain.

Tuan Woon See Chin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembinaan sebuah Sekolah Menengah Agama tidak dapat dilaksanakan di Daerah Kerian adalah kerana Kementerian Pendidikan mendapati tapak yang dicadangkan dan dikenalpasti untuk pembinaan Sekolah Menengah Agama tersebut tidak sesuai. Pembinaan akan dilaksanakan di Daerah Batang Padang oleh kerana tapaknya sesuai dan sedia ada yang mana telah diberikan oleh Kerajaan Negeri.

HOSPITAL DAERAH TUARAN— PEMBINAAN

13. Datuk Bernad Giluk Dompok minta Menteri Kesihatan menyatakan bilakah projek pembinaan hospital Daerah Tuaran yang telah tergendala sejak rancangan Malaysia yang lalu itu dapat dimulakan, dan jika ianya memakan masa beberapa tahun lagi. Bolehkah langkah-langkah sementara diambil untuk memperbaiki mutu perkhidmatan perubatan daerah tersebut.

Dr Ting Chew Peh: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, oleh sebab kemelesetan ekonomi negara, projek Hospital Daerah Tuaran tidak dapat dimulakan dalam masa Rancangan Malaysia Kelima. Bagaimanapun, projek ini mungkin akan dapat dimulakan pada masa Rancangan Malaysia Keenam.

Untuk memperbaiki lagi mutu perkhidmatan perubatan di Daerah Tuaran, Kementerian Kesihatan telahpun menempatkan seorang doktor di Pusat Kesihatan Tuaran sejak 1 Ogos, 1988. Seorang doktor akan juga ditempatkan di Pusat Kesihatan Tamparuli pada awal tahun 1989.

CEK TIDAK LAKU

14. Tuan Douglas Uggah Embas minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) nilai cek tidak laku dikeluarkan dalam tahun 1986, 1987 dan dari Januari hingga Jun 1988, di seluruh negara;
- (b) apakah tindakan Bank Negara untuk membendung penggunaan cek "tidak laku" ini.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:

- (a) untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kewangan tidak dapat memberikan maklumat mengenai nilai cek tidak laku yang dikeluarkan di seluruh negara kerana pihak Bank Negara buat masa ini hanya mempunyai rekod-rekod lengkap mengenai cek tidak laku yang dikeluarkan dalam kawasan-kawasan yang diliputi oleh Rumah Penjelasan Automatik Kuala Lumpur (dengan izin Kuala Lumpur Automated Clearing House) sahaja. Kawasan ini meliputi Kuala Lumpur, Petaling Jaya, Pelabuan Kelang, Seremban, Sungai Buluh, Shah Alam, Kajang, Semenyeh, Mantin, Bangi, Serdang, Rawang dan Kapar. Bilangan dan nilai cek tidak laku yang dikeluarkan dalam kawasan-kawasan itu adalah sebagaimana berikut:

Tahun	Bil. Cek	Nilai Cek (\$ Juta)
1986	438,187	1,238.3
1987	314,566	853.4
1988 (Jan-Jun)	127,851	295.3

- (b) bagi membendung pengeluaran cek tidak laku, Bank Negara telah menubuhkan Biro Maklumat Cek pada

SYARIKAT INSURANS YANG DISIASAT

16. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) jumlah bilangan syarikat insurans yang disiasat oleh Bank Negara sehingga 31-9-1988 dan apakah syarikat yang terlibat;
- (b) bagaimanakah kemajuan siasatan dan adakah Bank Negara akan mengeluarkan satu kertas putih; setelah selesai siasatannya; dan
- (c) apakah perkara-perkara yang disiasat dan bilakah Bank Negara akan berada dalam kedudukan untuk mengambil tindakan terhadap mereka yang didapati terlibat dalam salah pengurusan dan lain-lain penyelewengan.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:

- (a) Sehingga 31 September, 1988, Bank Negara telah memeriksa sebanyak 12 buah syarikat insurans. Pemeriksaan itu adalah merupakan amalan biasa bagi memenuhi peranan pengawasan yang dipertanggungjawabkan kepada Bank Negara. Nama-nama syarikat insurans berkenaan tidak wajar disebutkan kerana pemeriksaan itu adalah dibuat secara sulit sejajar dengan peruntukan Seksyen 18(1) Akta Insurans, 1963.
- (b) Pemeriksaan biasa ke atas syarikat-syarikat insurans lain masih diteruskan. Buat masa ini, isu mengenai pengeluaran Kertas Putih seperti yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat tidak berbangkit kerana perkara-perkara yang dikesan sehingga ini tidaklah dianggap sebagai serius atau sebagai satu skandal yang boleh

mengancam kestabilan sistem kewangan negara.

- (c) Antara perkara-perkara yang diperiksa termasuklah kedudukan kewangan, prestasi syarikat, mutu pengurusan serta aktiviti syarikat bagi menentukan bahawa ianya tidak bertentangan dengan undang-undang dan tidak menjejaskan kepentingan pemegang-pemegang polisi. Sekiranya terdapat penyelewengan atau penyalahgunaan kuasa oleh pihak pengurusan, Bank Negara akan mengambil tindakan yang sesuai selaras dengan peruntukan undang-undang.

SYARIKAT PKEN DISERAHKAN KEPADA PNB

17. Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar minta Perdana Menteri menyatakan bilangan syarikat kepunyaan Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN) yang telah dan akan diserahkan kepada Perbadanan Nasional Berhad (PNB). Apakah harga belian yang dibayar oleh PNB, adakah ianya pada harga kos atau harga pasaran semasa. Sila nyatakan juga jumlah pelaburan keseluruhannya yang dibuat oleh PNB di dalam usaha ini dan berapa banyakkah keuntungan/kerugian yang dialami setakat ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor): Semenjak skim pemindahan dilaksanakan pada 1981, sebanyak 14 buah syarikat kepunyaan Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN) telah dipindahkan kepada Permodalan Nasional Berhad (PNB). Harga pemindahan kepada PNB ini ialah berdasarkan harga kos, selaras dengan peruntukan yang terdapat dalam

“Asas dan Panduan Pemindahan Hakmilik Saham Syarikat Milikan Kerajaan kepada Bumiputera”.

Berdasarkan perkiraan harga kos, PNB telah membayar sebanyak \$64.3 juta bagi 14 buah syarikat PKEN yang telah dipindahkan. Kedudukan keuntungan/kerugian bagi syarikat-syarikat tersebut sejak dipindahkan kepada PNB sehingga tahun kewangan 1987/88 adalah seperti berikut:

- (i) jumlah syarikat untung ialah 11 buah dan jumlah keuntungan yang dibuat oleh syarikat-syarikat ini ialah sebanyak \$450.2 juta; dan
- (ii) jumlah syarikat rugi ialah 2 buah dan jumlah kerugian yang dibuatnya sebanyak \$45.5 juta.

MAS—TAMBANG DAN PENGANTIAN FOKKER FRIENDSHIP

18. Tuan Nurnikman bin Abdullah minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah Penerbangan Malaysia—MAS bercadang hendak menggantikan penerbangan jenis Fokker Friendship—F27 kepada Boeing 737 sepenuhnya bagi penerbangan dari Kota Kinabalu—Sandakan Kota Kinabalu dan bagi Kota Kinabalu—Tawau—Kota Kinabalu memandangkan jumlah penumpang yang kian bertambah. Dan adakah juga MAS bercadang hendak menurunkan tambang dalam negeri (domestic fares) khasnya penerbangan di Sabah dan Sarawak.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail): Penerbangan Malaysia (MAS) telah pun membuat rancangan untuk menggantikan kesemua penerbangan jenis F27 kepada penerbangan jenis B737 bagi sektor Kota Kinabalu—Tawau. Bagi sektor di antara Kota

Kinabalu dan Sandakan, MAS akan menggantikan sebahagian daripada perkhidmatan F27 dengan perkhidmatan B737. Peningkatan perkhidmatan ini adalah berkuatkuasa pada 1 November, 1988.

Mengenai kadar tambang dalam negeri, Kementerian telah pun mengarahkan MAS untuk menjalankan kajian ke atas paras tambang yang ada sekarang khususnya bagi tambang-tambang perkhidmatan luar bandar di Sabah dan Sarawak. Kajian sedang dijalankan dan pertimbangan mengenai cadangan untuk mengubahsuaikan kadar tambang tersebut akan dipertimbangkan setelah kajian tersebut disiapkan.

FAKULTI ISLAM UNIVERSITI MALAYA DI BACHOK

19. Tuan Haji Mohamed bin Haji Isa minta Menteri Pendidikan menyatakan satu kawasan di Jajahan Bachok, Kelantan telah diambil oleh Kerajaan (Kementerian Pendidikan) untuk mendirikan Fakulti Islam, Universiti Malaya. Sehingga hari ini perkara itu telah tinggal begitu sahaja, sehingga kawasan tersebut telah pun dinaiki semak-samun dan menyakitkan mata bila melihatnya adakah pembinaan Fakulti Islam ini akan diteruskan ataupun dibatalkan. Jika ianya akan didirikan, nyatakan bila. Dan apakah sebab yang melambatkan pembinaan bangunan fakulti ini.

Tuan Woon See Chin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek pembinaan Akademik Islam di Bachok, Kelantan telah dirancang semenjak tahun 1975 dan urusan pengambilan tapak telah selesai dalam tahun 1981. Walaupun projek pembinaan Akademik Islam itu telah diluluskan oleh Kerajaan ia belum lagi dapat dimulakan pelaksanaannya kerana kekurangan peruntukan.

KAMPUCHEA—USAHA ASEAN

20. Tuan S. S. Subramaniam minta Menteri Luar Negeri menyatakan adakah beliau puas hati di atas kemajuan yang telah dicapai oleh beberapa mesyuarat yang diadakan pada tiga bulan yang dahulu untuk mendapat kedamaian di negara Kampuchea; adakah Y.B. Menteri puas hati dengan sumbangan yang telah diberi oleh Kerajaan negara-negara ASEAN di atas "Peace Effort" tersebut. Negara-negara ASEAN sebagai satu golongan yang berhampiran dengan Negara tersebut sebab apa kita tidak boleh memainkan suatu peranan yang lebih penting di atas usaha tersebut.

Menteri Luar Negeri (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar): Usaha ASEAN mencari penyelesaian masalah Kampuchea melalui rundingan telah mendapat sambutan yang baik, iaitu dengan Mesyuarat Tidak Rasmi di Jakarta (JIM) yang berlangsung pada 25-28hb Julai. Baru-baru ini Kumpulan Kerja yang ditugaskan oleh JIM untuk meneruskan usaha ini telah pun bermesyuarat di Jakarta dari 17hb hingga 19hb Oktober. Proses rundingan ini akan diteruskan.

Sejak sepuluh tahun yang lalu, Malaysia dan ASEAN telah memainkan peranan yang penting dalam usaha mencari penyelesaian terhadap masalah Kampuchea dan usaha ini akan dibuat berterusan. Secara kebetulan, pada hari ini, debat Resolusi mengenai Kampuchea dijangka akan dibincangkan di Perhimpunan Agong Bangsa-bangsa Bersatu yang ke 43 di New York. Resolusi ini yang ditaja oleh ASEAN telah mendapat sambutan yang hangat dan beberapa negara bersetuju untuk menjadi "cosponsor"nya. Kementerian Luar Negeri, dengan kerjasama negara-negara ASEAN, telah berusaha untuk memperolehi

sokongan supaya Resolusi ini beroleh sokongan yang lebih banyak dari yang diperolehi di tahun-tahun yang lepas.

PENCEN TUN SALLEH ABBAS

21. Tuan Haji Ibrahim bin Ali minta Menteri Kehakiman menjelaskan jumlah pencen yang diberikan kepada Tun Salleh Abbas serta lain-lain kemudahan setelah beliau dipecat dari jawatan Ketua Hakim Negara.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Oo Gin Sun): Soalan ini dan juga soalan No. 31 telah pun dijawab pada 10hb Oktober 1988 dan tidak ada apa-apa tambahan lagi.

ANGKATAN TENTERA— PERKHIDMATAN

22. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Pertahanan menyatakan bilangan orang-orang yang berkhidmat dengan Angkatan Tentera di bawah umur 40 tahun dan telah meninggalkan perkhidmatan tentera tetapi masih menganggur.

Menteri Pertahanan (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj): Bilangan anggota yang berkhidmat di bawah umur 40 tahun adalah 90% daripada jumlah kekuatan tentera. Bilangan ini adalah berasaskan pada umur seseorang anggota yang masuk berkhidmat pada umur 18 tahun dan bersara apabila genap tempoh tamat perkhidmatan selama 21 tahun.

Jumlah anggota yang meninggalkan perkhidmatan setiap tahun adalah lebihkurang 5,000 orang.

Adalah sukar bagi saya untuk menentukan jumlah bekas-bekas anggota yang menganggur, kerana pihak Kementerian tidak menerima maklumbalas jumlah bekas tentera yang mendapat pekerjaan. Walau bagaimanapun, setiap anggota tentera

yang akan menamatkan perkhidmatan, diberi latihan peralihan dalam berbagai bidang mengikut pilihan masing-masing sebelum mereka kembali hidup seperti orang awam. Saya percaya dengan kemahiran yang ada pada mereka, ramai yang dapat memulakan kehidupan selepas tamat perkhidmatan dengan menceburi berbagai bidang pekerjaan dan berdikari tanpa terlalu bergantung kepada kerja-kerja makan gaji.

AGRICULTURE PARK

23. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) apakah program-program yang akan disediakan bagi menjadikan "Agriculture Park" (Taman Pertanian) di Bukit Cerakah Selangor sebagai pusat pelancongan yang terindah di negara ini memandangkan lokasinya dan kedudukan alam semulajadi; dan
- (b) adakah Kementerian Pelancongan sedia bekerjasama dengan Kementerian Pertanian bagi mengindahkan lagi tempat tersebut bukan sahaja sebagai tempat tarikan pelancong tetapi sebagai pusat pertanian yang unit.

Menteri Pertanian (Dato' Seri Sanusi bin Junid):

- (a) Memandangkan lokasi dan kedudukan alam semula jadinya, Taman Pertanian telah dirancang supaya menjadi satu Pusat Sumber Pertanian (Agricultural Resource Centre) tempat rekrasi dan Pusat Pelancongan yang unik dan bertaraf antarabangsa. Untuk menjadi suatu pusat pelancongan yang berjaya, pelbagai aktiviti dan kemudahan telah dikenalpasti dan sebahagiannya telah mula

dilaksanakan. Kesemuanya akan dilandscape dan dihias dengan cantik dan unggul supaya menjadi tarikan dan dapat memberi kepuasan kepada semua pengunjung, tidak mengira peringkat umur serta negara asal mereka. Adalah diharapkan semoga Taman ini dapat memenuhi segala keperluan fizikal dan naluri pengunjung-pengunjungnya. Di antara aktiviti-aktiviti dan kemudahan-kemudahan tersebut adalah seperti berikut:

1. Keseluruhan Taman Pertanian adalah merupakan satu taman yang unik dan tunggal, tidak terdapat taman-taman lain di dunia ini yang menyerupainya.
2. Taman ini juga merupakan pintu masuk ke alam pertanian dan penternakan negara ini. Pengunjung akan dipaparkan dengan kesemua aktiviti berkaitan dengan pertanian dan penternakan di Malaysia, di mana unsur-unsur maklumat dan pembelajaran diutamakan.
3. Taman Pertanian juga akan mempunyai beberapa pusat pengumpulan pelbagai jenis tumbuhan yang istimewa dan sukar ditemui di tempat-tempat lain, seperti Muzium Buah-buahan, Taman Orkid Liar, Kebun Tumbuhan Ubatan dan Kebun Tumbuhan Hutan yang beracun dan juga yang boleh dimakan.
4. Terdapat juga satu kawasan seluas kira-kira 350 hektar di mana pengunjung berpeluang

- mengalami dan menikmati keunikan hutan tropika semula jadi serta penghidupan liarnya dengan cara yang mudah dan mudah.
5. Keseluruhan Taman juga akan disediakan dengan lorong-lorong jogging dan pejalan kaki merentasi pelbagai aktiviti pertanian dan penternakan, tasek-tasek, bukit dan lurah dan juga kawasan hutan tropika semulajadi. Sebagai tambahan, kuda-kuda tunggangan dan kereta kuda juga disediakan.
 6. Enam kolam/tasek buatan serta dua takungan air yang dibaikpulih akan dijadikan pusat perkelahan dan memancing yang menarik. Kepada yang sukakan "adventure" pula, dua kawasan perkemahan juga disediakan.
 7. Perkampungan Orang Asli Air Kuning akan disesuaikan untuk mendapat faedah secara langsung dari kegiatan Taman dan juga akan menyediakan pelbagai aktiviti khusus untuk menarik pelancong dari dalam dan luar negeri.
 8. Taman Pertanian juga akan menyediakan beberapa tempat makan yang menyajikan masakan-masakan yang unik dan sukar didapati di tempat-tempat lain. Di antaranya ialah ikan-ikan air tawar, daging rusa, daging selembu dan juga yamyoh. Sebagai tambahan, pelbagai buah-buahan tempatan, secara segar dan

diproses, juga akan disediakan.

9. Untuk pengunjung-pengunjung kecil pula beberapa aktiviti yang menarik juga akan disediakan. Di antaranya ialah taman permainan ala Taman Sang Kancil atau "Mickey Mouse", permainan air tawan rawa dan serangga, dan juga "Story Book Garden".
- (b) Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan sangat berpuas hati dengan pelbagai aktiviti dan kemudahan yang dirancang di Taman Pertanian. Kementerian ini juga berpendapat bahawa Taman Pertanian mempunyai potensi yang baik untuk menjadi satu pusat rekreasi dan pelancongan yang unik dan bertaraf antarabangsa. Sehubungan dengan ini pihak TDC dan Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan telah bercadang untuk menjadikan Taman Pertanian sebagai salah satu destinasi untuk program "Lawati Malaysia 1990". Seterusnya kerjasama di antara Kementerian Pertanian dan Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan akan dipertingkatkan lagi bagi memastikan kejayaan Taman ini.

KAD PENGENALAN PALSU— PENGEDARAN

24. Datuk Bernard Giluk Dompok minta Menteri Dalam Negeri menyatakan betapa seriuskah masalah pembuatan dan pagedaran Kad Pengenalan palsu di Sabah, khususnya di kalangan orang-orang pendatang haram. Dan langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi masalah tersebut.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Kementerian Dalam Negeri memandang berat mengenai masalah pembuatan dan pengedaran Kad Pengenalan palsu bukan sahaja di Sabah tetapi di seluruh Malaysia kerana ianya menyalahi Akta Pendaftaran Negara dan Peraturan-peraturan Pendaftaran Negara yang berkuatkuasa sekarang.

Kegiatan tersebut di Sabah tidak serius malah dapat dikawal sewajarnya. Sehingga September 1988 sejumlah 753 keping Kad Pengenalan palsu telah dapat dikesan. Siasatan dan tangkapan ke atas mereka yang disyaki terlibat telah, sedang dan akan diteruskan bagi mendapatkan bukti untuk mendakwa mereka.

Sebagai langkah jangka panjang Kerajaan akan memperkenalkan sistem Kad Pengenalan yang baru, bermutu tinggi dan sukar dipalsukan.

TENTERA LAUT—PASUKAN KAPAL SELAM

25. Dr Abdul Hadi bin Derani minta Menteri Pertahanan menyatakan bilakah kapal selam pertama akan dibeli oleh TLDM dan apakah persediaan dan latihan yang dibuat oleh pihak TLDM untuk mengambilalih kapal selam tersebut. Apakah tugas-tugas kapal selam ini dalam susunan pengawasan perairan Malaysia.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj: Kerajaan memang ada rancangan untuk mewujudkan pasukan kapal selam dalam Angkatan Tentera Laut DiRaja Malaysia (TLDM). Walau bagaimanapun, keputusan untuk membelinya dan jenisnya masih lagi dalam peringkat pertimbangan Kerajaan. Kita perlukan kapal selam untuk

memperkuatkan pertahanan perairan negara kita. Sebagai sebuah negara yang dikelilingi oleh laut, Kerajaan beranggapan adalah penting kepada negara untuk memiliki pertahanan Maritim yang kuat setaraf dengan angkatan laut negara-negara lain. Kapal selam yang akan dibeli nanti boleh memainkan beberapa peranan seperti:

Peperangan anti kapal selam dan anti kapal permukaan.

Pengawasan di dalam Zon Ekonomi Eksklusif serta menjalankan tugas-tugas khas seperti penyelidikan dan mengumpul data hidfografi serta "aceanography".

Buat masa ini beberapa anggota TLDM telahpun didedahkan dan dilatih mengenai operasi kapal selam.

PADI KERING BASAH DI KOMPLEKS LPN

26. Tuan Haji Ghazali bin Ahmad minta Menteri Pertanian menyatakan adakah Kementerian sedar pegawai-pegawai di Kompleks-kompleks LPN di Kedah terutama bahagian ujian padi kering basah yang dibeli dari petani-petani berlaku berbagai penyelewengan dan perlukah mereka ditukarkan ke lain-lain kompleks atau lain-lain pekerjaan dalam kompleks supaya tidak berlakunya penyelewengan.

Dato' Seri Sanusi bin Junid: Adalah sukar bagi kakitangan melakukan penyelewengan semasa menentukan wap basah bagi padi-padi yang dibeli di kompleks-kompleks LPN termasuk di Kedah. Seperti yang termaklum, harga padi yang dibeli ialah mengikut gred, kering, bersih dan masaknya padi itu. Pemutusan utama dibuat ialah menentukan kekeringan padi iaitu wap basahnya melebihi 14%. Ujian

menentukan wap basah itu adalah dibuat secara scientific dengan menggunakan alat moisture meter yang akan diberikan wap basah yang tepat. Ujian scientific juga dibuat bagi menentukan peratus padi muda, padi hampa dan campuran kekotoran. Pemilihan sample padi, ujian wap, ujian campuran kekotoran tidak dibuat oleh seorang kakitangan tetapi beberapa orang. Ujian juga dapat disaksikan oleh penjual. Keputusan analisa direkod dan sampelnya disimpan untuk rujukan. Pendeknya, ujian dijalankan dengan cara scientific dan terbuka di mana ramai orang yang boleh melihat kerana kompleks sentiasa sesak semasa musim menuai. Oleh itu adalah sukar sekali untuk kakitangan membuat penyelewengan dalam menentukan mutu padi terutama kandungan wap basah. Bagaimanapun saya sedia menyiasat jika Yang Berhormat boleh memberi butir-butir terperinci.

PERTANYAAN BAGI JAWAB MULUT—SUSUNAN

27. Tuan Chian Heng Kai minta Perdana Menteri menyatakan cara bagaimana pertanyaan-pertanyaan bagi mendapat jawab mulut disusun bagi setiap hari persidangan Dewan Rakyat; dan sama ada susunan itu ditetapkan atas nasihat para Menteri. Jika ya, mengapa.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Bagi makluman Yang Berhormat, pertanyaan-pertanyaan bagi jawab mulut pada setiap hari persidangan Dewan Rakyat disusun dengan begitu cara supaya dapat memberi seberapa keselesaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang bertanya dan juga Anggota-anggota Pentadbiran yang menjawab pertanyaan-pertanyaan tersebut. Susunan pertanyaan itu tidak dibuat atas nasihat para Menteri.

BERAS SUPERGRADE

28. Tuan Hsing Yin Shean minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada Kementerian beliau akan mempertimbang semula pengharaman yang dikenakan ke atas beras 'supergrade' dari Thailand dan Australia untuk membolehkan 'Malaysian Rice Wholesalers Association' berdagang dengan bebas supaya kegiatan haram seperti penyeludupan beras dan adanya pasar gelap dapat dihentikan. Jika tidak mengapa. Dan sama ada Kementerian beliau akan mengubah Ordinan Beras 1974 di masa akan datang. Jika tidak, mengapa.

Dato' Seri Sanusi bin Junid: Soalan ini telah dijawab pada 1-11-88 dan saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan.

SAHAM MAS—PEMBELIAN

29. Tuan Law Lai Heng minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) selain daripada Bank Negara yang akan membeli kepentingan Kerajaan sebanyak 42 peratus dalam penerbangan Malaysia (MAS) adakah pihak lain yang telah menunjukkan minat untuk membeli saham-saham berkenaan;
- (b) apakah harga saham yang telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak; dan
- (c) adakah harga itu munasabah memandangkan harga MAS pernah mencatatkan harga yang sungguh tinggi.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Oleh kerana pertanyaan ini telah pun dijawab pada 14hb Oktober 1988, iaitu kepada pertanyaan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar, saya tidak bercadang mengulangi jawapannya.

ANTIBIOTIK—PENGGUNAAN

30. Tuan Chua Jui Meng minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) baru-baru ini kita dapat laporan menyatakan bahawa ayam-ayam diberi makanan yang mengandungi 'antibiotic'. Adakah perkara ini benar dan jika benar, apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak berkuasa; dan
- (b) apakah bidangkuasa Kementerian Pertanian serta apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak beliau untuk memastikan bahawa binatang yang ditenak untuk makanan manusia tidak diberi makanan atau disuntik dengan bahan-bahan yang merbahaya kepada penggunanya.

Dato' Seri Sanusi bin Junid:

- (a) Adalah benar makanan ayam mengandungi antibiotik. Penggunaan antibiotik dalam makanan ternakan telah menjadi amalan di seluruh dunia. Antibiotik dalam makanan ternakan membuat meningkatkan pengeluaran. Kemasukan antibiotik di paras yang rendah tidak ada kesan kepada manusia. Sistem withdrawal selama 14 hari sebelum sembelih menentukan tidak ada residue.
- (b) Satu Akta iaitu "Akta Makanan Ternakan" akan dimajukan ke Parlimen dalam sidang tahun 1989. Ketika ini pihak Kerajaan hanya dapat menasihati dan kawalan sepenuhnya adalah setelah deraf Akta Makanan Ternakan diluluskan.

(Soalan No. 31. Sila lihat jawapan No. 21.)

**USUL MENANGGUHKAN
MESYUARAT DI BAWAH
PERATURAN
MESYUARAT 18**

MOGOK LAPAR TAHANAN ISA

3.36 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di bawah Peraturan Mesyuarat 18 (1) untuk mencadangkan supaya Majlis Mesyuarat ditangguhkan bagi tujuan merunding satu perkara tertentu kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan.

Usul saya berbunyi:

Bahawa Dewan ini mengizinkan Pemangku Ketua Pembangkang dan Ahli Parlimen Bukit Bintang untuk menangguhkan Majlis Mesyuarat ini bagi tujuan merunding satu perkara tertentu kepentingan orang ramai yang perlu disegerakan, iaitu kenyataan Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri pada 29hb Oktober yang lalu yang mengatakan bahawa Ahli Parlimen bagi kawasan Jelutong, Yang Berhormat Saudara Karpal Singh dan Ahli Parlimen bagi kawasan Kota Melaka, Yang Berhormat Saudara Lim Guan Eng telah ditangkap curi makan di lewat malam pada pukul 11.00 malam, dengan izin, "caught eating in the dead of the night at 11.00 p.m.", yang mana kenyataan tersebut telah diberi liputan luas dalam semua suratkhobar.

Bahawa kenyataan Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri itu telah memberi gambaran kepada orang ramai bahawa mogok lapar bantahan dan puasa sunat yang bermula pada Khamis lalu bersamaan 27hb Oktober, 1988 dan yang akan mengakhiri pada 3hb November, 1988 yang dilakukan oleh 18 orang tahanan ISA yang

ditangkap semasa Operasi Lalang adalah satu permainan semata-mata, ataupun farce, dengan izin, sedangkan hakikatnya ialah sementara orang-orang tahanan bukan Islam tidak langsung memakan sebarang makanan kecuali meminum air sahaja dan orang-orang tahanan beragama Islam pula berpuasa sunat dan perbuatan ini adalah sejajar dengan syarat-syarat suci yang ditetapkan sebelum permulaan mogok lapar bantahan dan puasa sunat tersebut pada 27hb Oktober. 1988.

Bahawa memandangkan pihak berkuasa Kem Tahanan Kamunting telah melarang keluarga dan peguam untuk kedua-dua Ahli-ahli Parlimen berkenaan daripada menemui mereka untuk mengesahkan tuduhan tersebut yang mana larangan itu adalah bertentangan dengan Seksyen 81 (1) (a) Kaedah Keselamatan Dalam Negeri (Orang-orang Tahanan 1960) yang memberikan hak kepada seseorang tahanan untuk menerima lawatan daripada keluarga dan peguamnya semasa dalam tahanan.

Bahawa kedua-dua Ahli Parlimen berkenaan iaitu Yang Berhormat Saudara Karpal Singh dan Yang Berhormat Saudara Lim Guan Eng telah dalam surat terbuka mereka bertarikh 31hb Oktober 1988 yang ditujukan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri, menafikan secara "categorical" bahawa tidak ada sebarang kebenaran dalam kenyataan Yang Berhormat Timbalan Menteri itu dan bahawa tuduhan Yang Berhormat Timbalan Menteri itu telah menyebabkan rasa merana, kesengsaraan serta kesakitan kepada mereka dan keluarga mereka (*Tepuk*); dan

Bahawa kenyataan yang amat tidak bertanggungjawab dan yang bersifat memfitnah itu telah merosakkan

reputasi mereka dengan dahsyat. (*Tepuk*)

Bahawa kedua-dua Ahli Yang Berhormat itu telah berjumpa dengan Komandan Kem Tahanan dan meminta beliau memberi kepada mereka laporan yang kononnya diberikan oleh kakitangan kem yang mana permintaan tersebut tidak diindahkan oleh Komandan berkenaan.

Bahawa Dewan ini memandang berat penafian yang dibuat oleh kedua-dua Ahli Yang Berhormat itu dan memutuskan bahawa sekiranya Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri tidak menarik balik kenyataannya serta menuntut maaf kepada kedua-dua Ahli Yang Berhormat dalam masa 48 jam, maka Dewan ini akan menubuhkan sebuah Jawatankuasa Penyiasatan yang bebas yang diketuai oleh seorang Hakim untuk menyiasat ke dalam perkara ini, serta mengemukakan laporannya kepada Dewan yang mulia ini, kerana kenyataan Yang Berhormat Timbalan Menteri itu telah menjejaskan reputasi kedua-dua Ahli Yang Berhormat berkenaan dan menyebabkan mereka menjadi bahan ketawa serta dipandang hina oleh orang ramai dan juga menjejaskan serta merosakkan kewibawaan, kejujuran dan budipekerti mereka. (*Tepuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, pagi ini saya telah menerima satu pemberitahu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18 oleh Yang Berhormat Ahli Parlimen kawasan Bukit Bintang, berkenaan dengan kenyataan Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri pada 29-10-1988, yang menyatakan:

Bahawa Ahli Parlimen Jelutong dan Ahli Parlimen Kota Melaka telah ditangkap curi makan dilewat malam. Teks usul adalah sebagaimana yang

dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat bagi kawasan Bukit Bintang sebentar tadi.

Mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 18 (2), Tuan Yang di-Pertua hendaklah menolak permintaan untuk menangguhkan mesyuarat, kecuali jika puas hati perkara yang dibangkitkan itu menepati tiga syarat iaitu:

- (i) perkara itu tertentu;
- (ii) perkara itu bagi kepentingan orang ramai; dan
- (iii) perkara itu perlu disegerakan.

Saya telah meneliti perkara yang dibangkitkan itu dan saya bersetuju bahawa:

- (i) ia perkara tertentu;
- (ii) ia bagi kepentingan orang ramai; dan;
- (iii) ia perlu disegerakan. (*Tepuk*)

Oleh itu jika tidak ada sesiapa Ahli Yang Berhormat membantah supaya perkara ini dibahaskan hari ini, maka mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 18 (3) usul ini akan dibahas pada pukul 5.30 petang ini, saya akan membenarkan pihak pencadang berucap selama 30 minit dan pihak Kerajaan menjawab selama 30 minit. (*Tepuk*)

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1989

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1989

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 1989 dibacakan

kali yang kedua sekarang" dan "Bahawa Usul yang berikut ini dirujukkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$7,878,873.740 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1989, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan Pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1989 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 28 Tahun 1988, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut." (1hb November, 1988)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin mengumumkan mulai hari ini setiap Ahli Yang Berhormat akan diberi masa 20 minit bagi membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan dan Usul Pembangunan 1989.

Yang Berhormat dari Tawau, sila menyambung ucapan.

3.47 ptg.

Tuan Samson Chin Chee Tsu (Tawau): Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyambung perbahasan yang dapat saya tamatkan pada petang semalam.

Tuan Yang di-Pertua, ini telah mengakibatkan kadar kematian pesakit-pesakit meningkat, sungguhpun saya telah membuat aduan bertulis mengenai kematian ramai bayi dalam bulan September tahun lalu, saya masih belum menerima maklum balas daripada pihak yang berkenaan.

Saya merayu agar Menteri Kesihatan akan memberi perhatian yang sewajarnya terhadap perkara ini demi meningkatkan taraf perkhidmatan perubatan di hospital Tawau. Sikap tidak ada pegawai-pegawai perubatan serta jururawat terhadap pesakit-pesakit perlu diberi perhatian segera supaya pesakit-pesakit mendapat perkhidmatan yang lebih baik.

Mahkamah-mahkamah Tuntutan Kecil. Tujuan Kerajaan untuk menubuhkan Mahkamah-mahkamah Tuntutan Kecil pada tahun 1987 ialah untuk memudahkan, mengurangkan dan mempejabatkan kepada orang ramai untuk mendapatkan penyelesaian berhubung dengan pengaduan umum kurang daripada \$3,000, tetapi selepas dilancarkan kepada saya tahun hanya kelihatan kepada saya bahawa Mahkamah Tuntutan Kecil hanya berupaya menjatuhkan hukuman tetapi tidak berupaya menguatkuasakan keputusan-keputusan terhadap pihak yang bersalah. Apalah gunanya untuk mendapatkan keputusan bila hanya tidak dapat dikuatkuasakan, melainkan seorang itu bersedia untuk membayar biaya yang terlalu mahal sehingga \$2,000 termasuk bayaran program dan kos mahkamah dengan cara memohon kepada Mahkamah Majistret, untuk menguatkuasakan arahan Mahkamah Tuntutan Kecil tersebut. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja tidak praktik untuk membawa perkara ini kepada Mahkamah Majistret, tetapi ia boleh mengambil masa bertahun-tahun sebelum kes itu dapat diselesaikan.

Saya merayu kepada Kerajaan untuk menyelidik semula perkhidmatan Mahkamah Tuntutan Kecil di negara ini supaya dapat mencapai matlamat sebenar untuk memudahkan, mengurangkan dan mempejabatkan penyelesaian kepada orang ramai keseluruhannya.

Penerbangan Malaysia. Perkhidmatan Penerbangan Malaysia telah bersedia untuk menjadikan satu keuntungan bersih sejumlah \$180 juta pada penghujung bulan Mac, 1989, jika dibandingkan dengan keuntungan tahun lalu, sejumlah \$151 juta, ini boleh menjadi kenyataan memandangkan kepada kos minyak yang rendah dan faktor muatan yang tinggi. Tuan Yang di-Pertua, ini dinyatakan baru-baru ini oleh seorang pegawai kanan MAS menyatakan bahawa perkhidmatan dalam negeri telah melambangkan keuntungan pada penghujung tahun 1985 dan sekarang menyumbangkan lebih kurang 23% pendapatan perkhidmatan tersebut. Oleh yang demikian, Perkhidmatan Penerbangan Kebangsaan harus mencuba meningkatkan pelancongan dalam negeri dengan membawa penduduk-penduduk Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak lebih dekat lagi. Dengan perkhidmatan pelancongan yang ada sekarang dan kemungkinan pengurangan selanjutnya kadar tambang perkhidmatan udara menurut Dato' Dr Ling Liong Sik, Menteri Pengangkutan di antara Kuala Lumpur/Kota Kinabalu dan Kuala Lumpur/Kuching ini bukan sahaja akan membawa lebih banyak pelancong-pelancong luar untuk melawat Malaysia bahkan juga membantu Sabah dan Sarawak untuk menikmati sebahagian daripada perdagangan pelancongan yang semakin meningkat dan menyediakan lebih banyak kerja untuk penduduk tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya adalah juga diharapkan bahawa MAS akan mengikuti langkah perkhidmatan penerbangan antarabangsa yang lain untuk mengharamkan menghisap rokok dari semua penerbangan dalam negeri dan penerbangan kebangsaannya. Langkah ini dilakukan tepat pada masanya, memandangkan kepada faedah kesihatan, keselamatan dan kebajikan untuk kedua-dua

penumpang dan juga anak-anak kapal pada hari ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap.

3.52 ptg.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar (Padang Terap): Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang ini merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan di atas kejayaannya mencadangkan suatu rangka Belanjawan untuk tahun 1989 yang realistik, pragmatik dan mengandungi strategi-strategi yang akan membawa kepada pencapaian objektif mengindustrialisasikan ekonomi kita. Ianya juga mengambil kira kehendak-kehendak sosial khususnya di kalangan golongan yang kurang berada di kawasan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, kadar pertumbuhan KDNK pada tahap 7.4% dalam tahun 1988 dan mungkin mencapai ke tahap 9% adalah satu pencapaian di luar dugaan kita iaitu melebihi sekurang-kurangnya 3% dari jangkaan asal. Kekuatan ini adalah berasaskan kepada peningkatan permintaan kepada komoditi-komoditi utama yang kita pasarkan di pasaran dunia.

Berdasarkan pengalaman-pengalaman yang lalu di mana permintaan ini naik dan turun secara tidak menentu lantas membawa kepada penurunan harga maka kadar pertumbuhan KDNK yang dibawa oleh gejala komoditi-komoditi utama kita ini tidak akan terjamin consistencynya. Bentuk pertumbuhan ini dipanggil "export-led growth". Satu lagi bentuk pertumbuhan ekonomi adalah apa yang disebut sebagai "investment-led growth" atau pertumbuhan yang dibawa oleh kenaikan pelaburan di negara kita ini. Peningkatan pelaburan ini akan

mempastikan bahawa asas ekonomi kita dipelbagaikan tidak hanya bergantung kepada komoditi utama seperti getah, kelapa sawit, petroleum, koko dan bijih timah. Kepelbagaian ini adalah berbentuk perluasan proses pengilangan barang-barang siap dari komoditi-komoditi tadi dan juga lain-lain bahan tempatan. Dengan adanya advantage ekonomi seperti bahan-bahan mentah murah dan produktiviti buruh yang tinggi barang-barang siap kita ini akan dapat bersaing di pasaran dunia dan justeru itu permintaan yang berterusan akan dapat dipastikan.

Selain dari mengeksport kita juga dapat memenuhi permintaan tempatan ke atas barang-barang pengilangan yang dahulunya dicapai melalui import. Justeru itu kebocoran ekonomi kita akan dapat diminimakan.

Satu pengukur kepada perkembangan sektor pengilangan ialah nisbah pertumbuhan tahunannya. Kita diberi angka 15.5% untuk tahun 1988 seperti tersebut di dalam Laporan Ekonomi 1988/1989. Kadar pertumbuhan ini adalah satu kadar yang tinggi yang patut dibanggakan oleh setiap rakyat Malaysia. Dari 15.5% ini 24.7% adalah dibawa oleh pertumbuhan barang-barang pengilangan elektronik dan 4.5% oleh barang-barang tekstil.

Tuan Yang di-Pertua, ini bermakna hanya 29.2% sahaja daripada pertumbuhan sektor pengilangan adalah diasaskan kepada barang-barang mentah yang diimport. Sebaliknya 70.8% daripada pertumbuhan industri pengilangan kita adalah berasaskan aktiviti-aktiviti hiliran bahan-bahan tempatan termasuk komoditi utama kita seperti getah, kayu kayan dan kelapa sawit. Lantaran kadar pertumbuhan sektor pengilangan yang majoritinya berasaskan bahan-bahan mentah tempatan yang gigih ini nisbah

sumbangan sektor pengilangan kepada KDNK ialah 30% seperti disebut oleh Yang Berhormat Menteri di dalam ucapannya tempoh hari.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menekankan bahawa pola pertumbuhan sektor pengilangan kita seperti yang ditunjukkan itu adalah satu gejala yang membawa pertanda baik yang sangat menggalakkan, ianya merupakan satu pola yang akan membawa kita ke arah pencapaian taraf NIC ataupun, dengan izin, newly industrialised country, di dalam tempoh yang singkat. Pola ini adalah satu pola yang ideal yang mesti dicapai oleh mana-mana sistem ekonomi yang hendak ditransformasikan kepada ekonomi yang bertunjangkan sektor perindustrian.

Tuan Yang di-Pertua, jikalau daripada kadar pertumbuhan sektor pengilangan 15% ini majoritinya adalah dari barang-barang elektronik dan tekstil maka kita belum boleh mengatakan bahawa pelaburan yang dibuat oleh pelabur luar ke dalam negara kita berkesan menggerakkan ekonomi negara secara keseluruhannya. Ini ialah kerana segala bahan-bahan mentah untuk membuat barang-barang elektronik adalah diimport, ekonomi kita hanya mendapat manfaat dari segi pekerjaan kepada rakyat dan sedikit transfer of technology. Tetapi Alhamdulillah, statistik yang dipamerkan oleh Laporan Ekonomi tadi menunjukkan bahawa penggerakan ekonomi kita secara keseluruhannya telah berlaku. Justeru itu segala kebimbangan parti PAS mengenai ketidakpastian para pelabur asing akan mengangkat bungkus pada bila-bila masa mereka suka, tidak berasas sama sekali.

Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa di dalam ucapannya tempoh hari mungkin ketinggalan zaman oleh kerana tidak membaca dan menganalisis statistik-statistik tadi. 15 tahun yang lalu memanglah ada

asas untuk membimbangkan sebegini kerana syarikat multinational hanya berminat kepada harga buruh kita yang murah tetapi sekarang ini syarikat-syarikat multinational dengan sendirinya terikat dengan advantage-advantage ekonomi perindustrian yang telah kita wujudkan seperti tahap R&D ataupun, dengan izin, Research and Development ke atas bahan-bahan tempatan kita yang tinggi tenaga buruh yang senang dilatih dan produktiviti yang tinggi, kemudahan infrastruktur yang baik dan meluas, insentif-insentif cukai misalnya penurunan corporate tax yang baru diisytiharkan di dalam ucapan Belanjawan yang lalu adalah petanda-petanda yang baik beserta dengan birokrasi Kerajaan kita yang cekap sebagai satu birokrasi yang paling cekap di rantau ini.

Tuan Yang di-Pertua, ini bermakna segala strategi-strategi yang digariskan di dalam Industrial Master Plan bergerak dengan lancar untuk mencapai objektif pembangunan ekonomi negara kita. Sesiapa juga yang mempunyai pengetahuan ekonomi seharusnya memberi pujian kepada Kerajaan kerana berjaya mencapai tahap yang pertama dalam membawa transformasi ekonomi kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini bukan "accident" seperti segelintir pengkritik-pengkritik Kerajaan mendakwa. Ianya adalah hasil dari perancangan yang rapi dan perancangan yang dinamis dan ianya akan menggantikan corak pertumbuhan ekonomi negara kita daripada export-led kepada investment-led growth, dengan izin, dan investment-led growth inilah yang akan menjamin kestabilan ekonomi kita melalui kepelbagaian barang pengilangan untuk ditawarkan ke pasaran dunia. Investment-led growth ini juga akan menggerakkan keseluruhan sistem ekonomi melalui penambahan nilai sumber ekonomi

kita, penambahan pekerjaan dan seterusnya pengurangan import bill yang pada masa ini menjadi satu saluran kebocoran ekonomi kita yang besar.

Tuan Yang di-Pertua, untuk memastikan pencapaian investment-led-growth ini kita mesti menentukan bahawa fakta-fakta yang menarik investment baik dari sumber luar negeri mahu pun dari dalam negeri diadakan secukupnya. Saya mengucapkan syabas kepada pihak Kerajaan yang akhirnya menurunkan corporate tax kepada tahap 35% dan seterusnya pengurangan development tax secara beransur-ansur selama lima tahun.

Saya telah berkali-kali menyeru Kerajaan di dalam Dewan ini untuk berbuat demikian. Langkah ini bersama-sama lain-lain insentif yang disediakan akan terus menarik lebih banyak pelaburan ke dalam sektor industri kita. Kepekaan pihak Kerajaan ini adalah satu petanda yang baik untuk pertumbuhan seterusnya. Untuk membolehkan investment led growth ini berlaku dengan pantas dan gigih, Kerajaan telah mewujudkan industri-industri besar atau capital intensive industries di bawah HICOM seperti kilang simen, pengeluaran kereta Proton, pengeluaran besi keluli, pengeluaran gas cecair dan lain-lain lagi. Usaha-usaha ini malangnya dikritik dengan hebatnya oleh orang-orang politik dan orang-orang akademik. Di Dewan yang mulia ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mempertahankan langkah-langkah Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, asas kritikan yang dibuat oleh golongan-golongan tadi ialah bahawa projek-projek ini menelan belanja yang banyak yang terpaksa dipinjam dari sumber luar negeri. Justeru itu, menurut mereka, beban hutang negara akan tinggi dan tentu sekali akan menyusahkan rakyat akhirnya. Satu lagi asas kritikan

mereka ialah model pembangunan ekonomi sebegini di kalangan negara-negara yang sedang membangun telah menemui kegagalan seperti model Mahalanobis di India dan model-model yang serupa di Brazil dan Yugoslavia.

Tuan Yang di-Pertua, memang benar pinjaman dari luar negeri yang banyak adalah diperlui untuk menjalankan projek-projek besar ini. Tetapi jikalau dilihat dari prestasi mengurus pembayaran balik pinjaman-pinjaman ini oleh Kementerian Kewangan, ianya adalah amat memuaskan. Baru-baru ini Kerajaan telah berjaya menurunkan jumlah pinjaman luar sebanyak \$5,000 juta melalui beberapa langkah. Tetapi yang pentingnya, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak akan membuat ikatan pinjaman ataupun, dengan izin, debt commitment ini tanpa mengetahui kebolehannya membayar balik mengikut jadual yang dijanjikan dan mengikut viability projek-projek yang dijalankan. Kebolehan membayar balik hutang ini sudah tentu berlandaskan pendapatan dan keuntungan yang dibawa atau dihasilkan oleh projek-projek yang besar ini.

Tuan Yang di-Pertua, tidak ada projek-projek pengilangan atau perniagaan besar yang boleh menghasilkan keuntungan dalam masa dua, tiga atau lima tahun selepas pelancarannya. Projek-projek ini mengambil masa yang lama, 8 sehingga 10 tahun atau lebih, untuk mendapat balik modal atau di dalam bahasa Inggeris break even point, dengan izin. Dan selepas itu barulah ianya mula meraih keuntungan. Malangnya, Tuan Yang di-Pertua, pengkritik-pengkritik ini memilih masa pengandungan, dengan izin, gestation period ini untuk menghentam Kerajaan. Ini sudah tentu tidak adil kalau dibuat oleh orang-orang politik dan sudah tentu tidak etikal mengikut tatatertib

akademik atau, dengan izin, academic discipline, kalau ianya dibuat oleh orang-orang akademia. Apakah pengkritik-pengkritik ini tidak sedar ataupun tidak sabar menunggu masa selepas gestation period untuk memulakan tugas mereka mengkritik ataupun apakah ada motif-motif lain yang mendorong mereka berbuat demikian? Rakyat jelata yang kurang memahami kaedah-kaedah ekonomi perusahaan dan perniagaan besar, sudah tentu terpesong kefahaman mereka terhadap usaha-usaha murni Kerajaan untuk membangunkan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, di masa pergolakan politik UMNO yang berlarutan ini banyaklah dakyah-dakyah dibuat di kalangan rakyat jelata. Satu dakyah, malah boleh disifatkan sebagai fitnah ialah Dato' Seri Dr Mahathir membazir wang negara melalui projek-projek besar HICOM sehingga mata wang ringgit jatuh atau susut nilainya berbanding dengan mata-matawang asing. Rakyat biasa di negeri-negeri sempadan Siam seperti Kedah, Perlis, Utara Perak dan Kelantan mudah terhasut oleh dakyah-dakyah ini kerana mereka senang membandingkan nilai ringgit apabila mereka berbelanja di pekan-pekan Siam di sempadan. Jikalau dahulu mereka mendapat 10 baht untuk \$1.00 sekarang mereka hanya mendapat 8 baht.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang sengaja tidak diceritakan oleh golongan ini kepada rakyat jelata ialah segala projek-projek industri berat yang dilaksanakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu telah dan akan memberanakkan industri-industri kecil yang berkaitan atau, dengan izin, feeder industries yang akan membuka peluang pekerjaan kepada mereka dan anak-anak mereka yang sedang dilatih oleh Kerajaan baik di luar mahupun di dalam negeri. Misalannya, pengeluaran Proton Saga telah memberanakkan 58 industri

kecil pengilangan barang-barang gantian. Golongan pendakwah ini juga dengan sengaja tidak menceritakan bahawa penyusutan nilai ringgit itu adalah satu rahmat, lebih-lebih lagi di masa negara sedang berhempas pulas meningkatkan eksport dan mengurangkan import. Apabila nilai ringgit menjadi rendah berbanding dengan mata-mata wang negara yang kita hendak eksport barang-barang kita seperti Amerika Syarikat, Federal Republic of Germany, Great Britain dan Jepun tentu sekali peningkatan eksport berlaku lantaran murahnya barangan kita itu. Dan di sebaliknya pula barangan yang kita hendak import dari mereka menjadi lebih mahal kepada kita. Ini tentu sekali akan mendorong pengguna-pengguna kita mengalih pandangan mereka kepada barang-barang yang sama yang dikeluarkan oleh pengilang-pengilang dalam negara kita.

Laporan Ekonomi 1988-1989 umpamanya telah menunjukkan bahawa kenaikan angka tunjuk untuk kelengkapan dan hiasan rumah termasuk perabot hasil dari kemerosotan nilai ringgit adalah sebanyak 2.3%. Begitu juga dengan kenaikan di dalam harga barang-barang makanan sebanyak 3% pada keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, barang-barang import ini semuanya telah ada gantinya yang bersamaan mutunya yang dikeluarkan oleh pengilang-pengilang di negara kita. Oleh itu, rakyat tidak perlu lagi membeli perabot dari Itali atau Jepun, buah-buahan dalam tin dari Thailand, Taiwan atau Amerika dan alat-alat perhiasan rumah dari Eropah dan lain-lain negara lagi. Barang-barang ini, Tuan Yang di-Pertua, sedang digalakkan pengeluarannya oleh Kerajaan dan bercambah-cambah di pasaran. Perkara ini tidak diceritakan oleh golongan pendakwah tadi. Inilah apa yang dikatakan fitnah iaitu satu

penyampaian berita yang mengandungi kebenaran yang tidak lengkap ataupun, dengan izin, half truth.

Tuan Yang di-Pertua, realiti ekonomi selalunya ada dua atau lebih permukaannya. Apabila seseorang ahli ekonomi bercakap, beliau selalu cuba menceritakan sesuatu isu itu dari pelbagai sudut. Sebab itu beliau selalu membuat statement, dengan izin, on one hand this is the situation and on the other hand, this is the situation. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menasihatkan sesiapa yang hendak mempengaruhi rakyat dengan isu ekonomi, biarlah berlaku adil kepada kebenaran iaitu kebenaran yang mencakupi keseluruhan isu, bukan separuh kebenaran yang hanya memuaskan kepentingan perjuangan yang sempit.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi asas kritikan yang digunakan untuk menghentam dasar ekonomi Kerajaan yang menjadikan industri berat dan capital intensive sebagai penggerak utama pertumbuhan ekonomi negara ialah kegagalan model Mahalanobis di India dan di Brazil. Perbandingan ini tidak kena pada tempatnya. Pertama apabila India dan Brazil menjalankan usaha pembangunan industri berat dan capital intensive yang memakan banyak wang negara, asas utama atau fundamental foundation untuk perindustrian tidak wujud dengan cukup dan kukuh di negara-negara itu.

Misalnya sektor pertanian di negara-negara itu masih lagi mundur baik dari segi produktiviti mahupun dari segi bentuknya. Produktiviti pertanian yang rendah mengakibatkan pengeluaran makanan dan pakaian tidak mencukupi untuk menampung kehendak rakyat jelata dan juga mengakibatkan kekurangan lebihan yang boleh menjadi modal

tempat untuk pembangunan industri. Bentuk pertanian di negara-negara itu juga iaitu pemegangan sumber tanah dan modal yang besar oleh segelintir tuan-tuan tanah menyebabkan kemiskinan dan buta huruf yang melarat di kalangan rakyat jelata. Oleh itu, di dalam keadaan begini apabila Kerajaan India dan Brazil membelanjakan wang negara untuk membangun industri berat yang capital intensive, maka rakyat menjadi merana, tetapi, Tuan Yang di-Pertua, apakah scenario yang serupa berlaku di negara kita apabila Kerajaan melancarkan program pembangunan industri beratnya? Jika kita teliti pembangunan sektor pertanian kita semenjak merdeka, kita boleh berbangga dengan prestasinya. Di dalam kaedah ekonomi pertanian, pertumbuhan pada kadar 3% setahun adalah dianggap satu pertumbuhan yang respectable. Pertumbuhan sektor pertanian kita, Tuan Yang di-Pertua, jarang berlaku di bawah kadar itu.

Pada tahun 1988 ini pertumbuhan adalah sebanyak 3.6% iaitu lebih rendah dari kadar pertumbuhan tahun sudah. Walau bagaimanapun, kemerosotan ini disebabkan oleh kejatuhan kadar pertumbuhan di dalam sektor getah dan kayu-kayan disebabkan oleh dasar penjimatan. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, 3.6% masih lagi satu kadar yang tinggi tetapi pertumbuhan di dalam sektor makanan seperti kelapa sawit, beras, koko dan lain-lain adalah cukup tinggi iaitu kadar-kadar yang mencapai dua angka. Di sebaliknya pula, bentuk pertanian negara kita adalah merupakan satu bentuk yang adil di mana rakyat mempunyai hakmilik dan peluang berladang yang sama dan bebas. Bantuan penyelidikan dan pengembangan yang diberi oleh Kerajaan kepada semua lapisan peladang tidak ada tolok bandingnya di dunia ini dari segi kuantiti, kualiti dan bentuknya. Justeru itu pendapatan para peladang dan petani

kita adalah pada tahap yang tinggi dibandingkan dengan negara-negara membangun yang lain. Lantaran dari itu kelebihan (surplus) ekonomi dalam sektor pertanian wujud pada tahap yang tinggi yang boleh disalurkan keluar ke sektor industri.

Sila Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian rujuk kepada Laporan Ekonomi 1988/1989. Kaum tani menyumbangkan kepada tabungan negara kita pada tahap yang tinggi. Lihat sahajalah kepada angka-angka tabungan di dalam Lembaga Urusan dan Tabung Haji, ASN, Bank Rakyat dan pertubuhan peladang. Wang-wang tabungan ini dilaburkan ke dalam sektor industri. Apabila ini berlaku satu integrasi ekonomi pertanian dan ekonomi industri telah tercapai selain dari aspek penggunaan sumber-sumber pertanian di dalam usaha perkilangan, malahan saluran untuk pemindahan tenaga buruh dari sektor pertanian ke sektor industri dengan sendirinya tersedia.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, usaha Kerajaan membangunkan industri berat tidak boleh dibandingkan dengan usaha di India dan Brazil yang mengalami kegagalan sehingga rakyat biasa tertinggal.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Masa sudah cukup, Ahli Yang Berhormat.

Dato' Dr Affifuddin bin Haji Omar: Minta 5 minit lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Tak boleh, satu minit sahaja. Boleh gulung, satu minit sahaja.

Dato' Dr Affifuddin bin Haji Omar: Baiklah. Kerajaan Barisan Nasional membangun industri Malaysia secara lojik mengikut peringkat-peringkat yang rasional dan sesuai dengan

kedudukan ekonomi semasa. Di dalam pada itu pembangunan luar bandar tidak pernah diabaikan, malahan dua-pertiga dari belanjawan negara disalurkan ke sektor-sektor luar bandar. Maka oleh itu tidak ada asas sama sekali, Tuan Yang di-Pertua, bagi pengkritik-pengkritik dasar Kerajaan mengatakan bahawa dasar itu membazir dan akan merosakkan ekonomi negara.

Dengan itu, saya menyokong Belanjawan yang dibentangkan ini. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Nibong Tebal.

4.34 ptg.

Dr Goh Cheng Teik (Nibong Tebal): Tuan Yang di-Pertua, pada mulanya saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Malaysia, terutama Menteri Kewangan dan pegawai-pegawainya kerana kebijaksanaan mereka menguruskan kewangan negara dalam tempoh dua belas bulan yang lalu.

Sepertimana yang kita tahu, akaun semasa Kewangan Persekutuan yang mengalami defisit sebanyak \$2 billion lebih tahun lepas, sudah bertukar daripada merah menjadi hitam tahun ini. Bahkan dijangka akaun mendapat kelebihan kecil pula. Meskipun ramai tokoh politik yang mendesak, Kerajaan terus membataskan diri daripada melabur dalam sektor yang lebih sesuai bagi kalangan swasta. Serentak dengan itu Kerajaan juga menguruskan pinjamannya mengikut jadual di samping mengawal pertambahan pinjaman, baik di dalam mahupun di luar negeri.

Seterusnya, saya ingin pula mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Persekutuan atas kejayaannya setakat ini memulihkan

ekonomi negara. Kita lihat sektor pembuatan sedang berkembang pada kadar yang mengkagumkan. Dijangka sektor ini akan menyumbangkan 24.2% kepada Keluaran Kasar Negara dan muncul sebagai sektor yang paling teguh dalam ekonomi kita. Pelaburan swasta juga sedang berkembang.

Dalam tahun 1988 pelaburan swasta dijangka akan meningkat sebanyak 15% berbanding dengan 4% dalam tahun 1987. Tuan Yang di-Pertua, serentak dengan itu, saya memang sedar bahawa, dengan izin, the Malaysian economy is not yet out of the wood, ekonomi Malaysia masih belum pulih sepenuhnya. Seperti yang dikatakan oleh Menteri Kewangan, bayaran perkhidmatan hutang sungguh tinggi. Sesetengah Agensi Luar Belanjawan terus menerus rugi. Perbelanjaan mengurus yang sudah tinggi itu akan terus meningkat. Sebaliknya, harga yang tinggi bagi getah, susu getah dan minyak sawit mungkin tidak berkekalan. Lebih-lebih buruk lagi, harga minyak petroleum mentah masih tidak stabil pula dan sukar diramalkan.

Saya memuji Menteri Kewangan yang berani menghadapi fakta dengan tegas dan tidak menyembunyikan sesuatu. Saya menyatakan sokongan penuh terhadap commonsense strategy beliau meneliti pertambahan belanja dan peruntukan, berbelanja menurut kemampuan kita dan tidak terlalu bergantung kepada pinjaman bagi membiayai perbelanjaan Kerajaan, mengurangkan kerugian yang ditanggung oleh syarikat perniagaan milik Kerajaan, menggalakkan sektor swasta supaya melabur serta menyumbang kepada perkembangan sektor ekonomi dan sebagainya.

Sambil menyatakan sokongan kepada strategi Kerajaan serta membantu supaya menjadikan kejayaan nyata, saya ingin menyatakan beberapa sudut

pandangan untuk pertimbangan Menteri Kewangan.

Pertama, kurangi lagi beban kewangan Kerajaan. Ramai Menteri Kabinet termasuk Perdana Menteri dan Menteri Kewangan menyatakan bahawa tujuan Kerajaan untuk mengurangi lagi bebanan kewangan Kerajaan dengan cara menswastakan perusahaan milik Kerajaan, terutama sekali syarikat-syarikat yang mengalami kerugian terus menerus itu. Setakat ini, tidak banyak perusahaan milik Kerajaan seperti Terminal Kontena Pelabuhan Kelang, Perkhidmatan Telekomunikasi dan Lebuhraya Utara-Selatan yang sudahpun diswastakan, namun kesannya ke atas bebanan kewangan Kerajaan masih belum bermakna.

Sebenarnya, bilangan kakitangan yang digaji oleh Kerajaan sedang bertambah, sementara pengaliran kewangan negara oleh syarikat milik Kerajaan yang sentiasa rugi masih berterusan. Kita maklum Kerajaan seharusnya membayar gaji yang lebih baik untuk para pekerjanya. Namun ini hanya mampu dibuat sekiranya saiz kakitangan Kerajaan itu boleh dikurangkan. Kerajaan seharusnya membelanjakan wang bagi kemudahan-kemudahan asasi untuk rakyat ramai, namun dalam keadaan ini Kerajaan hanya boleh berbuat demikian sekiranya boleh dilakukan penjimatan yang lebih banyak lagi.

Saya menyokong penuh amaran Menteri Kewangan kepada perusahaan milik Kerajaan besar atau kecil bahawa mereka akan ditutup sekiranya tidak mampu membaiki keadaan dan menunjukkan prestasi yang memuaskan. Beliau tidak menjadikan dirinya popular dengan meminta viabiliti kewangan daripada perniagaan milik Kerajaan tetapi sebaliknya beliau harus disanjung dan diucapkan tahniah kerana keberaniannya bertindak tegas terhadap produktiviti yang rendah dan ketidakcekapan. Sekiranya Puan

Margaret Thatcher tidak berani berdiri tegas dan melaksanakan langkah-langkah yang tak popular, ekonomi Britain tidak akan beralih haluan sehingga mencapai puncaknya yang gemilang kini.

Saya ingin menggesa Kerajaan supaya meninjau semula pelaksanaan dasar pengswastaannya. Keutamaan hendaklah diberi kepada langkah menswastakan perusahaan yang besar-besar seperti LLN, MAS dan KTM. Bagaimanapun, tidak banyak perhatian diberikan kepada 1001 buah perniagaan kecil-kecilan dan sederhana yang dikendalikan oleh Kerajaan Negeri dan Pusat dan juga agensi-agensi di bawah pengawasan mereka. Bila diagregatkan, jumlah kerugian syarikat-syarikat itu amat besar. Tambahan pula terhadap kerugian yang terselindung dalam bentuk gaji serta elaun yang dibayar oleh Kerajaan yang pada lazimnya tidak diperhitungkan.

Kedua, kurangkan red-tape. Seperti kata Menteri Kewangan, Kerajaan sudah berbuat banyak untuk mengurangkan amalan "red-tape", Syabas saya ucapkan kepada Kerajaan Negeri dan Pusat. Adalah nyata bahawa ada kakitangan Kerajaan yang bertugas erat dengan Menteri, Menteri-menteri Besar, Ketua-ketua Menteri dan lain-lain yang mempromosi perniagaan, sungguh ingin bertemu dengan para pedagang dan suka hendak menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh mereka. Malangnya, terdapat juga kakitangan Kerajaan yang belum diserapi semangat Malaysia Incorporated. Janganlah kita lupa bahawa ahli-ahli perniagaan hanya dapat menemui Menteri-menteri yang sibuk itu dan juga pembantu-pembantu mereka sekali atau dua kali setahun. Bagi urusan seharian, mereka terpaksa bergantung kepada kakitangan Kerajaan yang berdiri di belakang kaunter bagi membantu mereka mengatasi masalah mereka.

Saya suka mencadangkan kepada Kerajaan agar meninjau semula kriteria bagi melantik dan menaikkan pangkat pegawai sivil kita. Kemampuan untuk menyumbang secara langsung atau tidak langsung kepada pertumbuhan ekonomi hendaklah ditambahkan lagi. Berilah pengiktirafan kepada pegawai-pegawai perkhidmatan awam yang melaksanakan konsep Malaysia Incorporated. Menaikkan pangkat mereka yang berjaya membantu mendapatkan tukaran wang asing tambahan bagi negara serta hasil tambahan bagi Kerajaan.

Ketiga, dan akhir sekali berilah sumbangan kepada usaha mengurangkan kos pengeluaran. Nasihat Menteri Kewangan kepada sektor swasta bagi menambah kecekapan, mengurangi kos pengeluaran serta mendapatkan bazi saingan dalam urusan eksport sungguh dalam maknanya. Saya yakin pihak swasta akan mengambil ingat nasihat itu.

Tidak perlu dikatakan Kerajaan juga boleh memainkan peranan bagi mengurangkan kos pengeluaran. Salah satu jalannya ialah dengan mengkaji semula sekatan berat muatan yang dikenakan ke atas kenderaan jalan raya oleh Jabatan Kerja Raya. Masa ini kenderaan jalan raya dibataskan di sini undang-undang kepada 9 tan axle-tunggal dan berat kenderaan kasar ialah 22 tan. Akibat daripada ini, trak-trak yang berkemampuan untuk mengangkut bebanan yang lebih berat dengan kos bahan api yang sama, cukai jalan yang sama dan sebagainya terpaksa menghadkan bebanan mereka dan dengan itu menanggung kos unit pengangkutan yang tinggi. Memandang pada hakikat bahawa jalan raya kita dan juga jambatan telah dinaikkan taraf serta dimodankan, di samping sebatang lebuh raya menyambung Bukit Kayu Hitam dengan Johor Bahru kini sedang dibina, saya menggesa Menteri Kerja

Raya yang dinamik dan kita tahu cepat sekali membuat keputusan, supaya mengemaskinikan peraturan-peraturan sekatan berat muatan dan dengan itu menyumbang secara segera kepada pengurangan kos pengangkutan di negara ini.

Satu lagi caranya ialah meninjau semula perlindungan tarif yang diberikan kepada bahan mentah keluaran tempatan seperti simen dan keluli. Sudah tentu, dasar Kerajaan ialah melindungi pelaburan dalam kilang simen, kilang besi dan perusahaan intensif modal yang lain. Serentak dengan itu, adalah menjadi kewajipan Kerajaan supaya tidak menjejaskan pelaburan dalam sektor-sektor lain. Misalnya, oleh kerana mereka terpaksa membayar harga yang tinggi bagi bahan-bahan mentah, para pemaju terpaksa menanggung kos pengeluaran yang tinggi pula. Selanjutnya mereka terpaksa pula menuntut harga yang tinggi daripada para pelanggan yang membeli kilang, kedai dan rumah mereka. Saya ingin menyeru Menteri Perdagangan dan Perindustrian supaya meninjau semula kesan perlindungan tarif ke atas kos pengeluaran serta bertindak seterusnya.

Sebagai penutup, Tuan Yang di-Pertua, benarkan saya sekali lagi mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kerana berjaya merumuskan strategi yang munasabah dan realistik bagi pembangunan ekonomi. Kita berharap pelaburan swasta akan tumbuh lagi dan seterusnya perkembangan hasil pelaburan akan membolehkan ekonomi negara menikmati kadar pertumbuhan yang memuaskan di tahun-tahun akan datang.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Lubuk Antu.

4.26 ptg.

Tuan Jawah anak Gerang (Lubuk Antu): Taun Yang di-Pertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih di atas peluang yang diberi kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbincangan mengenai Rang Undang-undang Perbekalan 1989 di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kerana telah berjaya dalam usahanya memulihkan ekonomi negara dan mencatatkan satu kadar pertumbuhan yang tinggi sekali. Setelah tidak mengalami pertumbuhan pada tahun 1985 dan 1986 ekonomi Malaysia telah berkembang dengan pesat malah juga dianggarkan dalam tahun ini ekonomi Malaysia akan tumbuh pada kadar yang sangat tinggi iaitu 7.4%. Ini adalah sangat membanggakan.

Semasa membentangkan Belanjawan 1989, Yang Berhormat Menteri Kewangan berpandukan belanjawan tersebut atas ramalan-ramalan pertumbuhan yang akan kita alami pada tahun-tahun yang akan datang dengan menganggarkan juga ekonomi antarabangsa akan berkembang. Dan juga bertambahnya permintaan-permintaan bukan sahaja di luar negeri dan juga di dalam negeri.

Tuan Yang di-Pertua, dengan perkembangan ini saya percaya ada dua cara Kerajaan boleh menaikkan pendapatannya.

Pertama, ialah dengan memperluaskan asas-asas ataupun lantai-lantai cukai Kerajaan seperti cukai jualan ataupun "VAT".

Kedua, dengan mengurangkan berlakunya mereka yang hendak melarikan cukai atau tax evasion. Tax evasion berlaku di mana-mana sahaja dan juga di segenap sektor ekonomi di negara kita. Dan Kerajaan telah kehilangan berjuta-juta ringgit akibat

daripada perbuatan ini. Kalau tidak percaya cubalah tengok berapakah cukai pendapatan yang harus dibayar oleh seseorang misalnya seseorang penjual mee, nasi ayam ataupun kari kepala ikan atau kedai-kedai makanan yang lain.

Saya berpendapat kebanyakan penjual nasi ayam atau penjual mee goreng adalah lebih kaya daripada seorang pegawai bank ataupun pegawai Kumpulan A dalam perkhidmatan awam. Adalah tidak adil jika seseorang misalnya pegawai bank dengan gaji bulanan \$3,000 bayar hampir-hampir \$6,000 cukai pendapatan dalam setahun dibanding dengan seseorang penjual nasi ayam yang mungkin \$10,000 sebulan tetapi hanya membayar \$150 cukai pendapatan setahun. Oleh yang demikian saya menyarankan supaya pegawai-pegawai dari Jabatan Hasil Dalam Negeri dapatlah mencari jalan bagaimanakah orang-orang ini dapat dikenakan cukai pendapatan yang betul-betul menggambarkan pendapatan mereka. Mungkin, dengan mengambil purata jualan, misalnya dalam satu minggu seperti yang dilakukan di negara Singapura dan ini bolehlah dilakukan tanpa pengetahuan orang-orang ini. Di samping itu juga ada firma-firma perakaunan ataupun accounting firm di negeri ini, saya sedar kadang kala buat penyata-penyata kewangan yang menggambarkan bukan kedudukan kewangan sesuatu syarikat yang sebenar. Perbuatan ini telah mengakibatkan Kerajaan kehilangan hasil berjuta-juta ringgit. Kerajaan haruslah mengambil tindakan yang tegas ke atas mana-mana firma perakaunan jika terdapat ada bukti bahwa firma tersebut telah gagal menjalankan tugasnya.

Selain daripada mengurangkan perbuatan orang-orang ataupun syarikat-syarikat tertentu melarikan cukai ataupun tax evasion seperti saya katakan tadi, Kerajaan juga boleh

membesarkan asas-asas cukai untuk lebih menambahkan hasil. Oleh itu saya amat mengalu-alukan dasar Kerajaan untuk menggunakan cukai jualan VAT ke atas beberapa jenis barangan. Sistem cukai jualan ini sudahpun diamalkan di beberapa buah negara di dunia ini. Saya sedar bahawa harga beberapa barangan akan naik sedikit akibat daripada dasar ini. Tetapi orang ramai janganlah terlalu hairan oleh kerana tidak semua barang-barang akan dikenakan cukai jualan. Hanya barang mewah yang akan dikenakan cukai. Jika mahu mengelakkan daripada membayar lebih sesuatu barang itu, kita jangan beli barang itu.

Kita juga mesti menyedari bahawa Kerajaan haruslah mencari jalan yang lain untuk menambahkan cukai sesudah ia mengurangkan cukai-cukai syarikat daripada 40% kepada 30% dan juga menghapuskan cukai pembangunan secara beransur-ansur. Kalau tidak sudah tentulah Kerajaan tidak akan dapat menaikkan gaji kakitangan awam dan juga menambahkan peruntukan untuk pembangunan. Walau bagaimanapun berikutan daripada tindakan Kerajaan untuk mengenakan sistem cukai jualan beberapa barang yang tidak terdapat dalam senarai cukai ini sudahpun naik harga, walaupun sistem cukai ini belum dikenakan. Saya dengar, misalnya, daging-daging di tepi jalan yang tidak di dapati di dalam senarai cukai jualan ini sudahpun naik harga. Oleh hal yang demikian, saya suka menyarankan di sini supaya pihak Kerajaan memastikan bahawa tidak ada orang-orang mengambil peluang untuk mencari lebih keuntungan sendiri berikutan daripada sistem cukai ini.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu daripada sebab mengapa Kerajaan dapat memulihkan semula ekonomi ialah kenaikan harga-harga barang-barang utama seperti getah, koko dan lada hitam pada penghujung tahun

1987 dan awal tahun ini. Berikutan daripada kenaikan harga ini, Kerajaan misalnya, dari eksport lada hitam telah menambahkan hasil kepada \$91.4 juta untuk tempoh tujuh bulan pertama tahun ini. Walau bagaimanapun, baru-baru ini harga lada hitam telah pun jatuh dengan begitu teruk sekali khasnya harga lada hitam akibat daripada saingan yang hebat daripada lada hitam daripada India. Misalnya, harga lada putih telah pun jatuh daripada kira-kira \$14 sekilo pada penghujung tahun 1987 kepada harga \$5 sekilo pada sekarang dan harga lada hitam daripada \$12 sekilo kepada \$2.50 sekilo sekarang.

Memang benar kejatuhan ini telahpun menimbulkan banyak masalah khasnya kepada penduduk-penduduk di rumah panjang. Berdasarkan hakikat ini, saya berpendapat bahawa ramalan-ramalan awal Kerajaan yang menyatakan bahawa hasil Kerajaan dari bidang ini akan meningkat, saya percaya ini ramalan yang tidak begitu tepat. Demi mengatasi masalah yang dihadapi oleh para pekebun-pekebun lada hitam di seluruh negara, saya menyeru kepada Kerajaan supaya mencari jalan bagaimanakah kejatuhan harga ini dapat dikawal.

Saya menyeru kepada Jabatan Pertanian dan juga Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian (MARDI) supaya berusaha mempertingkatkan dan memperbaiki mutu dan hasil tanaman lada hitam. Selain daripada itu usaha-usaha haruslah dibuat dalam bidang penyelidikan khasnya berkenaan dengan menghasilkan benih-benih lada hitam yang berhasil tinggi dan sejajar dengan menstabilkan harga, saya mencadangkan supaya negara kita haruslah menjadi ahli Pertubuhan Lada Hitam Antarabangsa.

Tuan yang di-Pertua, saya berpendapat negara kita mempunyai potensi peluang pelancongan yang

terbesar sekali. Tetapi ramai orang tidak sedar ini. Kita mempunyai begitu banyak sekali tempat-tempat tarikan pelancong di negara ini. Tetapi malangnya kebanyakan tarikan ini tidak diberi pengiklanan yang meluas khasnya di negara-negara asing. Saya rasa tayangan seperti "The Tropical Rain Forest" yang ditayangkan di Washington baru-baru ini haruslah ditayangkan di negara-negara yang lain. Selalunya apabila negara-negara asing memikirkan Malaysia, gambaran yang mereka biasa buat ialah Semenanjung Malaysia sahaja. Jadi selama ini pengiklanan kita mungkin kurang menumpukan Sabah dan Sarawak yang mempunyai daya-daya tarikan yang tersendiri. Saya rasa kehidupan di rumah-rumah panjang amatlah mempunyai daya tarikan yang hebat sekali kepada pelancong-pelancong khasnya daripada Amerika Syarikat, Germany, Jepun dan lain-lain jika pengiklanan yang cukup dapat di negara negara berkenaan.

Sehubungan dengan ini, demi menggalakkan lebih lagi pelancong-pelancong asing datang ke negara kita, saya rasa Kerajaan perlulah mempunyai sikap yang terbuka khasnya yang berkaitan dengan hak-hak pendaratan oleh penerbangan awam seperti penerbangan antarabangsa dari Singapura, Hongkong, Bangkok dan Jepun haruslah dibenarkan mendarat di Lapanganterbang Antarabangsa Kuching dan Kota Kinabalu. Masalah yang rumit sekarang ialah penerbangan ke Kuching dan Kota Kinabalu adalah begitu penuh sekali hampir di tiap-tiap penerbangan. Oleh itu saya tidak faham dengan kenyataan yang dibuat oleh MAS bahawa penerbangan ke Sabah dan Sarawak hanya di dalam 70% occupancy rate, dengan izin. Oleh sebab saya sedar setiap kali saya hendak balik ke Kuching adalah begitu sukar sekali untuk mendapatkan tempat duduk, malah sekarang ini haruslah membuat

booking lebih awal. Apa yang pelik sekali ialah apabila MAS mengatakan sesuatu penerbangan itu adalah penuh tetapi sebenarnya kita tahu ada beberapa tempat duduk lagi masih kosong. Masalah ini mungkin timbul disebabkan agen-agen MAS yang diberikan kuota-kuota tertentu oleh MAS.

Memang betul agihan tempat duduk yang harus dijual oleh MAS sudah habis, tetapi jika agihan ataupun kuota-kuota yang diberikan kepada agen MAS masih ada lagi, maka berlakulah keadaan di mana penuhnya yang dikatakan oleh MAS sebenarnya tidak begitu tepat. Saya percaya bahawa masalah ini dapatlah diatasi jika MAS dapat mencentralisasikan semua tempat-tempat yang ada di sesuatu penerbangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan banyak terima kasih kepada Menteri Kesihatan kerana menambah bilangan doktor-doktor ke Sarawak, begitu juga pusat-pusat klinik terus ditambah baru-baru ini. Walau bagaimanapun, selain daripada masalah menambahkan bilangan-bilangan doktor dan membina lebih lagi pusat-pusat klinik, Kementerian Kesihatan mestilah juga menentukan bilangan ambulans-ambulans di semua hospital besar di seluruh Sarawak khususnya di hospital-hospital umum Kuching dan juga Bandar Seri Aman. Sekarang ini saya sedar bahawa di Hospital Umum Kuching dan juga di Hospital Umum Seri Aman hanya ada dua sahaja ambulans. Ini tidak mencukupi lebih-lagi apabila kematian berlaku, iaitu bagaimanakah membawa mayat-mayat itu ke kampung-kampung lebih lagi jikalau seseorang itu miskin. Saya rasa ini adalah priority yang paling tinggi sekali yang harus diberi pertimbangan yang serius oleh Kementerian Kesihatan oleh kerana orang ramai menyedari bahawa kita telah membelanjakan wang berjuta-juta ringgit di dalam kegiatan-kegiatan

yang tidak mempunyai kepentingan orang ramai dan tidak harus diberi priority yang tinggi sepatutnya tetapi apabila melibatkan priority orang ramai seperti ini kita beri kurang perhatian, itu pun saya rasa bukanlah susah sangat bagi Kerajaan untuk membeli kereta-kereta untuk kegunaan hospital di negara ini. Saya amatlah merayu kepada Kementerian Kesihatan supaya menentukan bilangan ambulans-ambulans yang mencukupi untuk kegunaan orang ramai di hospital-hospital di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan doktor udara di Sarawak telah menelan belanja berjuta-juta ringgit. Untuk mengendalikan perkhidmatan ini di luar bandar di Sarawak amatlah mahal. Saya tidak menafikan bahawa perkhidmatan ini amatlah perlu tetapi apa yang saya hendak katakan di sini ialah selain daripada mengendalikan perkhidmatan doktor udara kita juga boleh membina lebih banyak lagi pusat-pusat klinik di luar bandar dan bukankah cara ini adalah cara yang paling murah sekali. Kesihatan juga di luar bandar masih lebih lagi memerlukan perhatian dan penguasaan bersungguh-sungguh dari Kerajaan. Saya sedar bahawa banyak barang-barang seperti barang dalam tin dijual di luar bandar dan di kampung-kampung sudahpun tamat tempoh (expiry date). Penggunaan "Ajinomoto", begitu juga ubat "Cap Kaki Tiga" (3 legged brand) dan juga minuman air keras seperti samsu dan di Sarawak dinamakan "Cap-Lang-Kau" yang boleh membahayakan kesihatan masih juga berleluasa. Pihak berkuasa haruslah menjalankan undang-undang dengan lebih tegas lagi demi kesihatan orang ramai dan juga di mana perlu Kementerian patutlah menyebarkan kepada orang ramai bahaya-bahaya yang akan diperolehi daripada penggunaan barang-barang ini.

Tuan Yang di-Pertua, jalan-jalan di luar bandar di seluruh negara masih kurang. Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar di seluruh negara masih kurang. Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar sekarang meluluskan jalan-jalan yang dibina di negara ini berdasarkan priority yang diberikan oleh Kerajaan Negeri. Saya rasa semua Ahli Dewan Rakyat di dalam Dewan ini adalah lebih tahu dengan mendalam daripada orang lain berkenaan dengan kawasan mereka masing-masing. Jadi apa yang diberi priority oleh Kerajaan Negeri tidak semestinya priority kepada orang-orang di luar bandar. Oleh yang demikian saya menyarankan supaya peruntukan ini, iaitu peruntukan yang diberikan kepada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dapatlah disalurkan kepada peruntukan-peruntukan kepada seseorang Ahli Dewan Rakyat, iaitu selain daripada peruntukan yang kita dapat sekarang, iaitu \$200,000. Begitu juga

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Masa sudah cukup, Yang Berhormat.

Tuan Jawah anak Gerang: Dengan ini saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Padang Serai.

4.45 ptg.

Tuan Chew Kam Hoy (Padang Serai): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 1989 yang dibentangkan oleh Menteri Kewangan pada 21hb Oktober, 1989.

Tuan Yang di-Pertua, tindakbalas rakyat terhadap Belanjawan 1989 pada amnya adalah baik. Oleh yang demikian, saya tidak akan membuang masa memuji aspek-aspek yang baik tentang Belanjawan itu akan tetapi

saya ingin memberi sepatah dua kata peringatan demi kepentingan negara dan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, penurunan dalam cukai pendapatan syarikat serta pengenalan berbagai lagi insentif pelaburan yang lain sudah tentunya akan mewujudkan satu suasana iklim pelaburan yang menarik. Negara Malaysia akan menjadi satu kawasan yang sungguh menarik kepada pelaburan asing di rantau ASEAN ini. Syarikat-syarikat yang sedia wujud akan digalakkan menambahkan pelaburan mereka sedangkan syarikat-syarikat baru akan tertarik untuk melabur di sini.

Tuan Yang di-Pertua, penurunan cukai pendapatan syarikat itu akan mengakibatkan Kerajaan kehilangan hasil pendapatan negara tidak kurang daripada \$376 juta setahun. Oleh yang demikian kita mesti memastikan bahawa objektif-objektif utama menambahkan hasil pendapatan negara dan mewujudkan lebih peluang pekerjaan tercapai.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan suasana dan scenerio politik negara pada masa ini, saya ingin menyuarakan kebimbangan saya bahawa ketidakstabilan politik negara akan menghancurkan segala usaha-usaha Kerajaan ini dan menyebabkan kehilangan \$376 juta itu sia-sia sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, kestabilan politik negara tidak akan tercapai jika wujud perselisihan dalam UMNO sebagai tulang belakang Barisan Nasional. Kestabilan politik juga tidak tercapai jika wujudnya masalah-masalah di kalangan parti-parti komponen Barisan Nasional. Kita juga tidak akan mencapai kestabilan politik jika rakyat tidak menyokong Kerajaan. Saya memang tidak berhak membincangkan tentang perselisihan yang berlaku dalam UMNO kerana ia merupakan satu masalah dalam Parti UMNO, akan tetapi saya yakin

Presiden UMNO, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan pemimpin-pemimpin UMNO yang lain tahu bagaimana menyelesaikan masalah mereka itu dan betapa penting ia perlu diselesaikan dengan secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan masalah-masalah yang wujud di kalangan parti-parti komponen Barisan Nasional, saya percaya ia boleh dapat diselesaikan melalui semangat bekerjasama perundingan dan permuafakatan, iaitu melalui semangat Barisan Nasional yang berasaskan kepada prinsip-prinsip demokrasi, keadilan dan kesaksamaan. Jika para pemimpin Barisan Nasional adalah jujur dan saksama dalam menjunjung semangat Barisan Nasional sudah tentu masalah-masalah yang wujud akan dapat diselesaikan dengan aman damai.

Tuan Yang di-Pertua, tidak ada sesebuah Kerajaan dalam dunia ini akan menjadi stabil tanpa sokongan penuh rakyatnya. Kerajaan Barisan Nasional tidak terkecuali daripadanya. Dalam konteks negara Malaysia yang berbilang kaum, sokongan rakyat bermakna sokongan rakyat dari seluruh lapisan masyarakat dan semua kelompok etnik. Ini termasuk bukan sahaja kaum Melayu tetapi juga dari kaum Cina, India, Kadazan, Iban, Murut dan lain-lain komuniti Malaysia.

Di bawah sistem politik negara pada hari ini Kerajaan Barisan Nasional memperoleh sokongannya daripada semua kelompok etnik melalui berbagai parti komponen yang mewakili mereka masing-masing. UMNO mewakili kaum Melayu, MCA mewakili Cina, MIC India dan lain-lain lagi. Kepentingan dan hak sesuatu kaum itu dipelihara dan dijagai oleh parti-parti politik masing-masing yang mewakili mereka dalam Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, kepada kaum Melayu saya ingin mengucapkan tahniah setinggi-tingginya, UMNO telah menjalankan tugas yang amat baik dan berjaya sekali dalam memperjuangkan hak dan kepentingan kaum Melayu. Di bawah kepimpinan UMNO kaum Melayu telah bergerak sungguh maju dan progresif dalam semua bidang yang diceburi. Dalam bidang ekonomi, berkenaan dengan hak milik modal saham dalam sektor koporat, golongan bumiputera hanya memiliki lebih kurang 2% sebelum pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru. Menjelang tahun 1985 menurut angka-angka Rancangan Malaysia Kelima hak milik modal saham mereka dalam sektor koporat telah meningkat kepada 17.8%, akan tetapi mengikut angka-angka yang diberi oleh parti GERAKAN pada tahun 1983 purata kepentingan hak milik modal saham bumiputera dalam sektor koporat telah mencapai sasaran 30% ekuiti. Begitu juga dengan penilaian MCA yang menunjukkan bahawa kaum bumiputera telah mencapai sasaran 30% ekuiti dalam sektor koporat. Saya berharap Majlis Tertinggi Barisan Nasional dapat berunding menyelesaikan angka-angka yang bertentangan ini supaya rakyat jelata tidak akan keliru tentang pencapaian sebenar kaum bumiputera dalam sektor koporat.

Tuan Yang di-Pertua, dalam program pembasmian kemiskinan luar bandar, Kerajaan telah menubuhkan banyak agensi-agensi khas untuk membantu golongan Melayu yang miskin di kawasan luar bandar. Dalam Belanjawan 1989 Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak \$628 juta kepada Kementerian Pertanian untuk membantu golongan petani dan nelayan melalui agensi-agensi seperti MARDI, FAMA, MADA, KADA, LPN, MAJUIKAN dan Bank Pertanian. Kementerian Perusahaan Awam juga diperuntukkan \$107 juta untuk

membentuk kaum bumiputera dalam berbagai projek sosio-ekonomi. Peruntukan kewangan ini disalurkan melalui Perbadanan Kemajuan Negeri masing-masing, FIMA dan Bank Pembangunan Malaysia. Peruntukan berjumlah \$736 juta telah diperuntukkan kepada Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah yang kemudiannya disalurkan melalui agensi-agensi seperti FELDA, KEDA, KEJORA, JENGKA dan lain-lain Lembaga Kemajuan untuk mencapai perolehan maksima dari penggunaan tanah negara bagi meningkatkan pendapatan penduduk-penduduk luar bandar melalui penggunaan tanah yang maksimum dan teratur. Di samping itu Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar diberi peruntukan berjumlah \$826 juta untuk memupuk pembangunan sektor luar bandar melalui penyediaan kemudahan dan keperluan asas seperti penyediaan jalan, bekalan air, elektrik, pembangunan dan menyusun semula kampung dan lain-lain keperluan serta pemulihan dan penyatuan tanah. Peruntukan kewangan ini disalurkan melalui agensi-agensi seperti MARA, FELCRA dan lain-lain.

Dalam bidang pendidikan pula Kerajaan telah berjaya melatih ramai ahli-ahli profesional bumiputera seperti akauntan, peguam, doktor dan lain-lain pakar. Justeru itu adalah tidak menghairankan pihak UMNO berjaya mendapat sokongan penuh dari kaum Melayu memandangkan segala pencapaian-pencapaian yang diperolehi. Sebaliknya pula kaum Cina tidak begitu bernasib baik. Kedudukan kaum Cina dalam semua bidang, sama ada dalam bidang ekonomi, sosial, kebudayaan atau pendidikan di negara ini tidak bertambah baik sejak pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru. Banyak janji-janji telah dibuat oleh MCA dan Barisan Nasional semasa pilihanraya umum 1986 yang lalu dan sehingga

hari ini kebanyakan janji-janji itu belum lagi ditunaikan oleh MCA dan Barisan Nasional. Janji-janji seperti pindaan kepada Seksyen 21 (2) Akta Pelajaran 1981, pengiktirafan ke atas sijil dan diploma Kolej Tunku Abdul Rahman, peruntukan kewangan yang munasabah kepada pembangunan kampung-kampung baru dan lain-lain lagi.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara yang saya tidak fahami ialah keengganan Kerajaan untuk meminda Seksyen 21 (2) Akta Pelajaran 1981. Akta ini mengatakan pada bila-bila masa sahaja Menteri berpuas hati bahawa Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan boleh ditukarkan kepada Sekolah Rendah Kebangsaan. Beliau boleh mengarahkan sekolah tersebut menjadi Sekolah Rendah Kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini tidak akan membawa sebarang kerugian kepada Kerajaan, ia juga tidak akan menghancurkan usaha-usaha Kerajaan dalam melaksanakan Dasar Pelajaran Negara. Pindaan ini juga tidak mengancam kepentingan kaum Melayu. Begitu juga dengan hal pengiktirafan sijil dan diploma Kolej Tunku Abdul Rahman

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Ahli dari Marang bangun. Apa hendak?

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Minta penjelasan.

Tuan Chew Kam Hoy: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak cukup masa, saya tidak beri jalan.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Minta penjelasan.

Tuan Chew Kam Hoy: Tidak beri jalan.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tidak boleh?

Tuan Chew Kam Hoy: Tidak boleh.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Bolehlah!

Tuan Chew Kam Hoy: Tidak apalah! Nanti penjelasan sudah jadi hangat, lagi satu kali saya kena hentikan.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tidak ada hangat, tanya sedikit sahaja.

Tuan Chew Kam Hoy: Tidak apa!

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tidak apa!

Tuan Chew Kam Hoy: Saya teruskan.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Lepas ini cuba lagilah.

Tuan Chew Kam Hoy: Okay, boleh cuba lagi, tunggulah. Tentang dua perkara ini saya minta penjelasan dari Menteri yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, apabila Kerajaan boleh membelanjakan \$2.300 juta dalam Belanjawan ini untuk membasmi kemiskinan kaum Melayu di luar bandar kenapa pula Kerajaan tidak boleh memberi peruntukan pembangunan yang munasabah untuk meningkatkan taraf dan keadaan hidup penduduk-penduduk Cina di kampung-kampung baru. Dalam Belanjawan 1989 saya difahamkan kampung-kampung baru hanya dapat peruntukan \$1 juta sahaja. Adakah ini adil? Saya juga minta satu penjelasan dari Menteri yang berkenaan. Tuan Yang di-Pertua

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat nanti sekejap, Yang Berhormat dari Marang hendak apa?

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Minta penjelasan.

Tuan Chew Kam Hoy: Janganlah, nanti susah.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Bolehlah.

Tuan Chew Kam Hoy: Saya tidak mahu kerana ucapan saya sekali lagi dihentikan.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Bolehlah. Tadi janji hendak beri tetapi tidak beri.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, jangan berdialog di sini. Di sini kita beri peluang dan tiap-tiap orang ada masanya. Jadi saya serahkan kepada Yang Berhormat dari Bagan Serai untuk diteruskan.

Tuan Chew Kam Hoy: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Jika MCA

Dato' Zainal Abidin bin Zin: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Nanti sekejap. Ada yang bangun.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Speaker cakap Bagan Serai tadi.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Sorry. Yang Berhormat dari Padang Serai berucap, Bagan Serai belum lagi.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Bagan Serai pun ada juga soalan.

Tuan Chew Kam Hoy: Tuan Yang di-Pertua, Jika pihak MCA terus gagal memenuhi janji-janji pilihanraya umum itu yang dibuat oleh parti MCA dan Barisan Nasional adalah

tidak menghairankan parti MCA akan hilang semua sokongan kaum Cina pada pilihanraya umum yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, jika perkara ini berlaku adakah ia akan menguntungkan Barisan Nasional khususnya UMNO? Mungkinkah kita akan masih dapat mewujudkan kestabilan politik jika kaum Cina yang mewakili lebih dari 30% komposisi penduduk negara menyokong pihak pembangkang?

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Marang hendak apa?

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Seksyen berapa?

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: 36 (10) (c) —minta penjelasan tidak boleh. 36 (10) (c) "perkataan-perkataan yang harus menaikkan perasaan bersakit-sakit hati atau bermusuhan-musuhan di antara satu kaum dengan satu kaum dalam Malaysia atau melanggar mana-mana syarat dalam Perlembagaan atau Akta Hasutan 1948". Ucapan Ahli dari Padang Serai sama dengan ucapan Ahli dari Bakri dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat duduk. Saya rasa belum sampai kepada tahap itu lagi. Teruskan.

Tuan Chew Kam Hoy: Terima kasih banyak, Tuan Yang di-Pertua sangat adil.

Jika semua pengundi Cina enggan menyokong Barisan Nasional kerana Barisan Nasional gagal menunaikan

janji-janji pilihanraya 1986, adakah Barisan Nasional masih boleh memperolehi kemenangan lebih 2/3 kerusi Parlimen yang ditandingkan dalam pilihanraya umum yang akan datang? Saya fikir.

Dato Zainal Abidin bin Zain (Bagan Serai): (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Nanti sekejap Yang Berhormat dari Padang Serai. Yang Berhormat dari Bagan Serai hendak apa?

Dato Zainal Abidin bin Zain: Minta penjelasan.

Tuan Chew Kam Hoy: Tidak beri.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia tidak beri.

Tuan Chew Kam Hoy: Masa saya adalah terhad.

Dato Zainal Abidin bin Zain: Terima kasihlah.

Tuan Chew Kam Hoy: Saya fikir saya tidak perlu memberi jawapan kepada persoalan-persoalan ini kerana ia adalah jelas. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan sekali lagi bahawa kestabilan politik tidak akan tercapai jika Kerajaan tidak memperolehi sokongan penuh dari seluruh lapisan rakyat dari berbagai kaum. Untuk memperolehi sokongan penuh rakyat, Kerajaan mesti peka kepada keperluan dan kehendak rakyatnya tanpa mengira kaum.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, nanti sekejap. Yang Berhormat dari Marang hendak apa?

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Penjelasan.

Tuan Chew Kam Hoy: Tunggu sekejap.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Berilah.

Tuan Chew Kam Hoy: Tunggu dua minit lagi, saya akan beri, sabar.

Tuan Yang di-Pertua, tanpa kestabilan politik, pembangunan negara akan terancam. Seluruh rakyat jelata akan hidup merana dan perpaduan nasional tidak akan wujud.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya menyokong Belanjawan ini dengan harapan peruntukan bagi Kampung Baru dapat ditambahkan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Kepong.

5.02 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya ucapan saya boleh mengambil masa 1½ jam, walau bagaimanapun dengan cepat 20 minit sahaja.

Belanjawan tahun ini hanyalah sambungan kepada Belanjawan tahun yang lepas. Walau bagaimanapun, keadaan ekonomi dikatakan sudah pulih sedikit, isu-isu politik masih wujud. Selagi isu-isu ini tidak diselesaikan dengan munasabah, pertumbuhan ekonomi dalam tahun-tahun akan datang akan terjejas. Maka ia menjadi lebih mendesak bagi kita untuk memperkukuh keazaman politik dan juga kewajipan politik atau, dengan izin, political will and commitment, supaya usaha-usaha ke arah menyusun semula ekonomi terlaksana dan tidak kurang pentingnya adalah usaha-usaha untuk memperbaiki imej negara terutama sekali selepas beberapa peristiwa termasuk Operasi Lalang serta kemusnahan kebebasan Kehakiman menerusi berbagai-bagai pindaan

Perlembagaan Persekutuan dan pemecatan Ketua Hakim Negara dan 2 orang Hakim Mahkamah Agung. Langkah yang positif adalah untuk membebaskan kesemua orang tahanan Operasi Lalang.

Tuan Yang di-Pertua, ini kali yang ketujuh saya bangun untuk memperbahaskan Belanjawan dan yang ketiga di Parlimen Yang Ketujuh. Belanjawan tahun ini merupakan kali kelima dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam satu suasana pancaroba politik yang lebih cemas berbanding dengan tahun yang lepas. Belanjawan ini adalah berorientasikan kepada pelaburan asing dan mirip kepada "Reaganomics" atau supply side economics. Ia tidaklah boleh dikatakan satu Belanjawan mengembang, akan tetapi terhendap di belakang Belanjawan tahun 1989 adalah wayang kulit politik yang mempengaruhi segala strategi, takulan asas serta rangkaian dokumen kewangan yang amat mustahak ini. Satu struktur Belanjawan yang sihat tidak harus sedemikian walau sesiapa pun yang berkuasa strategi Belanjawan boleh diubah tetapi asas yang sihat tidak harus berubah-ubah.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai strategi Belanjawan ini, saya hendak menekankan Yang Berhormat Menteri Kewangan telah menyenaraikan tiga tujuan strategi Belanjawan 1989 sebagai—yang pertama, menyusun semula sistem cukai; yang kedua, meningkatkan peranan sektor swasta untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan mengurangkan pengangguran dan yang ketiga, meneruskan dasar jimat-cermat dalam pengurusan perbelanjaan awam. Saya menambahkan satu tujuan lagi iaitu latihan, pemeliharaan dan penggunaan tenaga kemahiran dan kepakaran sebagai matlamat menjadikan negara Malaysia negara perindustrian baru.

Sepertimana yang telah saya sebutkan pada 28hb Oktober tahun lepas sebelum saya dimasukkan ke "rumah Yang di-Pertuan Agong", strategi-strategi tersebut memerlukan keazaman dan komitmen politik. Saranan saya ialah sungguhpun masalah-masalah ekonomi mungkin dapat diselesaikan dengan adanya Belanjawan ini, tetapi tanpa keazaman serta keikhlasan politik, pemulihan ekonomi hanyalah sementara sahaja dan akan berulang lagi sebaik sahaja kesan rancangan asal berakhir. Sekarang negara memerlukan keazaman dan komitmen politik lebih daripada tahun yang lepas kerana keadaan politik adalah lebih rumit. Hanya dengan keazaman dan komitmen tersebut dapat kita menjayakan strategi Belanjawan sebagaimana yang dilaksanakan di negara-negara yang maju.

Tuan Yang di-Pertua, saya sering mendengar tuduhan yang dilemparkan ke atas pihak DAP mengenai Dasar Ekonomi Baru. Suka saya menjelaskan di sini idea-idea DEB, yang pertama membasmi kemiskinan, yang kedua menyusun semula masyarakat untuk mewujudkan perpaduan nasional. Idea-idea ini adalah baik. DAP tidak pernah menyoalkan idea-idea seperti ini, bahkan juga pihak DAP berharap idea-idea ini dapat dijayakan. Kita dapat mencapai matlamat-matlamat yang ditentukan. Itulah dasar DAP.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Marang hendak apa?

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Minta penjelasan.

Dr Tan Seng Giaw: Ada "injury time" kah?

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Terpujang kepada Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Berilah, injury time atau tidak injury time pun!

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat dari Kepong, kalau dikatakan bahawa DAP itu adalah berhasrat untuk menyatupadukan serta melihat perpaduan menjadi baik, kenapa dalam DAP tidak ada seorang pun orang Melayu dilantik menjadi Ahli Parlimen? Jawab!

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, itu soalan yang terkeluar daripada tajuk saya sekarang. Yang penting sekali iaitu kami ada Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri dan ahli-ahli di dalam Jawatankuasa Tertinggi dan mungkin di masa hadapan akan ada Ahli-ahli Parlimen keturunan Melayu di dalam Dewan yang mulia ini. Itulah kebenarannya.

Tuan Yang di-Pertua, yang penting sekali kami tidak pernah menyoalkan idea-idea untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat untuk mewujudkan perpaduan nasional. Itu penting tetapi kami menyoalkan helah-helah, taktik-taktik.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua.

Dr Tan Seng Giaw: strategi-strategi yang digunakan oleh pihak UMNO Baru.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua.

Dr Tan Seng Giaw: untuk melaksanakan apa yang dikatakan idea-idea DEB. Jadi wujudkan "mafia" DEB, wujudkan pemutarbelit DEB.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, apa bisng sangat ini, hei!

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Marang, apa hendak?

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Penjelasan, Tuan Yang di-Pertua.

Dr Tan Seng Giaw: Itu dasar saya untuk berucap.

Tuan Zubir bin Embong: (*Bangun*)

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Saya hendak minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Marang hendak apa?

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Minta penjelasan.

Tuan Zubir bin Embong: Point of order, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Nanti sekejap.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak ucap.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Saya hendak minta penjelasan. Dia sudah duduk tadi, dia sudah beri peluang. Beri tak? Saya hendak minta penjelasan.

Dr Tan Seng Giaw: Ada 15 minit lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat hendak berikah tidak?

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Melenting sangat macam harimau!

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya habiskan ini dahulu tentang Dasar Ekonomi Baru.

Tuan Zubir bin Embong: (*Bangun*)

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Harimau tidak beri.

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, point of order. Dia menggunakan perkataan "Mafia".

Dr Tan Seng Giaw: Dia cuma hendak ganggu sahaja. Saya hendak.

Tuan Zubir bin Embong: Perkataan "Mafia" tidak parliamentary.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, sila duduk ya!

Tuan Zubir bin Embong: 36 (4)!

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Kepong, teruskan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya menekankan di sini, kami yang membantahnya dan membangkangnya ialah segelintir orang sebagai "Mafia D.E.B.", sebagai "pemutar-belit D.E.B." yang tidak dapat menjayakan matlamat-matlamat yang ditentukan pada tahun 1970.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua.

Dr Tan Seng Giaw: Itulah hakikat, hampir 18 tahun telah berlalu, apakah matlamat-matlamat yang dicapai sekarang?

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Allah bisngnya—bisngnya.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Marang.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Saya mohon penjelasan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Mohon penjelasan!

Dr Tan Seng Giaw: Yang Berhormat boleh tunggulah sedikit saya habiskan, saya beri peluang.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tidak gentlemanlah!

Tuan Hu Sepang: Duduklah!

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Eh! Sepang ini!

Dr Tan Seng Giaw: Jadi sekali lagi saya hendak menekankan—Yang Berhormat tadi janganlah bising—kalau hendak tahu apakah dasar DAP mengenai D.E.B. dengar betul-betul, dengan baik-baik.

Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, point of order, saya minta ruling.

Dr Tan Seng Giaw: Selain daripada D.E.B, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bangkitkan—kerana ada masa iaitu 12 minit lagi.

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, saya membuat objection di atas point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Kepong point of order.

Tuan Zubir bin Embong: Saya hendak minta ruling, tadi dia menggunakan “Mafia D.E.B”, perkataan itu bertentangan dengan Peraturan Mesyuarat 36 (4). “Adalah salah pada Peraturan Mesyuarat bagi seseorang Ahli menggunakan bahasa biadap”. Bagi saya perkataan “Mafia”

itu lebih kurang macam “gangster” atau “perompak”. Adakah ini satu perkataan yang boleh digunakan dalam Parlimen? Saya hendak minta ruling Tuan Yang di-Pertua. Tadi saya sudah buat objection. Kalau itu tidak boleh digunakan dia mesti kena tarik balik.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat duduk. Yang Berhormat dari Kepong teruskan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya di sini ada 10 minit lagi, jangan kacau lagilah Yang Berhormat, tolong sedikit.

Pindaan Perlembagaan Persekutuan pada 17-3-1988 di Dewan yang mulia ini menandakan titik permulaan keruntuhan keutuhan pihak berkuasa Kehakiman sebagai sebuah cawangan yang bebas dan tidak dipengaruhi oleh politik. Ciri-ciri ini yang amat dibanggakan oleh mereka yang mempraktikkan bidang perundangan, malah dihormati sedunia telah diragut oleh pihak Executive dengan sebegitu senang sekali dan juga atas alasan menjamin kestabilan serta kesejahteraan negara.

Tuan Yang di-Pertua, isu menyingkirkan bekas Ketua Hakim Negara Tun Dato Haji Mohd. Salleh Abas telah mematikan kepercayaan sekian lama ini bahawa pihak berkuasa Kehakiman adalah bebas daripada pengaruh politik. Sungguhpun satu Tribunal ditubuhkan seperti yang diperuntukkan di bawah Artikel 125 (3) dan (4) Perlembagaan Persekutuan pada 1-6-1988 bagi menyiasat dan memberi syor sama ada bekas Ketua Hakim Negara patut dipecat atau tidak, dasar Kedaulatan Undang-undang (Rule of Law), dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, serta keadilan asas (natural justice) telah diketepikan. Yang menuduh berpeluang memilih Hakim untuk menghakimi diri yang tertuduh. Ada

di antara Ahli Tribunal yang dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong disyaki mempunyai kepentingan—memang terlibat dalam salah satu tuduhan terhadap bekas Ketua Hakim, manakala beberapa ahli yang dilantik adalah tidak setaraf kedudukannya, mahupun lebih tua daripada yang dituduh. Kriteria perlantikan ahli Tribunal sama ada Hakim daripada dalam negeri atau dari luar negeri haruslah mengikut syarat-syarat yang sama dan bukan syarat yang lebih ketat bagi Hakim luar negeri, sementara kelayakan Hakim tempatan disukat mengikut darjat-darjat yang berlainan.

Tuan Yang di-Pertua, Tribunal yang bermula mengikut asas penyiasatan bertukar di tengah jalan menjadi satu pengadilan mahkamah di mana Ketua Peguam Negara menjalankan kedua-dua watak pendakwa serta saksi di bawah kepura-puraan mengemukakan persembahan (submission) kepada Penal Hakim. Kebebasan Tribunal daripada pengaruh politik juga disangsi kerana standard bukti yang diterima oleh Tribunal adalah bersifat “ujian kebarangkalian” (probability test), dengan izin, walhal darjat yang ketat sekali iaitu langsung tidak wujud sebarang keraguan (beyond reasonable doubt).

Tuan Yang di-Pertua, semestinya diamalkan kerana tugas menyiasat dan memecat seseorang Hakim, apatah lagi Ketua Hakim Negara adalah amat berat. Akibatnya yang tertuduh tidak menerima keadilan yang wajar diterima oleh beliau. Kemusykilan-kemusykilan ini timbul disebabkan Perlembagaan Negara tidak memperuntukkan dengan terperinci mahupun jelas fungsi prosedur dan penubuhan sebuah Tribunal. Maklumlah Tribunal pada 11hb Jun, 1988 itu adalah Tribunal yang pertama sekali ditubuhkan sejak Malaysia mencapai kemerdekaan, tambahan lagi sesiapa pun tidak terduga bahawa seorang Ketua Hakim Negara akan

dipecat. Oleh kerana itu kami menyeru Kerajaan supaya membina balik keutuhan pihak berkuasa Kehakiman, sekurang-kurangnya dalam aspek penubuhan sebuah Tribunal. Di antara peraturan-peraturan yang perlu ditetapkan berupa penentuan kaedah atau fungsi Tribunal iaitu sama ada sebagai sebuah badan penyiasat atau berbentuk pengadilan mahkamah.

(Tuan Yang di-Pertua *mempergunakan Mesyuarat*)

Perlembagaan kita pada hari ini langsung tidak menjelaskan fungsi yang harus diamalkan oleh Tribunal dan seterusnya tugas-tugasnya. Perkara lain adalah berkenaan perlantikan Ahli-ahli Tribunal yang mana Perlembagaan sekarang tidak langsung menamakan pihak yang seharusnya menasihatkan Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong. Dipercayai bahawa dalam Tribunal menyiasat kes bekas Ketua Hakim Negara, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Peguam Negara serta Timbalan Ketua Hakim Negara telah bersama-sama memilih calon Tribunal. Ini melanggar prinsip keadilan asas, Tuan Yang di-Pertua.

Perlembagaan negara amat jelas bertujuan bahawa doctrine pengasingan kekuasaan mesti diamalkan dan dalam hal ini harus dikhususkan dengan ketat sekali.

Tuan Zubir bin Embong: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kepong, Yang Berhormat dari Kuala Terengganu ada.

Dr Tan Seng Giaw: Di dalam lengkongan Badan Kehakiman.

Tuan Yang di-Pertua: Nanti sekejap Yang Berhormat dari Kuala Terengganu.

Dr Tan Seng Giaw: Pihak Executive tidak harus.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kepong!

Tuan Zubir bin Embong: Point of order.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, point of order.

Tuan Zubir bin Embong: Allah kena tempik, baru berhenti.

Tuan Yang di-Pertua, sebentar tadi dia ada membangkitkan soal Tribunal, soal Hakim-hakim, kelakuan dan sebagainya. Ini mengikut Peraturan Mesyuarat 36 (8). Dia ada menyentuh berkenaan dengan kelakuan Ketua Hakim Negara dan kelakuan Peguam Negara dan Hakim-hakim yang telah terlibat dalam Tribunal ketika pemecatan bekas Ketua Hakim Negara. Jadi ini pada pandangan saya adalah bertentangan dengan Peraturan Mesyuarat 36 (8), yang sepatutnya perkara ini tidak patut disebut kerana kritikan itu boleh menjadikan sebagai contempt of court. Jadi saya minta ruling daripada Tuan Yang di-Pertua perkara ini. Kalau ianya berlaku demikian maka hendaklah Yang Berhormat daripada Kepong itu menarik balik apa yang telah dikatakan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat dari Kepong jangan sebut atau sentuhkan Hakim-hakim kerana itu adalah melanggar Peraturan Mesyuarat 36 (8).

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, itu kenyataan Yang Berhormat tadi adalah tidak relevant, pihak Executive tidak harus mempunyai apa-apa peranan selain daripada membuat bantahan asal initial representation, dengan izin, bantahan dibuat oleh Executive dan bukan oleh Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong yang adalah constitutional monarch. Ini bererti

Yang di-Pertuan Agong tidak boleh bertindak atas inisiatif sendiri. Mengikut pendapat pengamalan undang-undang pihak yang paling sesuai untuk menasihati Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong adalah Majlis Raja-raja, sama ada dalam perlantikan Ahli-ahli Tribunal mahupun dalam soal pemecatan seseorang Hakim, ini adalah kerana seseorang Hakim dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong mengikut nasihat Perdana Menteri selepas berunding dengan Majlis Raja-raja, maka kedua-dua perkara ini patut dirunding di antara Yang di-Pertuan Agong dengan Majlis Raja-raja.

Tuan Zubir bin Embong: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Kuala Terengganu sekejap!

Tuan Zubir bin Embong: Point of order.

Dr Tan Seng Giaw: Adalah difahamkan bahawa Yang di-Pertuan Agong dinasihatkan oleh salah seorang Duli Yang Maha Mulia Sultan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kepong ada Ahli yang bangun di atas point of order. Yang Berhormat dari Kepong, di atas point of order sila duduk, ya!

Tuan Zubir bin Embong: Saya tidak boleh sabar, Tuan Yang di-Pertua, kerana ia bertentangan pada pandangan saya dengan Peraturan Mesyuarat 36 (7) yang menyentuh soal-soal kewibawaan Yang di-Pertuan Agong, credibility Yang di-Pertuan Agong dalam perlantikan Hakim-hakim yang disebut tadi. Jadi saya rasa ini mungkin bertentangan. Saya tidak tahu sama ada Tuan Yang di-Pertua mempunyai pandangan yang berlainan dengan saya.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak bersetuju dengan Yang Berhormat, dengan kerana apa yang disentuh itu ialah di atas dasar sekarang. (*Tepuk*)

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua kali ini adalah menunjukkan satu Hakim yang adil. Adalah difahamkan bahawa Yang di-Pertuan Agong dinasihatkan oleh salah seorang D.Y.M.M. Sultan menerusi perwakilan Jawatankuasa Peguam Malaya supaya awas-awas dalam mengambil keputusan memecat bekas Ketua Hakim Negara. Perlembagaan ini tidak mengatakan pihak yang manakah harus menasihatkan Yang di-Pertuan Agong. Dalam hal-hal ini Seksyen 29 Akta Penafsiran dan Fasal-fasal Umum (Interpretation and General Clauses Act), Tuan Yang di-Pertua, mempunyai peruntukan yang tegas menyokong pandangan ini expressed provision of proviso to Section 29, Tuan Yang di-Pertua. Akta penafsiran dan Fasal-fasal Umum adalah digabungkan untuk menjadi sebahagian daripada Perlembagaan Negara. Oleh itu Artikel 125 dalam Perlembagaan Negara harus dipinda untuk memasukkan peraturan-peraturan yang tegas ke atas penubuhan dan penerusan Tribunal seperti yang disebut tadi supaya sekurang-kurangnya darjat kedaulatan undang-undang serta keadilan asas dapat ditingkatkan. Tiada undang-undang mahupun peraturan yang dapat menjamin keadilan 100%nya sebab manusia yang mengamal undang-undang tersebut mempunyai kelemahan-kelemahan yang tertentu.

Peruntukan Perlembagaan memecat Hakim menerusi sebuah Tribunal kehakiman pada satu masa dahulu ditanggap paling sesuai dan sebuah benteng kukuh mempertahankan pemecatan tanpa perlindungan (safeguards), dengan izin, terhadap campurtangan yang tidak wajar dalam kebebasan pihak Kehakiman. Untuk menjayakan konsep pemecatan

Kehakiman melalui Tribunal memerlukan kepercayaan yang kuat bahawa Eksekutif akan menguatkuasakan kekuasaannya dengan tulus ikhlas tanpa memilih kasih dan juga bergantung kepada andaian yang hakim-hakim mempunyai kesungguhan moral yang tegap untuk memendamkan kepentingan diri sendiri demi kepentingan institutional iaitu kebebasan pihak Kehakiman.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya model England, Australia dan India digunakan dalam hal ini iaitu pemecatan seorang hakim melalui penyetujuan majoriti 2/3 daripada ahli-ahli kehormat kedua-dua Dewan Negara dan Dewan Rakyat selepas Usul dikemukakan sekurang-kurangnya perbincangan adalah terbuka dan satu jawatankuasa terpilih boleh ditubuhkan bagi menyasiat tuduhan-tuduhan yang dibuat terhadap hakim tersebut. Misalnya difahamkan bahawa pada bulan Oktober lalu satu Usul untuk memecat Hakim Mahkamah Tinggi, Dato Harun Hashim tetapi digugurkan kerana kurang keyakinan akan mendapat sokongan yang diperlukan iaitu mengikut Artikel 127 Perlembagaan Malaysia, "a substantive motion of which notice has been given by not less than one quarter of the total number of members of that House", dengan izin. Tribunal pertama ditubuhkan tanpa panduan apa-apa peraturan-peraturan yang sudah diuji dan terbukti dapat menjamin darjat keadilan asas yang tinggi serta kedaulatan undang-undang.

Tribunal ini telah membuat peraturan-peraturannya sendiri dan sepertimana yang disebutkan tadi tidak dapat menjamin darjat keadilan asas yang tinggi disebabkan oleh persoalan memberi keutamaan (high priority), dengan izin, kepada kepentingan politik walhal dalam perkara pemecatan seseorang Hakim

dan penubuhan Tribunal pertimbangan politik hendaklah diberi keutamaan yang paling rendah (low priority), dengan izin.

Tribunal kedua yang ditubuhkan untuk memecat dua orang Hakim Mahkamah Agung pula diasaskan kepada peraturan-peraturan yang dibuat oleh ahli-ahli Penal Tribunal yang pertama. Kemampuan Tribunal pertama bertindak mempertahankan kedaulatan undang-undang serta keadilan asas disangsi dan jelas sekali kurang berkesan jika kita tinjau kata akhir Tribunal semasa memberi syornya yang berbunyi, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, "We very much regret that the respondent chose not to appear before us before we have come to the findings right only upon unchallenged and uncontradicted materials. Had we had the benefit of a possible explanation from the respondent our decision may well have been different".

Keyakinan bekas Ketua Hakim Negara ada terhadap kebolehan Tribunal ini mengadili kesnya atas prinsip-prinsip keadilan asas serta kedaulatan undang-undang pula jelas, dengan izin, "I very much doubt if the conclusion would have been any different, or that I would have been fairly, had I appeared before the Tribunal".

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

Dr Tan Seng Giaw: Satu minit lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, satu minit lagi.

Dr Tan Seng Giaw: Sebab-sebab bagi kekurangan keyakinan beliau adalah berasaskan kepada lima faktor utama:

- (1) Kebantahan beliau terhadap komposisi Tribunal tidak diindahkan oleh Ahli-ahli Tribunal.

- (2) Permintaan beliau untuk mengadakan pengadilan terbuka ditolak.

- (3) Permohonan beliau untuk lebih masa supaya membolehkan Queen's Counsel, Antony Lester, menyediakan diri dalam kes ditolak.

- (4) Permohonan peguam beliau untuk menagguhkan persidangan Tribunal sementara menunggu keputusan Writ mereka di Mahkamah Tinggi yang mencabar kesahihan Tribunal ditolak.

- (5) Permohonan beliau supaya prosedur Tribunal dikaji semula bagi membolehkannya menyediakan persiapan untuk membela diri juga ditolak.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya demi mempertahankan demokrasi serta imej negara Kerajaan harus mempertimbangkan cadangan untuk merangka satu Akta yang memperuntukkan peraturan-peraturan yang adil dan lebih komprehensif bagi menetapkan prosedur-prosedur yang perlu dalam urusan penubuhan sebuah Tribunal untuk menyiasat dakwaan-dakwaan terhadap hakim, pendek kata, "justice must not only be done, it must be manifestly seen to be done", dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Lembah Pantai.

5.26 ptg.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah (Lembah Pantai): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengambil kesempatan untuk memberi pandangan dan sokongan di atas ucapan dan juga membentangkan Rang Undang-undang Perbekalan 1989 di Dewan Rakyat ini pada hari Jumaat, 21hb Oktober yang lalu oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Belanjawan tahun 1989 ini boleh dikatakan keseluruhan rakyat Malaysia telah menyokong penuh dan memberi pandangan dan memberi pujian kepada Kerajaan kita yang mana Belanjawan yang telah dibentangkan pada tahun 1989 mencerminkan iaitu pemerintahan Barisan Nasional pada hari ini benar-benar mengambil berat di atas rakyat dan juga negara Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu saya dalam Dewan ini juga bagi mewakili pengundi-pengundi saya di Lembah Pantai mengucapkan terima kasih di atas ucapan yang telah diberi dan dengan ini juga saya mengharapkan dengan adanya ekonomi kadar yang dikatakan ini iaitu kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang dijangka pada tahun hadapan akan menjangkau kepada 7.4% dan kita mengharapkan supaya tahun-tahun akan datang akan lebih lagi.

Tuan Yang di-Pertua, kadar ini naik adalah dengan usaha pihak Kerajaan dan pihak Menteri-menteri kita yang telah berusaha sedaya upaya untuk menaikkan taraf pendapatan di dalam negara kita ini. Dengan keadaan inilah kita lihat dan kita rasa pada hari ini harga getah telah naik dengan harga \$3.15 satu kilo dan begitu juga harga-harga barang-barang yang lain keluaran dalam Malaysia ini umpamanya kayu, bijih dan berbagai-bagai lagi telah naik harganya hasil lawatan yang telah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir sendiri iaitu Perdana Menteri kita dan juga Menteri-menteri yang lain. Pada dahulunya kita dengar parti-parti Pembangkang khususnya dan banyak lagi orang yang mengatakan lawatan itu adalah membazir tetapi sekarang kita dapat melihat hasilnya dengan keadaan ini dan dengan masa yang singkat pihak Kerajaan telah pun dapat menunaikan janji-janjinya serba

sedikit terutamanya dengan keadaan gaji kakitangan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi malangnya dengan adanya kenaikan ini dan harga barang yang naik, saya tidak lihat, tidak dengar pula pujian-pujian yang diberi oleh pihak parti Pembangkang kepada pihak Kerajaan, hanya mendiam, membisu sahaja.

Sekarang saya kluatir dan saya rasai yang menyekatkan hati juga iaitu di kalangan parti DAP dan juga di kalangan ini juga termasuk ahli-ahli komponen dalam Barisan Nasional sendiri. Baru-baru tadi kita telah dengar dan pada dua, tiga hari yang lepas kita telah mendengar bagaimana ucapan-ucapan yang telah dibuat oleh Wakil daripada Barisan Nasional sendiri iaitu dari Bakri dan baru sebentar tadi dari Padang Serai juga telah mengungkit-ungkitkan masalah-masalah kampung baru, masalah kaum Melayu di luar bandar lebih mendapat peruntukan, orang-orang Cina di kampung baru kurang dapat peruntukan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa sudah tiba untuk kita membahaskan Usul di bawah Peraturan 18 (2). Selepas ini, Yang Berhormat boleh sambung.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Terima kasih.

USUL

MOGOK LAPAR DI KEM TAHANAN KAMUNTING, TAIPING

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, kita sekarang masuk kepada Perkara 18 (2) iaitu Usul yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang untuk menengguhkan Persidangan bagi membincangkan satu perkara yang tertentu mengikut Peraturan Mesyuarat 18 (2). Sekarang saya

menjemput Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang untuk mengemukakan Usul. Pihak pencadang 30 minit dan pihak Pembangkang 30 minit.

5.31 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang memberikan peluang untuk saya dan juga untuk Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain bagi membincangkan satu Usul yang dicadangkan oleh saya di bawah Peraturan Mesyuarat 18 (2) mengenai satu kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri baru-baru ini yang ada berkaitan dengan mogok lapar yang dilancarkan oleh tahanan-tahanan ISA.

Tuan Yang di-Pertua, pada 29hb Oktober, 1988 Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri, ketika berucap kepada para pemberita di Perhimpunan Agung UMNO berkata bahawa mogok lapar yang dilancarkan oleh orang-orang tahanan ISA di Kem Tahanan Kamunting, Taiping adalah satu farce—saya gunakan perkataan dalam Bahasa Inggeris yang dilaporkan dalam suratkhbar—ataupun suatu yang disifatkan sebagai permainan semata-mata kerana terdapat dua orang Ahli Parlimen DAP iaitu Ahli Parlimen bagi kawasan Jelutong dan juga Ahli Yang Berhormat bagi kawasan Kota Melaka ditangkap curi makan terlewat malam yang dilaporkan dalam suratkhbar-suratkhbar iaitu dan saya memetik di sini:

“They were caught eating at the dead of the night at 11.00 p.m.”.

Tuan Yang di-Pertua, tuduhan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri itu telah diberi liputan yang luas dalam suratkhbar-suratkhbar tempatan. Saya hendak mendapat izinan daripada Tuan Yang di-Pertua

untuk memetik sedikit dari akhbar *The Sunday Mail* yang bertarikh 30hb Oktober, 1988. Dengan izin, saya hendak memetik perenggan-perenggan yang ada berkaitan dengan kenyataan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri:

(Dengan izin)

“The Deputy Home Minister Dato’ Megat Junid Megat Ayob yesterday scoffed at suggestions that the health of the detainees may be endangered as a result of their hunger strike. He asked, “What hunger strike? They are drinking water, and two of them were seen eating in the dead of the night at 11.00 p.m. Karpal Singh and Yang Berhormat Lim Guan Eng were seen eating by the camp staff who are continuously monitoring their actions”, he told *The Sunday Mail*.”

Di samping itu juga, saya ingin menarik perhatian Tuan Yang di-Pertua dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat kepada sebuah suratkhbar yang lain, selain daripada *The Sunday Mail* dan suratkhbar itu ialah bernama *Berita Minggu* bertarikh 30hb Oktober dan dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, saya juga memetik perenggan-perenggan yang ada berkaitan. Laporan itu berbunyi:

“Kementerian Dalam Negeri (KDN) yakin mogok lapar yang dilancarkan oleh tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) di Kem Tahanan Kamunting, Taiping bermotif politik dan sengaja dirancang oleh Parti Pembangkang. Timbalan Menteri Dato’ Megat Junid bin Megat Ayob berkata, mogok palsu itu hanya membabitkan tahanan bukan Islam, manakala tahanan beragama Islam mendakwa berpuasa sunat. Katanya rahsia bahawa tahanan itu tidak benar-benar mogok terbongkar apabila seorang kakitangan kem tahanan itu ternampak dua daripada tahanan terbabit mencuri makanan yang

disediakan. Beliau memberitahu pemberita di sini hari ini kedua-dua tahanan itu ialah Timbalan Pengerusi DAP, Encik Karpal Singh yang juga Ahli Parlimen Jelutong dan Ahli Parlimen Kota Melaka, Encik Lim Guan Eng”.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya tuduhan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri itu adalah tidak benar seperti yang dilaporkan dalam suratkhbar-suratkhbar yang berkenaan ataupun Yang Berhormat Timbalan Menteri disalah petik, maka seharusnya beliau menjelaskan ataupun memberi penjelasan yang wajar pada hari berikutnya. Akan tetapi pihak kami melihat bahawa Yang Berhormat yang berkenaan tidak membuat apa-apa penjelasan atas laporan yang tersiar dalam suratkhbar-suratkhbar yang berkenaan. Hakikat bahawa tuduhan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak dinafikan oleh beliau sendiri menunjukkan bahawa kenyataan tersebut sebenarnya dikeluarkan oleh beliau dan dianggap ini sebagai benar. Tuduhan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri dengan jelas merosakkan kewibawaan imej dan kejujuran kedua-dua Ahli Parlimen berkenaan serta juga menjejaskan kesucian mogok lapar bantahan yang dilancarkan oleh 18 orang tahanan ISA pada pukul 8 pagi bersamaan 27hb Oktober, 1988 iaitu pada genap setahun selepas mereka ditahan tanpa perbicaraan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri menyifatkan mogok lapar itu sebagai satu permainan semata-mata ataupun farce, dengan izin, sedangkan hakikatnya ialah mogok lapar bantahan ini dilancarkan dengan serius dan adalah sejajar dengan syarat-syarat suci yang ditetapkan sebelum permulaan mogok lapar bantahan yang dilancarkan pada 27hb Oktober, 1988.

Kenyataan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang tidak dinafikan oleh beliau menyebabkan rasa sakit hati ataupun menyebabkan rasa merana kesengsaraan serta kesakitan kepada mereka yang berkenaan termasuk keluarga mereka. Kenyataan yang amat tidak bertanggungjawab ini dan yang bersifat memfitnah itu telah merosakkan reputasi dan kewibawaan mereka dengan serius dan dahsyat.

Tuan Yang di-Pertua, kedua-dua Ahli Parlimen itu telah cuba berjumpa dengan Komandan Kem Tahanan dan meminta beliau memberi kepada mereka laporan yang kononnya diberikan oleh kakitangan-kakitangan Kem yang mana permintaan tersebut tidak diendahkan oleh Komandan yang berkenaan.

Kedua-dua mereka telah menulis kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri melalui sepucuk surat terbuka bertarikh 31hb Oktober, 1988 di mana mereka telah menafikan secara categorical bahawa tidak ada sebarang kebenaran dalam kenyataan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan. Dengan izin, saya ingin memetik perenggan-perenggan dalam surat terbuka yang dihantar oleh mereka kepada Timbalan Menteri berkenaan yang bertarikh 31hb Oktober, 1988 yang ada berkaitan dengan apa yang saya telah sifatkan tadi. Dengan izin, saya hendak memetik—ini surat daripada Yang Berhormat Tuan Karpal Singh, Wakil dari kawasan Jelutong dan juga oleh Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng, Wakil dari Kota Melaka. Yang Berhormat Tuan Karpal Singh menyatakan:

(Dengan izin) “I must categorically, unreservedly and emphatically state that there is no truth whatsoever in your extremely defamatory allegation. Your allegation is an unmitigated and malicious lie. I have, since the commencement of

the hunger strike, taken part in same without consumption of any solid or liquid food apart from water in keeping solemnly with the conditions laid down before the commencement of the hunger strike on October 27, 1988".

Saya hendak juga memetik satu perenggan yang lain yang membabitkan keluarga mereka, reputasi dan kewibawaan keluarga mereka. Perenggan itu berbunyi:

"I am shocked, dismayed and aghast at your unfounded allegation which has brought about untold anguish, misery and pain to me and members of my family."

Tuan Ismail bin Said: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Kemaman, minta apa?

Tuan Ismail bin Said: Saya ingin minta penjelasan daripada surat itu.

Tuan Lee Lam Thye: Itu tidak perlu.

Tuan Yang di-Pertua: Dia baca surat, macam mana pula hendak minta penjelasan daripada surat itu.

Tuan Lee Lam Thye: Saya teruskan:

"It was certainly malicious and extremely irresponsible of you to have embarked upon publicly engaging in wicked character-assassination which has resulted in irreparable loss and damage to my reputation. Your unfounded allegation implies I am dishonest and dishonourable person who surreptitiously in the middle of the night betrayed my solemn public undertaking to carry out the hunger strike. Your baseless allegation has compounded the damage to my reputation since it was extensively reported both in the English and vernacular press. I have been brought into public ridicule, odium and contempt as a result of your irresponsible action."

Tuan Ismail bin Said: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Ismail bin Said: Saya minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Dia minta penjelasan.

Tuan Ismail bin Said: Saya hendak buat penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Buat penjelasan?

Tuan Lee Lam Thye: Itu tidak perlulah.

Tuan Ismail bin Said: Tuan Yang di-Pertua, biasanya orang lapar tak boleh tulis surat begitu panjang lebar, kalau orang lapar. Ini menunjukkan bahawa orang yang menulis surat itu tidak lapar. (*Disampuk*)

Tuan Lee Lam Thye: Jangan ganggulah, Ahli Yang Berhormat. Bagi saya peluang untuk menghabiskan perkara ini. Nanti Ahli Yang Berhormat boleh memberi jawapan. Saya teruskan:

"The loss and damage suffered by me is of enormous magnitude. I trust you realise the damage ensuing from your sinister motive in having used the phrase that 'I was caught eating in the dead of the night.'"

Perenggan yang berikut:

"I challenge you to publicly state the names of the warders who caught me 'eating in the dead of the night'. (*Tepuk*) I trust that it will not be difficult for you to identify these officers since, according to you, I have been caught "*flagrante delicto*". In the public interest, it is imperative that you do not refuse to disclose the names of the officers concerned. I must stress that I had on 30th October, 1988 in the presence of Yang Berhormat Wakil Kota Melaka requested the so-called

reports of the warders from Penguasa Kanan I, Tempat Tahanan Perlindungan Taiping, Tuan Ramadass who had declined to accede to my request. I deeply regret that I have been condemned unheard with the so-called reports were forwarded to you without the opportunity afforded to rebut such serious allegations against me. Elementary rules of natural justice demand that one ought not to be condemned without benefit of the "audi alteram partem" rule. Perhaps you are not aware that even God did not condemn Adam unheard when Adam fell to temptation." (*Tepuk*)

Perenggan yang akhir yang saya ingin memetik di sini, Tuan Yang di-Pertua, ialah:

"Your unfounded and malicious allegations amounts to defamation of the highest order and has seriously affected my standing as an advocate and solicitor, Member of Parliament and State Assemblyman."

Dan berkenaan dengan surat daripada Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng, Wakil dari Kota Melaka, isi kandungannya adalah sama, akan tetapi apa yang saya ingin memetik di sini ialah satu perenggan yang saya rasa adalah mustahak untuk maklumat Tuan Yang di-Pertua dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat dalam perenggan ini berbunyi:

"Your unfounded and malicious allegation amounts to defamation of the highest order and has seriously affected my standing as a public figure, a full-time politician and a Member of Parliament."

Tuan Yang di-Pertua, isi kandungan daripada surat Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan yang telah menulis kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri melalui surat terbuka itu dengan jelasnya menunjukkan bahawa mereka telah membuat penafian secara categorical

bahawa adalah tidak benar berkenaan dengan kenyataan ataupun tuduhan-tuduhan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan. (*Tepuk*)

Penafian yang dibuat oleh kedua-dua Ahli Yang Berhormat itu adalah amat penting memandangkan bahawa perkara ini adalah membabitkan reputasi mereka, adalah berkaitan dengan kewibawaan mereka dan adalah berkenaan dengan peranan mereka sebagai Wakil Rakyat yang harus diberi penghormatan oleh rakyat khususnya mereka yang telah memilih mereka menjadi Wakil Rakyat.

Saya ingin menggunakan kesempatan ini untuk menyarankan perkara ini oleh kerana pihak DAP beranggapan bahawa kenyataan ataupun tuduhan-tuduhan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan, memandangkan bahawa beliau tidak menafikan laporan itu, sekiranya laporan itu adalah tidak benar, adalah tidak betul dan saya berpendapat bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat di sini harus diberi peluang untuk menyampaikan pandangan mereka dan khususnya Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain daripada pihak DAP yang ada di sini untuk membincangkan perkara ini. Sekiranya Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan masih tidak menarik balik kenyataan yang dibuat oleh beliau, maka saya berpendapat ini adalah mustahak supaya satu Jawatankuasa Penyiasatan yang bebas yang diketuai oleh seorang hakim haruslah ditubuhkan untuk menyiasat ke dalam perkara ini dan Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu Ahli Yang Berhormat dari Jelutong dan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka haruslah diberi peluang untuk menghadiri sesi Jawatankuasa Penyiasatan Bebas itu apabila dapat ditubuhkan supaya mereka boleh menyampaikan pandangan mereka

dan juga dapat menafikan tuduhan-tuduhan yang telah dilemparkan terhadap mereka oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan. Akan tetapi saya berharap bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat menarik balik kenyataan yang dibuat oleh beliau sekiranya kenyataan itu adalah tidak benar (*Tepuk*) oleh kerana ini saya berpendapat adalah sangat mustahak dan saya berharap bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri bolehlah berlagak sebagai seorang gentleman untuk tarik balik (*Tepuk*) dan memohon maaf kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan.

Maka dengan hujjah-hujjah ini, saya hendak mengakhiri penyampaian saya. Sekian, terima kasih. (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Bandar Kuching.

5.51 ptg.

Tuan Sim Kwang Yang (Bandar Kuching): Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri untuk menyokong cadangan Yang Berhormat Pemangku Ketua Pembangkang, Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang untuk menubuhkan satu Jawatankuasa Penyasat diketuai oleh seorang Hakim menyiasat dengan mendalam, to get to the bottom dengan izin, sehingga peristiwa ini dijelaskan supaya nama yang baik bukanlah Ahli-ahli Yang Berhormat Saudara Karpal Singh, Lim Guan Eng dapat dipertahankan sahaja tetapi institusi Ahli Parlimen dapat dipertahankan. (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua, hal ini bukanlah terhad kepada nama yang baik Ahli Yang Berhormat dari Jelutong dan Kota Melaka sahaja, oleh kerana amalan mogok lapar adalah satu amalan yang bersejarah lama, yang suci, yang dianjurkan pada dulunya oleh seorang tokoh dunia ini iaitu Mahatma Gandhi di India.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kuala Terengganu bangun. Hendak apa Yang Berhormat?

Tuan Zubir bin Embong: Saya minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Hendak minta penjelasan.

Tuan Sim Kwang Yang: Saya tidak ada masa.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak benarkan. Sila duduk!

Tuan Zubir bin Embong: Tetapi yang bising itu apa dia?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kuala Terengganu, sila duduk!

Tuan Sim Kwang Yang:namun Mahatma Gandhi di India untuk menarik perhatian dunia kepada isu kemerdekaan India; juga mengamalkan mogok lapar. (*Tepuk*) Ini bukan main-main sahaja. Lim Kit Siang dan 17 orang lain memulakan mogok lapar itu bukan main-main, bukan mereka suka lapar, sehingga tak boleh tulis surat. Ini satu sikap yang salah. Mereka berbuat demikian kerana mereka mahu menarik perhatian kepada satu perkara yang tidak adil.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Minta penjelasan.

Tuan Sim Kwang Yang: Tidak ada masa.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Bandar Kuching tidak mahu beri siapa-siapa pun?

Tuan Sim Kwang Yang: Tidak beri.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri. Yang Berhormat yang lain-lain, jangan ganggu.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tangan itu jatuh sedikit. Tangan itu!

Tuan Sim Kwang Yang: Kalau mahu, budget debate masih ada chance lagi. Maka mereka mahu menarik perhatian dunia dan dalam negeri kepada satu keadilan iaitu penahanan tokoh-tokoh politik di negara kita tanpa perbicaraan di dalam satu mahkamah. Inilah satu isu yang penting (*Tepuk*). Maka amalan mogok lapar ini merupakan satu commitment ahli-ahli politik DAP dan lain-lain institusi. Commitment kepada perjuangan politik secara aman, secara tidak bersenjata (*Tepuk*). Mereka tidak mahu ambil M-16, tidak mahu menganjurkan perjuangan politik yang kurang sihat, yang tidak sah sama sekali. Inilah yang paling penting. Tetapi malangnya mogok lapar itu telah diperkecilkan. Inilah satu ketidakadilan, insult to injury. Tuan Yang di-Pertua, dengan izin. (*Tepuk*)

Yang lagi tidak adil ialah mereka yang dituduh itu tidak ada peluang untuk membela diri. Kalau Kerajaan mengambil berat bantahan oleh Saudara Karpal Singh dan Lim Guan Eng, saya cabar kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya esok bawalah Lim Guan Eng dan Karpal Singh ke sini untuk mereka diberi peluang bagi membela diri!

Saya faham, saya dapati sahaja kemungkinan wujud Yang Berhormat Timbalan Menteri misquoted, dengan izin, dia tidak sebut nama siapa-siapa yang curi makan.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, dia sudah beritahu tadi.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Point of order.

Tuan Sim Kwang Yang: Okay, point of order, boleh.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, 35 (1) "Seseorang ahli yang hendak bercakap hendaklah bangun di tempatnya dan apabila dipanggil oleh Pengerusi maka hendaklah ia berdiri mengarahkan ucapannya kepada Pengerusi. Seseorang ahli tidak boleh bercakap melainkan setelah dipanggil.

Tuan Sim Kwang Yang: (*Bangun*)

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Nantilah sekejap.

Tuan Yang di-Pertua: Dia betul tu.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Dia begini pusing. Biarlah ke sana!

Tuan Yang di-Pertua: Sudahlah Yang Berhormat dari Marang.

Tuan Sim Kwang Yang: Cukup. Jangan main lagi.

Tuan Yang di-Pertua, mereka tidak mempunyai chance untuk membela diri sama sekali. Saya dapati bahawa kemungkinan wujud Yang Berhormat Timbalan Menteri; saya kadangkala pusing ini untuk lihat jam sahaja (*Ketawa*), mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri itu tidak sebutkan nama siapa-siapa pun yang curi makan. Curi makan itu bermaksud jahat. Kalau kita cakap "perempuan curi makan"—itu jahat. Mereka cakap Karpal Singh curi makan, ini lagi jahat, kerana Karpal Singh tidak curi makan sama sekali (*Tepuk*). Dia seorang yang bermoral, bermaruah dan berintegriti.

Maka, Tuan Yang di-Pertua, jika sekiranya begitu Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak sebutkan nama, okay siapa? Siapa yang curi makan. Oleh kerana 18 orang yang mogok lapar sudah menghantar satu surat bantahan kepada Komandan Kem iaitu Encik Ramdas bahawa

mereka tidak semua curi makan. Dan jika Yang Berhormat Timbalan Menteri mempunyai maklumat terhadap sesiapa yang curi makan, berilah nama dia, kita tidak mahu cover-up sama sekali (*Tepuk*). Kalau mereka curi makan, mereka sudah salah. Let the truth be out, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, satu affidavit yang telah disediakan oleh Clement Debeter iaitu Setiausaha DAP bagi cawangan Taiping juga menyatakan bahawa beliau telah berjumpa dengan Saudara Karpal Singh di dalam hospital dan dia diberitahu oleh Karpal Singh bahawa Karpal Singh, Ahli Yang Berhormat dari Jelutong itu sama sekali tidak makan. Lim Guan Eng juga.

Saya mempunyai keyakinan penuh kepada rakan-rakan saya, oleh kerana mereka adalah rakan seperjuangan yang ikhlas dan jujur, tidak mahu bohong sama sekali. (*Tepuk*) Sekiranya isteri kepada mereka yang mengamalkan mogok lapar itu diberi peluang untuk melawat mereka, ini tidak berlaku oleh kerana kami akan tahu sama ada orang itu curi makan atau tidak. Tetapi malangnya isteri-isteri, peguam-peguam, doktor-doktor tidak dapat peluang untuk melawat mereka. Ini satu perkara yang salah oleh kerana di bawah 81 (2) dari Internal Security (Detained Persons) Rules 1960, dengan izin, saya baca: "A detained person shall, consistent with proper discipline of place of detention subject as hereafter provided, be entitled to visit from his relatives and legal advisor". (*Tepuk*)

Lawatan oleh isteri-isteri, peguam-peguam itu bukanlah satu privilege tetapi satu hak asasi mereka (*Tepuk*) dan di bawah peraturan antarabangsa juga doktor-doktor mereka berhak untuk melawat mereka supaya mereka tidak mati seperti Steven Beko yang ditahan di bawah ISA Afrika Selatan

telah pun disaksikan oleh sesiapa pun, banyak cerita oleh pihak Kerajaan telah terkeliru dan mengelirukan rakyat Malaysia dan hari ini kami dapat satu chance untuk memberi satu laporan yang lebih jelas.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong cadangan Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang dengan bantahan dan dengan satu rayuan supaya mereka semua yang ditahan di bawah ISA dibebaskan serta merta. (*Tepuk*) Kalau mereka ada apa-apa kesalahan, tuduhlah mereka dan dakwalah mereka di dalam mahkamah. Ini sahaja, Tuan Yang di-Pertua. (*Tepuk*)

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa ada satu minit sahaja lagi.

5.59 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, satu minit sahaja, Tadi saya tidak pernah dengar Yang Berhormat Timbalan Menteri membuat dakwaan itu sama ada beliau sendiri menyaksikan kejadian tersebut. Kalau begitu, adakah beliau sanggup mengemukakan satu statutory declaration sekarang? Dan kalau beliau tidak menjadikan saksi sendiri, adakah selepas menerima maklumat itu beliau membuat satu siasatan yang rapi untuk mengesahkan sama ada kejadian tersebut benar-benar berlaku.

Keduanya, adakah beliau dapat menunjukkan saksi di sini dan bukti yang cukup mengenai tempat, masa dan sebagainya sebagai yang perlu untuk menunjukkan bukti dan saksi yang sah dan benarkah Yang Berhormat dari Jelutong dan Yang Berhormat dari Kota Melaka membenarkan mereka datang ke sini untuk membela diri. Itulah ketiga-tiga perkara yang perlu dipenuhi oleh

Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk mengesahkan dakwaan beliau. Sekian, terima kasih. (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri.

6.00 ptg.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri, saya ingin mengambil kesempatan di Dewan yang mulia ini untuk menjawab usul yang dibawa oleh Yang Berhormat dari Bukit Bintang merangkap Pemangku Ketua Pembangkang mengenai tindakan mogok lapar yang berlaku di Pusat Tahanan Perlindungan, Kamunting, Taiping.

Pada 28-10-88 Tuan Yang di-Pertua telah pun menolak usul yang serupa, tetapi nampaknya pihak DAP masih juga tidak puas hati dan mengungkit-ungkitkan perkara yang sama, hanya diubah sahaja isinya yang mengatakan saya telah membuat fitnah dan berbohong. Ingin saya menyatakan bahawa saya tidak pernah menggunakan perkataan "ditangkap curi-curi makan", tetapi menggunakan perkataan "didapati curi-curi makan".

Memang benar seramai 18 orang tahanan dari jumlah 67 orang tahanan yang sekarang ini ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri telah melakukan mogok lapar sejak 27-10-1988. Difahamkan bahawa mereka akan mogok lapar diadakan untuk tempoh satu minggu dan dijangka berakhir hingga hari esok. Tahanan-tahanan yang terlibat itu ialah:

Y.B. Encik Lim Kit Siang

Y.B. Encik P. Patto

Y.B. Encik Karpal Singh

Y.B. Encik Lau Dak Kee

Y.B. Encik Lim Eng Guan

Encik Mohamed Yusuf bin Husin

Encik Kamaruzaman Ismail

Encik Zainuddin Abdullah

Encik Mohamed Sabu

Tengku Shukri bin Tengku Zainal

Encik Mohamed Nasir bin Hashim

Encik Arokia Dass a/l M. P. Victor

Encik Chong Kon Fatt

Encik Hong Boon Lean

Encik Dr Tuang Pik King

Dr Kua Kia Soong

Encik Mohamed Yunus bin Lebai Ali

Encik Phillip Cheong Ah Kow

Kesemua 18 orang yang terlibat ini kecuali Chong Kon Fatt dan Hong Boon Lean adalah terdiri daripada mereka yang ditahan di bawah Operasi Lalang pada tahun lepas. Tindakan mogok ini dibuat oleh orang-orang tahanan tersebut kerana menyambut ulangtahun pertama tahanan mereka di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya kurang pasti apakah sebenarnya definisi mogok lapar yang digunakan oleh orang-orang tahanan ini? Apabila saya membaca Kamus Dewan, saya dapati bahawa pengertian mogok lapar ialah mogok dengan tidak mahu makan dan minum. Saya difahamkan bahawa bagi tahanan yang beragama Islam, mereka tidak melakukan mogok lapar tetapi menjalankan puasa sunat. Mereka tidak makan pada siang hari tetapi telah berbuka puasa apabila masuk waktu maghrib dengan mengambil makanan yang disediakan oleh Pusat Tahanan.

Saya perturunkan beberapa catatan dan peristiwa yang berlaku pada 27-10-88 sebaik sahaja mogok lapar ini dijalankan.

7.00 pagi—Keadaan berjalan seperti biasa di Pusat Tahanan Perlindungan Kamunting, Taiping.

7.40 pagi—Orang tahanan keluar makan pagi dalam keadaan baik; orang tahanan yang bukan beragama Islam telah minum pagi seperti biasa. Di antara makanan yang diambil termasuklah capati dengan kari, kueh pau, (*Tepuk*) roti biasa bersama dengan minuman panas.

Apakah pengertian mogok lapar di sini kalau sekiranya orang tahanan ini keluar makan pagi dengan makanan yang berganda?

8.00 pagi—Mogok lapar bermula.

Tuan Zubir bin Embong: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat?

Tuan Zubir bin Embong: Minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Boleh minta penjelasan? Capati ini selalunya dimakan oleh siapa, Yang Berhormat?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, capati ini dimakan oleh semua orang tetapi kesukaan bagi keturunan Pinjablah. (*Tepuk*) 8.00 pagi mogok lapar bermula. Saya hairan baru 20 minit minum pagi terus mogok lapar pula; 8.20 pagi lebih kurang 20 orang penyokong DAP berhimpun di luar Penjara iaitu di Jalan Besar ke tempat tahanan Perlindungan.

Tuan Yang di-Pertua, selepas perisytiharan mogok lapar selama 20 minit—makanan yang dimakan masih belum turun ke perut, masih kenyang, penyokong-penyokong DAP telah pun sampai dan berhimpun di luar penjara. Adalah jelas, Tuan Yang di-Pertua, bahawa mogok lapar yang dimaksudkan itu mempunyai motif tertentu yang semata-mata dibuat untuk menarik perhatian orang ramai

ke atas tindak tanduk mereka. Kerajaan mengetahui bahawa tujuan mogok lapar ini tidak lain dan tidak bukan semata-mata bertujuan politik, kerana sebaik-baik sahaja mogok lapar ini berjalan, penyokong-penyokong Parti DAP telah mula berhimpun di luar penjara dan keluarga orang-orang tahanan datang melawat dengan serentak. Pada hari berikutnya, iaitu 28-10-88, Pemangku Ketua Pembangkang membawa usul pula di Dewan ini sedangkan mereka tahu pemimpin-pemimpin negara khususnya Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri menghadiri Perhimpunan Agung UMNO.

Tuan Yang di-Pertua, isu mogok lapar ini juga telah disentuh oleh Ahli Yang Berhormat Pemangku Ketua Pembangkang dalam ucapan Belanjawannya pada 25-10-88. Nyata di sini bahawa kesemua yang berlaku adalah dirancang oleh Parti DAP (*Tepuk*). Sekali lagi saya tegaskan di Dewan yang mulia ini bahawa kesemua yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri termasuk di bawah Operasi Lalang telah bertindak mengancam keselamatan dalam negeri. Tindakan Kerajaan menahan mereka itu adalah mengikut lunas undang-undang iaitu mengikut Akta yang telah diluluskan oleh Dewan yang mulia ini. Tidak ada tindakan di luar batas undang-undang yang telah pun dijalankan terhadap orang-orang tahanan berkenaan. Perkara ini telah ditegaskan beberapa kali tetapi DAP sengaja tidak mahu faham.

Tuan Yang di-Pertua, tindakan mogok lapar yang dijalankan ini semata-mata atas kehendak orang-orang tahanan itu sendiri dan juga atas kehendak Parti DAP. Memandangkan mogok ini dijalankan atas kehendak mereka, maka Kerajaan tidak sepatutnya dipersalahkan. Dalam hal ini DAPlah yang patut dipersalahkan. (*Tepuk*) Pusat Tahanan memang menyediakan makanan dan minuman

seperti biasa, cuma mereka yang tidak mahu mengambil makanan yang disediakan.

Tuan Yang di-Pertua, ISA digunakan bukan untuk orang-orang DAP sahaja. ISA digunakan ke atas sesiapa yang bertindak mengancam keselamatan negara. Selain daripada orang-orang DAP, beberapa tokoh tertentu juga telah menjalani tahanan ISA termasuklah tokoh-tokoh dari Parti UMNO. Saya sungguh merasa keliru akan perjuangan DAP terhadap Akta ISA ini. Sejak tahun 1960 telah beribu orang ditahan di bawah ISA tetapi DAP tidak pernah melakukan tunjuk perasaan atau mogok lapar. Tetapi bila orang-orangnya sendiri ditangkap, barulah projek tunjuk perasaan dan mogok lapar diadakan oleh mereka. Ini membuktikan.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kepong bangun, hendak beri jalan?

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, adakah ini maksud Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menerang dan menjelaskan bukti dan saksi yang memastikan bahawa beliau benar-benar percaya kedua-dua tahanan itu didapati makan? Itulah yang kita hendak dengar hari ini. Tetapi dia telah menyimpang ke sana sini, merambang ke sana sini. (*Tepuk*)

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap satu perkara yang kita hendak buat ada permulaan, ada perbuatan dan ada pengakhirannya. Berilah peluang. Masa DAP bercakap, saya tidak kacau. (*Tepuk*)

Tuan Ismail bin Said: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat dari Kemaman bangun.

Tuan Ismail bin Said: Saya hendak bertanya Yang Berhormat sama ada orang berak di tepi jalan, dia mengaku atau tidak?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, orang bodoh sahaja yang hendak mengaku. (*Tepuk*) Saya tidak kata DAP bodoh, orang bodoh. Tetapi bila orang-orangnya sendiri ditangkap, barulah projek tunjuk perasaan dan mogok lapar diadakan oleh mereka. Ini membuktikan kepada rakyat seluruhnya bahawa DAP hanya mementingkan ahli-ahlinya sahaja dan tidak kepada rakyat jelata keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita ingat semula, Yang Berhormat Dato' Abdullah Ahmad, bekas Timbalan Menteri dan bekas Wakil Rakyat dan kini menjadi Wakil Rakyat kawasan Kok Lanas telah ditahan selama 4 tahun 8 bulan. Tidak ada seorang pun ahli UMNO, juga orang-orang daripada Machang, kawasan yang diwakilinya datang untuk mengadakan tunjuk perasaan atau mogok lapar.

Tuan Hu Sepang (Rasah): (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, atas apa bangun?

Tuan Hu Sepang: Minta penjelasan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa ahli itu ditangkap di bawah ISA kerana beliau telah mengaku seorang komunis, kerja untuk Russia dan beliau sudah "commit treason" mengancam negara kita ini. Ini ada perbezaan. (*Tepuk*)

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Kalau sekiranya ditangkap di bawah ISA, di bawah ISAlah, terkandung di dalam apa yang termaktub dalam Akta itu sendiri.

Saudara Abdullah Majid, bekas Timbalan Menteri dan bekas Ahli Parlimen telah ditahan dalam masa

yang sama—tidak ada mogok, tidak ada tunjuk perasaan.

Tuan Hu Sepang: (*Disampuk*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Rasah, tolong tenteram.

Tuan Hu Sepang: Minta penjelasan. Beliau itu juga seorang komunis dalam "confession", seorang spy untuk Russia.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Rasah, jika hendak minta penjelasan minta kebenaran dahulu. Jika Yang Berhormat berbuat.

Tuan Hu Sepang: Saya faham, kebenaran telah diberi kepada saya.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak, dia tak benar lagi.

Tuan Hu Sepang: Sudah. Antara kita dua orang, kita sudah main mata (*Ketawa*), sudah bersetuju. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Rasah, jangan berkelakuan begitu. Kalau tidak, saya minta Yang Berhormat akan keluar. (*Tepuk*)

Tuan Ismail bin Said: Minta penjelasan, izin? Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya nampak orang-orang DAP ini ada pakai gambar di dada. Jadi mengikut fahaman saya, yang pakai gambar di dada ini orang Korea sahaja, dan kalau tak silap saya, orang Korea ini dia mirip kepada fahaman komunis. Jadi adakah DAP sekarang sudah mula menganut fahaman Korea Utara ini? (*Tepuk*)

Dato Megat Junid bin Megat Ayob: Saya tak tahulah, Tuan Yang di-Pertua, tetapi masa saya melawat Korea Utara itu saya tengok semualah pengikut-pengikut Kim-Il-Sung ini pakai gambar Kim-Il-Sung. Itu sahajalah.

Saudara Siddiq Ghouse, bekas Timbalan Ketua UMNO Bahagian Sungai Petani dan bekas Setiausaha Politik Timbalan Perdana Menteri telah ditahan selama 2 tahun lebih—tidak ada mogok lapar atau tunjuk perasaan daripada ahli-ahli UMNO Sungai Petani.

Saudara Anwar Ibrahim, pada masa itu seorang pemimpin yang kontroversi, ditahan selama 2 tahun—tidak adapun pengikut Abim yang juga pemimpin-pemimpin pelajar mengadakan tunjuk perasaan dan mogok lapar.

Begitu juga pemimpin-pemimpin lain seperti Yang Berhormat Saudara Ibrahim Ali, Saudara Kassim Ahmad, Professor Syed Hussein Ali dan lain-lain tokoh yang berpengaruh, yang mempunyai pengikut yang ramai. Ini menunjukkan orang-orang ini tahu tentang kemuliaan Akta ini, yang dibentuk oleh Wakil-wakil Rakyat di Dewan yang mulia ini. (*Tepuk*)

Tokoh-tokoh DAP nampaknya semakin angkuh. Tindakan DAP tidak mengenal masa dan tempat, baik dalam tahanan ataupun di luar. Semasa dalam tahanan tokoh-tokoh DAP ini berbuat berbagai-bagai helah. Ramai yang sentiasa mengaku sakitlah kerana boleh keluar dari pusat ke hospital dan permintaan mereka selalunya dilayan, tetapi apabila dibebaskan.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar (Marang): (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Marang bangun.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Mohon penjelasan. Saya ingin tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah tindakan DAP ini kerana dia bimbang kalau Saudara Yang Berhormat dari Jelutong ataupun yang lain-lain ini keluar daripada tahanan nanti dia marah

DAP kerana tak berbuat sesuatu. Bila dia marah, tak pilih jadi calon. Adakah itu maksudnya?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:
Tuan Yang di-Pertua, sukar untuk saya meneka, tetapi kemungkinanlah terlalu takut kepada pucuk pimpinannya.

Jadi ramai yang sentiasa mengaku sakitlah, bermacam-macam sakit timbul masa di dalam pusat dan mohon untuk ke hospital dan permintaan mereka selalunya dilayan, tetapi apabila dibebaskan seperti Yang Berhormat dari Puchung

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kepong bangun pula. Hendak beri jalan?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:
Berilah.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri bolehkah menunjukkan bukti dan saksi. (*Tepuk*) Mereka ada di dalam tahanan, tak boleh membelakan diri, itu yang penting. Tunjukkan saksi dan bukti?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:
Terima kasih. Ini saya hendak beri buktilah. Macam Yang Berhormat dari Puchung semasa dalam pusat tahanan macam macam sakit, tiap-tiap hari sakit. Apabila dibebaskan

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Marang, biarlah!

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:
. apabila dibebaskan, semua sihat walafiat dan kini bertambah gemuk lagi, (*Ketawa*) telah beberapa kali pula memohon untuk melawat ke

luar negeri dihantar kepada saya, tetapi Kementerian Dalam Negeri akan benarkan beliau untuk melawat ke luar negeri

Dr Chen Man Hin (Seremban):
(*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Seremban bangun pula.

Dr Chen Man Hin: Adakah Yang Berhormat sedar dia komplek dan mengadu ada sakit sebab dalam kem suhu di sana 40°C, ini berlebih suhu 37°C (suhu badan), faham atau tak faham itu mesti sakit? Ada fahamkah atau sedar Tuan Lim Kit Siang ada darah dalam kencingnya, ini sakit "kidney". Ini bukan main-main, dia ada jumpa doktor apa dia sakit, bukan main-main. (*Tepuk*)

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:
Tuan Yang di-Pertua, saya minta Yang Berhormat dari Seremban tunjukkan kepada saya mana kem tahanan macam Hilton Hotel (*Tepuk*) dalam dunia ini?

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)—
(*Disampuk*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri!

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:
Saya tak benarkan lagi. Semasa dalam tahanan juga tokoh-tokoh DAP bersikap indah tak indah kepada pihak berkuasa.

Yang Berhormat dari Kota Melaka misalnya masih lagi tebal dengan sikap perkauman. Baju yang bertulisan "Save Bukit Cina" masih lagi dipakai di sana-sini di dalam kem tahanan (*Disampuk*). Inilah belang daripada DAP masih lagi hendak main perkauman.

Tuan Yang di-Pertua, tindak-tanduk tokoh-tokoh DAP ini adalah berpura-pura. Dalam menjalankan mogok lapar ini tokoh-tokoh DAP yang terlibat itu juga menjalankan penipuan dengan berpura-pura mogok lapar. Saya mendapat tahu bahawa ada di antara mereka yang mencuri-makan semasa menjalankan mogok lapar itu. Saya perturunkan butiran ini seperti berikut sepertimana laporan yang telah dipanjangkan kepada saya oleh pegawai-pegawai saya yang diamanahkan untuk menjalankan tugas dan saya percaya akan laporan-laporan ini.

Pada 11.30 malam, 27-10-88, Pegawai Penjara Kanan, Raja Ahmad Mahaiyuddin telah melaporkan bahawa 2 orang tahanan itu, iaitu Tahanan No. 1636/87 Kerpal Singh dan Tahanan No. 1649/87 Lim Guan Eng telah terlibat curi-curi makan dan minum dalam bilik dometri mereka. *(Tepuk)*

Pada 12.15 malam, 28-10-88, orang Tahanan No. 1639/87 Lau Dak Kee dan 1658/87 Arokia Das juga telah didapati mencuri-curi makan dan minum. *(Tepuk)*

Pada jam 9.05 malam, P.P. Biasa Encik Mohd. Yusof telah melaporkan bahawa orang Tahanan No. 1664/87 Tuang Pek Keng telah makan catuan orang Melayu yang berbuka puasa di bilik orang Tahanan No. 1663/87 Mohd. Sabu. *(Tepuk)*

Pada 29-10-88, jam 8.00 malam, Encik Azmi telah melaporkan bahawa Tuang Pek Keng telah sekali lagi makan nasi bersama-sama orang-orang tahanan Melayu yang berbuka puasa, *(Tepuk)* iaitu Mohd. Sabu, Tengku Shukri dan Zainuddin Abdullah. *(Tepuk)*

Dr Tan Seng Giaw: *(Bangun)*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kepong bangun.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, itu adakah merupakan satu "statutory declaration" dan ini satu laporan daripada kakitangan penjara. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri membuat siasatan yang rapi dengan sendiri untuk mengesahkan kesahihannya. *(Tepuk)* Tuan Yang di-Pertua di sini pernah menjadi Hakim, beliaulah lebih arif daripada segi ini.

Tuan Yang di-Pertua: Jangan kaitkan saya dengan masalah ini. *(Ketawa)*

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap Pegawai Kerajaan, terutama Pegawai Kerajaan Kanan telah pun bersumpah akan menjalankan tugas mereka dengan baik, lagi pun tidak ada untungnya pegawai penjara membuat laporan yang palsu ini—tidak ada untungnya. *(Tepuk)*

Tuan Lee Lam Thye: *(Bangun)*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat hendak beri jalan? Sila Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada memberikan butir-butir dalam laporan yang disediakan oleh pegawai-pegawai kem tahanan yang telah disampaikan untuk perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan untuk menjawab kepada usul yang dibangkitkan oleh saya. Saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sama ada beliau bersedia dan sanggup menubuhkan satu Jawatankuasa Penyiasatan yang bebas untuk menyiasat ini sama ada butir-butir yang terkandung dalam laporan itu adalah benar atau tidak oleh sebab Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan telah mempertikaikan laporan yang berkenaan yang disampaikan untuk perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada 10 minit sahaja lagi.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat kuasa yang ada di Kementerian Dalam Negeri sudah cukup untuk menjalankan penyiasatan tersebut, kerana semua laporan ini telah saya rujukkan kepada Ketua Pengarah Penjara sendiri dan Ketua Pengarah Penjara telah mengesahkan. Perbuatan yang seumpama ini, Tuan Yang di-Pertua, jelas menunjukkan mogok lapar yang dijalankan adalah helah semata-mata dengan tujuan untuk mendapat publisiti yang meleset. Inilah matlamat yang hendak dicapai daripada tindakan mogok yang dilancarkan oleh DAP.

Tuan Yang di-Pertua, mogok lapar yang diadakan di Kem Tahanan Kamunting boleh dianggap sebagai drama politik parti DAP. Ini adalah disebabkan bahawa pada 27hb Oktober, 1988 jam 7.40 pagi semua tahanan yang berkenaan yang bukan beragama Islam mengambil sarapan pagi seperti biasa tetapi pada jam 8.20 pagi lebih kurang 20 orang penyokong DAP telah mengadakan tunjuk perasaan di luar pagar Pusat tersebut kerana simpati dengan mogok lapar yang kononnya diadakan oleh beberapa orang tahanan di dalam Pusat itu. Adalah tidak wajar bagi mereka mengadakan tunjuk perasaan di luar Pusat Tahanan tersebut kerana orang-orang tahanan yang terlibat dengan mogok lapar itu baharu sahaja menikmati sarapan pagi dan makanan belum pun turun ke perut mereka. Pada masa itu mereka adalah dalam keadaan sihat dan segar bugar. Sepertimana yang saya telah mengatakan bahawa mereka tidak benar-benar mengadakan mogok lapar kerana mereka minum dan ada yang telah terbukti mencuri makanan yang disediakan. Pada keesokan harinya, 28hb Oktober, 1988 keluarga orang-orang tahanan ini telah dibawa oleh DAP untuk datang ke Parlimen bagi

menemui Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri ataupun saya. Apabila saya sampai sahaja di lobi Parlimen, pihak saya telah dikerumuni oleh keluarga juga anak-anak orang tahanan bersama-sama dengan wakil-wakil dari DAP termasuklah Pemangku Ketua Pembangkang. Usaha juga telah dijalankan oleh DAP untuk memberi peluang kepada keluarga orang-orang tahanan untuk memasuki Dewan Parlimen di Public Gallery, dengan izin, untuk mendengar hujjah-hujjah Pemangku Ketua Pembangkang yang membawa usul tergepar di Parlimen di atas tajuk "Tahanan Mogok Lapar" ini. Jika lihat bahawa segala-segalanya telah diatur oleh Parti DAP semata-mata untuk mencari publisiti di atas perkara ini. (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua, sebagai Kerajaan yang bertanggungjawab, tumpuan hendaklah diberi kepada meningkatkan keselamatan dan memelihara ketenteraman awam di dalam Pusat Tahanan. Tindak tanduk 18 orang tahanan yang menjalankan mogok lapar itu yang dikepalai oleh 5 orang tokoh DAP telah mengganggu gugat ketenteraman awam di dalam Pusat Tahanan. Keselamatan 49 orang tahanan yang lain perlulah dipelihara akibat dari tindakan pihak yang menjalankan mogok ini. Penguasa Pusat Tahanan perlindungan telahpun mengambil tindakan membatalkan kemudahan lawatan oleh mana-mana orang termasuk ahli keluarga orang tahanan ini iaitu selaras dengan peruntukan, dengan izin, Internal Security (Detained Persons Rules, 1960), di mana kuasa untuk tidak membenarkan lawatan ini adalah terletak di bawah Penguasa Pusat Tahanan. Lawatan seumpama ini bukanlah satu hak, tetapi adalah satu keistimewaan. Kepada Penguasa Pusat Tahanan, tindakan melakukan mogok seumpama ini adalah menyalahi disiplin orang-orang tahanan. Peraturan tersebut menyatakan bahawa orang-orang

tahanan telah melakukan kesalahan kecil atau minor offence, dengan izin, di bawah peruntukan Peraturan 73 (h), yang saya petik seperti berikut, dengan izin. "Refusing without reasonable excuse to eat the food provided in the place of detention".

Tuan Yang di-Pertua, di bawah peraturan 71(b) hukuman yang boleh dikenakan ke atas orang tahanan kerana melakukan kesalahan-kesalahan kecil seperti berikut, dengan izin, "The provision for such period as the superintendent may think fit of any privilege whether relating to food, books, clothings, luxuries or any description, letters, visitors or any other matter whatever of which he may be deemed".

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan tindakan mogok lapar yang telah dilakukan ini merupakan kesalahan di bawah Peraturan yang telah saya sebutkan tadi. Maka langkah Penguasa Pusat Perlindungan menarik balik keistimewaan itu adalah amat wajar sekali. Perlu saya tekankan di sini bahawa di dalam Pusat Tahanan itu terdapat 49 orang tahanan yang lain yang tidak menyertai mogok lapar dan keselamatan mereka perlulah tidak diganggu oleh tahanan yang mogok. Adakah patut Kerajaan dipersalahkan ke atas tindakan menarik balik keistimewaan itu?

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kepong bangun.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak cukup masa.

Tuan Yang di-Pertua, dengan hujjah-hujjah yang saya nyatakan tadi, nyatalah bahawa parti DAP merancang tindakan mogok lapar ini semata-mata atas pandangan politik yang sempit dan untuk tujuan publisiti yang meleset. DAP

telah menggerakkan penyokong-penyokongnya supaya berdemonstrasi pada 27hb Oktober, 1988, tetapi mendapat sambutan yang dingin. Keluarga orang-orang tahanan termasuk kanak-kanak kemudiannya telah digunakan dan apabila pihak Watan tidak dibenarkan, maka Kerajaan dituduh sebagai tidak berperikemanusiaan. Ini semuanya tektik dan helah belaka. Memang pun amalan DAP pandai mencari helah. Di sini dapatlah rakyat menentukan siapakah yang benar-benar berbuat fitnah dan berbohong. Pemangku Ketua Pembangkang berkata sebentar tadi bahawa wakil Jelutong Yang Berhormat Encik Karpal Singh ada moral dan malu akan kenyataan akhbar kerana fitnah dari saya. Setelah mengetahui keadaan yang sebenar, siapakah yang berbohong dan siapa berbuat fitnah, saya juga adalah seorang yang bermoral dan saya juga ada mempunyai perasaan malu kerana ada pihak yang tidak bertanggungjawab mengecap saya kaki bohong dan kaki fitnah. Sekian terima kasih.

Tuan Lee Lam Thye: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat dari Bukit Bintang, ada lima minit lagi.

Dr Chen Man Hin: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat dari Seremban, saya beri kebenaran kepada pembangkang selama 30 minit. Silakan.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat dari Lembah Pantai.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Lembah Pantai hendak sambung yang tadikah, atau macam mana?

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Yang tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Ini belum habis lagi.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Terima kasih.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Marang.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberi kesempatan kepada saya dalam masa 5 minit lagi ini. Dari hujjah-hujjah yang telah dinyatakan oleh pihak pembangkang yang telah dibacakan oleh Yang Berhormat dari Bukit Bintang tadi mengenai dengan mogok lapar pada 27hb Oktober, 1988 dan daripada jawapan Timbalan Menteri Dalam Negeri tadi jelas sekali kepada kita bahawa parti DAP merupakan satu parti yang tidak bertanggungjawab, satu parti yang sering menimbulkan satu suasana yang kelam kabut, satu parti yang sering menimbulkan bukan sahaja kelam kabut tetapi juga ingin mencari publisiti murah, satu parti yang tidak bermoral dan tidak bertanggungjawab sehingga harta orang-orang yang berada dalam tahanan, yang cukup makan, cukup minum setiap 20 minit sekalipun mahu dieksploitasi sebagai orang-orang yang lapar ataupun orang yang kebuluran. Di manakah letaknya maruah DAP sebagai satu parti yang bertanggungjawab dan yang boleh diharapkan?

Saya merasa sangat dukacita di atas sikap yang tidak bertanggungjawab ini. Kalau kita melihat laporan-laporan serta kenyataan-kenyataan semacam kita percaya, semacam apa yang dihuraikan itu adalah sesuatu yang betul, tetapi apabila kita

pijakkan kepada asas-asas, kepada kenyataan-kenyataan yang telah digariskan dengan begitu terperinci dengan kenyataan-kenyataan yang lengkap hasil daripada tanggungjawab serta penyiasatan yang kemaskini daripada pegawai-pegawai penjara dan juga pegawai-pegawai tahanan, ternyata sudah bahawa DAP merupakan satu parti yang bukan sahaja tidak bertanggungjawab, tetapi juga merupakan satu parti yang ingin bersekongkol dengan pemimpinnya yang banyak melaga-lagakan serta memusnahkan perpaduan kaum. Saya harap dan juga saya minta supaya tidak ada lagi usaha-usaha seperti ini. Saya percaya dan juga yakin bahawa kalau sekiranya usul ini diluluskan dan diterima ramai maka akan dapat publisitilah kepada DAP. Kita minta dalam soal mencari publisiti carilah yang betul-betul, yang tepat, yang ada asas, yang boleh dipertanggungjawabkan, bukan satu kenyataan yang ikut suka hati dan ikut perasaan dan juga yang ingin tepukan dan sorakan gemuruh daripada orang-orang DAP sahaja.

Kita mahu pemimpin-pemimpin DAP mempunyai rasa tanggungjawab yang tinggi seperti Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri kita.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila tengok kepada saya. (*Ketawa*)

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Saya jeling sekali sahaja pasal saya sayang kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Jadi, kalaulah ini caranya, inilah tindakan yang dibuat saya rasa DAP merupakan satu parti yang tidak ada tempat di masa-masa yang akan datang dan kita marahkan usaha-usaha percubaan kali yang pertama ini tidak akan diikuti oleh percubaan kali yang kedua, ketiga atau keempat, kerana percubaan-percubaan yang seperti ini bukan sahaja akan merendahkan mutu pemikiran serta sifat intelektual DAP.

Tuan Hu Sepang: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat dari Rasah.

Tuan Hu Sepang: Point of order, Tuan Speaker, dia masih pandang saya, bukan pandang Tuan Speaker dan ini adalah melanggar Peraturan Mesyuarat 35 (1).

Tuan Yang di-Pertua: Ya, saya bersetuju.

Tuan Hu Sepang: Sejak beliau memulakan ucapannya dia pandang saya tepat. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, saya setuju. Yang Berhormat dari Marang, masa sudah cukup, sudah 5 minit.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Satu minit lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah cukup.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Cukup? Jadi, kesimpulannya Tuan Yang di-Pertua, DAP ini memang kaki bohong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut Peraturan Mesyuarat 18 (3) kita kena sambung sejam lagi mengambil masa kita berbahas dalam perkara 18 (2) iaitu bermakna kita akan menamatkan mesyuarat kita pada pukul 7.30 malam ini. Yang Berhormat dari Lembah Pantai, sila sambung.

6.31 ptg.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah (Lembah Pantai): Tuan Yang di-Pertua, saya menyambung di atas ucapan saya sebentar tadi yang telah terganggu lebih kurang satu jam. Tentang Belanjawan bagi tahun 1989 yang mana Yang Berhormat Menteri Kewangan telah pun menyebut iaitu peruntukan sejumlah \$30,165 juta

perbelanjaan Kerajaan Persekutuan iaitu daripada jumlah itu \$7.879 juta ialah perbelanjaan Pembangunan dan selebihnya itu adalah perbelanjaan Mengurus.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya sebutkan tadi, kami mengharapkan janganlah di masa yang genting ini ada satu-satu pihak menangguk di air keruh. Soal ini soal UMNO yang dibangkit-bangkitkan, kemungkinan ini berlaku. Dengan sebab itulah mereka ini cuba untuk menangguk di air keruh. Saya telah menduduki Dewan ini iaitu Dewan ini yang bersidang pada bulan Julai dahulu, perkara-perkara seumpama ini juga telah dibangkit-bangkitkan tetapi bagi pihak kami, saya rasa tidak ada yang membiarkan begitu sahaja. Saya fikir masalah ini tidak akan timbul tetapi sekarang ini timbulkan balik, Tuan Yang di-Pertua.

Adapun perbelanjaan kita kalau hendak dikatakan berhubung dengan yang dia katakan tadi iaitu untuk menjawab dakwaan mengatakan bahawa orang-orang Melayu di luar bandar mendapat peruntukan yang banyak. Pada hakikatnya, dari angka-angka dan kajian, yang mendapat manfaat dari projek-projek tersebut yang telah dibuat oleh pihak-pihak yang tertentu, manfaatnya bukannya orang kampung yang mendapat ataupun luar bandar, tetapi yang lebih manfaatnya adalah yang didapati oleh orang-orang dalam bandar sendiri terutamanya orang-orang bukan Melayu. Kalau kita hendak bandingkan ataupun hendak dibangkitkan, di sini saya hendak menerangkan apa yang kita dapat tahu. Umpamanya projek-projek yang dijalankan sama ada FELCRA, UDA, MADA, dan sebagainya. Tiap-tiap \$1.00 yang dibelanjakan di kampung-kampung luar bandar, hanya lebih kurang 30 sen sahaja tiap-tiap satu

ringgit yang didapati oleh orang luar bandar, yang 70 sen lagi adalah didapati oleh orang-orang bandar iaitu yang mereka ini membuat projek itu, tender itu dan ini, iaitu mengikut peruntukan yang telah diberi sebanyak \$7,879 juta kalau mengikut tafsiran saya tadi, lebih kurang hanya \$2,400 juta sahaja yang didapati oleh penduduk-penduduk luar bandar, yang lebih itu adalah didapati oleh kaum-kaum yang bukan Melayu, yang mengaut keuntungan-keuntungan ini. Tetapi soal ini, Tuan Yang di-Pertua, tidak difahami, sengaja mereka ini mendiadakan, hanya yang diungkit-ungkitkan setiap masa dan waktu yang didapati oleh kaum bumiputera yang duduk di kampung-kampung, yang dapat sedikit, kais pagi

Tuan Chua Jui Meng (Bakri):
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Lembah Pantai nanti sekejap. Yang Berhormat dari Bakri hendak apa?

Tuan Chua Jui Meng: Penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat mengatakan lebih kurang \$7 bilion diutarakan kepada pembangunan, itu betul, tetapi adakah Yang Berhormat sedar sebanyak 2/3 daripada jumlah \$7 bilion lebih ini disalurkan kepada luar bandar. Itu yang ada di dalam ucapan Menteri Kewangan. Dan lagi saya ingin hendak tanya Yang Berhormat, bukankah kampung-kampung baru ini di dalam luar bandar, itu sebahagian kawasan luar bandar, dan jika ada, saya hendak minta Yang Berhormat dari Lembah Pantai yang mengatakan tadi oleh Yang Berhormat dari Padang Serai kalau \$2 bilion lebih disalurkan kepada luar bandar tetapi kawasan-kawasan kampung baru hanya dapat \$1 million. Adakah itu satu keadilan?

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, soal kampung baru dan soal peruntukan luar bandar, Yang Berhormat dari Bakri tentu ingat, kawasan kampung baru ini telah wujud iaitu hasil daripada Kerajaan pada masa itu melihatkan keadaan tempat-tempat yang mana orang-orang Cina diganggu oleh komunis iaitu mereka ini ditempatkan di satu-satu tempat dinamakan New Village pada masa itu atau pun kampung baru sekarang ini dan mereka itu lebih awal lagi telah pun mendapat kemudahan-kemudahan asas, umpamanya jalan yang ada, lampu elektrik dan sebagainya. Tetapi di kawasan luar bandar hingga ke hari ini banyak lagi jalan-jalan yang belum dapat dinikmati oleh orang-orang Melayu yang berketurunan bumiputera sendiri, bukan di Malaysia Barat ini sahaja tetapi di Malaysia Timur sendiri yang tidak mendapat kemudahan-kemudahan ini, kalau kita bandingkan. Mereka ini di kampung-kampung, mereka ini disediakan jalan.

Tuan Chua Jui Meng: (Bangun)

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Apa lagi, Yang Berhormat?

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Bakri hendak minta jalan.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Ya, saya beri.

Tuan Chua Jui Meng: Adakah yang Berhormat pegang kepada prinsip Dasar Ekonomi Baru yang matlamat utamanya ialah membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum? Matlamat saya bukan menafikan saluran wang kepada kampung-kampung tradisi, tidak ada. Saya harapkan Kerajaan memberikan peruntukan yang lebih banyak kepada kampung-kampung

tradisi sebab kemiskinan di sini lebih ketara tetapi adakah itu adil kalau daripada \$2 bilion iaitu \$2.000 million lebih. \$1 million sahaja kepada orang miskin di kampung-kampung baru. Adakah itu tidak bercanggah dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru untuk membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum?

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Soal pembasmian tanpa mengira kaum ini, Tuan Yang di-Pertua, saya belum habis lagi menerangkan soal kampung baru ini tadi iaitu kampung-kampung baru ini tidaklah begitu banyak sangat jikalau dibandingkan dengan kampung-kampung tradisi Melayu ataupun di luar bandar yang masih lagi belum dapat kemudahan-kemudahan asas kalau dibandingkan dengan kampung-kampung baru. Oleh itu, rasa saya dalam keadaan ini pihak Kerajaan memperuntukkan supaya dapat mempertimbangkan, perseimbangkan di luar bandar dan di kampung-kampung baru sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat dari Bakri tadi.

Umpamanya di kampung-kampung baru kalau dibandingkan sekarang lebih baik lagi daripada kampung-kampung di luar bandar. Kalau di luar-luar bandar masih orang-orang Melayu atau bumiputera untuk membuang air besar mereka ini terpaksa pergi ke sungai ataupun pergi ke longkang jauh daripada rumah kalau dibandingkan di dalam bandar, di kawasan-kawasan kampung baru ini mereka ada siap sediakan di dalam kawasan rumah mereka sendiri. Di samping itu di kawasan kampung baru ini juga, Tuan Yang di-Pertua, bermacam-macam industri yang didirikan tetapi di kampung-kampung di luar bandar tidak ada, hanya hendak mengharap jalan, hendakkan api, ini pun belum dapat lagi.

Berbalik kita kepada soal orang-orang Melayu sekarang ini, kita lihat kepada orang Melayu yang memekik di sana, memekik di sini, keadaan yang telah dikatakan ini kalau dibandingkan di dalam bandar umpamanya di Kuala Lumpur. Di Kuala Lumpur pekan yang besar ini tidak nampakkah oleh Yang Berhormat dari mana-mana sekalipun sama ada daripada Bakri ataupun daripada Padang Serai, di Kuala Lumpur ini sahaja beberapa buahkah bangunan yang dipunyai oleh orang Melayu? Berapa buahkah kedai-kedai di Kuala Lumpur ini dipunyai oleh orang Melayu? Orang Melayu tidak ada membangkitkan persoalan ini. Tetapi pihak Bakri dan juga Padang Serai, Perkara yang kecil yang seumpamanya peruntukan di luar bandar dan kampung baru di unkit-unkitkan, kami tidak mahu perungkitkan.

Tuan Chua Jui Meng: (*Bangun*)

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Minta maaf, saya habis dahulu, masa tidak cukup. Saya minta maaf, kalau hendak jawab boleh bercakap nanti, berilah peluang kepada kawan lain.

Tuan Chua Jui Meng: Penjelasan! Ada banyak masa lagi. Sebab ada fakta-fakta yang tidak betul, saya hendak membetulkan.

Saya hendak menekankan di sini di seluruh Semenanjung Malaysia, ada lebih daripada 450 buah kampung-kampung baru dan jumlah penduduknya 1.8 million, kewarganegaraan negara kita. Mereka pun sebahagian daripada warganegara kita yang patut kita pun hendak cintai kepada mereka. Tadi saya minta Yang Berhormat adakah satu million berbanding dengan 2 billion, satu perkara yang adil? Kenapa Yang Berhormat tidak mahu mengalamatkan fikiran terhadap angka-angka itu? Perbezaannya begitu

luas. Lagipun, adakah Yang Berhormat faham macam di kawasan saya iaitu kawasan bandar, ada banyak tempat-tempat yang dhaif, yang miskin, yang mana dalam satu rumah yang kecil ada dua bilik sahaja dibina dengan papan, ada dua tiga keluarga duduk bersama-sama dalam satu rumah dan hidup kais pagi, makan pagi; kais malam, makan malam, begitu miskin, begitu dhaif, tetapi tidak dapat bantuan daripada Kerajaan. Adakah itu satu keadilan?

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Soal keadilan itu biarlah Menteri menjawabnya nanti. Tetapi soal dikata 1.8 juta yang menduduki lebih kurang 405 buah kampung-kampung baru sebagaimana yang saya sebutkan tadi kalau dibandingkan, dikatakan orang-orang Cina kais pagi, makan pagi; kais malam, makan malam dan seterusnya, yang ada rumah kecil dan seterusnya. Adakah Yang Berhormat sendiri pergi juga di kampung-kampung orang Melayu yang duduk di pendalaman, mereka ini lebih dhaif lagi, ada yang masih makan ubi kayu, ada yang masih beratapkan daun-daun yang dijadikan atap rumah mereka, tetapi inilah pihak Kerajaan.

Tuan Chua Jui Meng (Bangun)

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Saya minta maaf. Pihak Kerajaan cuba hendak memperseimbangkan supaya.

Tuan Chui Jui Meng: Tadi Yang Berhormat minta saya memberi penjelasan!

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Saya minta maaf.

Tuan Chua Jui Meng: Beri jalan! Saya ingin memberi penjelasan.

Tadi Yang Berhormat minta saya katakan, adakah saya pergi ke kampung-kampung pendalaman? Jawapan saya "ya". Di dalam kawasan Bakri saya ada pergi ke banyak kampung-kampung terpencil di pendalaman, kampung-kampung Melayu dan saya sokong mereka. Saya mohon di dalam Majlis Tindakan Daerah Muar, saya mohon kepada Kerajaan Negeri untuk memberikan peruntukan, untuk memberikan kemudahan-kemudahan asas kepada mereka seperti jalan, elektrik, air paip dan lain-lain, tetapi saya hendak minta Yang Berhormat dari Lembah Pantai, adakah Yang Berhormat pergi ke kawasan-kawasan miskin di bandar di Lembah Pantai, adakah beliau melihat orang-orang miskin Cina dan membantu mereka?

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Ini rasa saya soal yang dikatakan tadi yang ditumpukan oleh Yang Berhormat dari Bakri hanya di kawasan beliau sendiri, tetapi peruntukan yang dibuat oleh pihak Kerajaan ini keseluruhannya termasuk Malaysia Barat, Malaysia Timur, Sabah dan Sarawak, bukan satu kampung di Bakri sahaja, kawasan Melayu, kawasan kampung baru sahaja hendak diperuntukkan. Peruntukan ini menyeluruh, oleh itu janganlah dikaji di situ sahaja, patut dikaji keseluruhannya dan begitu juga soal menyentuh di kawasan Lembah Pantai.

Di kawasan Lembah Pantai, rasa saya banyak orang Melayu yang miskin, Yang Berhormat boleh datang sendiri dan lihat bagaimana keadaan orang Melayu yang duduk di tepi sungai, di tepi longkang, di tepi kawasan perumahan orang-orang kaya, mereka ini lebih dahsyat daripada orang kampung dan begitu juga orang Cina kalau dibandingkan di kawasan Kuala Lumpur ini, rasa saya lebih baik. Saya pun tidak ada diskriminasi dengan mereka, saya tidak ada membezakan mereka, Yang

Berhormat sendiri boleh tanya bagaimana orang-orang Cina di kawasan-kawasan setinggan, saya memberikan segala peruntukan-peruntukan yang ada sama-rata. Oleh itu tidak ada soal-soal bangkit-membangkit, soal ini yang berlaku. Oleh itu kita haraplah supaya jangan Yang Berhormat dari Bakri dan Yang Berhormat-Yang Berhormat lain memandangkan keadaan kita dalam keadaan kucar-kacir, jangan masuk dalam masalah ini lagi. Oleh itu jangan kita hendakkan dengan UMNO ini keadaan orang Melayu menjadi huru-hara, pihak yang lain mengambil kesempatan

Tuan Chua Jui Meng: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat!

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Oleh itu wahai, Yang Berhormat dari Bakri ingat orang Melayu ini bak pepatah Melayu: Carik-carik bulu ayam, akhirnya bercantum juga mereka ini akan bertaut semula. Cincang air tidak akan putus. Oleh itu kita mengharapkan pihak-pihak yang lain jangan masuk campur dalam soal ini buat sementara hari ini. Jangan

Tuan Chua Jui Meng: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Lembah Pantai, sekejap. Bangun hendak apa, Bakri?

Tuan Chua Jui Meng: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Boleh beri?

Tuan Chua Jui Meng: Beliau bagi. Kalau begitulah saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat dari Lembah Pantai, kalau dia ada memperjuangkan pengundi Cina dan India di kawasan beliau.

Saya ingin bertanya Yang Berhormat jika saya bercadang supaya Menteri Kewangan memberikan \$200 juta, 10% sahaja dari jumlah yang disalurkan kepada luar bandar kepada kawasan-kawasan kampung baru, adakah Yang Berhormat dari Lembah Pantai akan menyokong cadangan saya?

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Soal menyokong ini, rasa saya terpulang kepada Menteri sendirilah, Soal pokoknya adalah soal apa yang dibangkitkan tadi, soal untuk menyokong itu, rasa saya tidak dapat hendak memberi sokongan dalam Dewan yang mulia ini, Tuan Yang di-Pertua.

Sebagaimana saya sebutkan tadi cincang air tidak akan putus, Yang Amat Berhormat Dato Presiden UMNO sendiripun telah membuka pintu kepada orang Melayu semua untuk masuk balik kepada UMNO, dan di samping itu baru-baru ini juga telah pun memanggil dan memperlawakan Dato' Musa dan juga Tengku Tan Sri Razaleigh untuk menyertai balik Kabinet. Oleh itu dalam keadaan yang seumpama ini rasa saya janganlah cuba-cuba hendak mengeruhkan suasana ini, biarlah kita selesaikan masalah Melayu ini. Ini bukan soal Melayu sahaja, tetapi adalah untuk soal negara, dengan adanya keadaan kestabilan negara dan politik kita, rasa saya dalam masa yang akan datang tidak ada lagi masalah ini. Oleh itu pihak MCA umpamanya dalam Barisan Nasional yang nampaknya sumbang-sumbang untuk memberi ucapan-ucapan mereka itu ingat ataupun tidak, berapa jumlah kerusi-kerusi yang telah di beri oleh Barisan Nasional untuk pihak MCA untuk bertanding, tetapi berapa jumlah kerusi yang telah hilang, siapa yang hendak dipersalahkan ini. Adakah Barisan Nasional ataupun parti MCA sendiri, daripada 34 kerusi, 17 yang menang. Itupun adalah kemenangan ini di dalam kawasan-kawasan yang

majoritinya orang Melayu. Yang lain adalah didapati oleh DAP, oleh itu dalam masalah ini janganlah

Tuan Chua Jui Meng: Minta penjelasan!

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Saya rasa

Tuan Chua Jui Meng: Sebab ada angka-angka yang salah diberi oleh Yang Berhormat tadi.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Kalau salah, tolong betulkan.

Tuan Chua Jui Meng: Bukan 34 tetapi 32 kerusi. Saya ingin bertanya Yang Berhormat dari Lembah Pantai, adakah beliau sedar bukan sahaja MCA yang hilang banyak kerusi dalam Pilihanraya Umum 1986, tetapi juga semua parti-parti yang berdasarkan kepada majoriti Cina seperti GERAKAN, ia kalah lebih kurang 40% kerusi Parlimen, SUPP kalah lebih kurang 40% kerusi Parlimen. Lagipun PBS yang menang dalam pilihanraya negeri dalam tahun 1986, tetapi kalah 4 kerusi bandar-bandar itu yang mana majoritinya orang Cina di Sabah di Pilihanraya Umum 1986 dan MCA pun kalah lebih kurang 40% kerusi Parlimen. Ini bermakna adanya satu angin, satu "wind" di kawasan-kawasan yang bukan bumiputera yang itu tidak puas hati kepada penyimpangan daripada dasar-dasar Kerajaan, sebab itu membangkitkan kekalahan besar di semua kawasan-kawasan bukan bumiputera.

Saya pun hendak tekankan di sini kepada Yang Berhormat dari Lembah Pantai, kalau kita sayangkan kepada konsep Barisan Nasional iaitu konsep perjuangan bersama-sama ke bukit sama didaki, ke lurah sama dituruni, kita mesti berikan peruntukan yang cukup kepada semua kaum di negara kita untuk mengelakkan kekalahan yang dihadapi oleh semua parti-parti

Barisan Nasional yang bergantung kepada penghuni Cina. Itulah maksud saya. Kalau kita sayang kepada Barisan Nasional patutlah kita memberikan peruntukan yang saksama kepada semua parti.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Soal itu sebagaimana saya katakan tadi pihak MCA patut mengkaji di atas parti mereka sendiri. Oleh itu janganlah mengungkit-ungkitkan itu dan ini jikalau ada sekiranya masalah-masalah yang timbul bawa perkara ini dalam Majlis Kerja Tertinggi Barisan Nasional sendiri dan Kabinet yang ada sendiri juga membincangkan, bukan dalam Parlimen untuk dibawa untuk mendapatkan publisiti yang lain bagi mengungkit-ungkit ataupun memberikan kemarahan kepada rakyat dalam negara ini. Dengan ada keadaan yang berlaku umpamanya di sekolah-sekolah tinggi ataupun universiti-universiti dengan adanya Wakil-wakil Rakyat ataupun pemimpin-pemimpin ini yang tidak memberi dengan sepenuhnya penerangan kepada rakyat ataupun kepada penuntut-penuntut kalau boleh kita katakan kadangkala Universiti Malaya umpamanya, sebab saya sudah ada lama di sana dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah lebih.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Itulah banyak sangat gangguan, bolehkah beri sedikit lagi Yang Berhormat Dato?

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya ingat lebih daripada enam, tujuh minit.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Gangguan banyak sangat. Matlamat saya yang sebenarnya dalam perkara ini tidak masuk sedikit pun, tidak ada, kerana gangguan tetapi kalau tidak boleh apa boleh buat.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat boleh dibenarkan bercakap dalam Jawatankuasa.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Oh, dalam jawatankuasa, baiklah. Kalau begitu saya mengharapkanlah sekali lagi kepada rakan-rakan kita yang lain supaya kalau boleh dalam keadaan yang ada pada hari ini bagi kepentingan bangsa dan negara dan juga bagi ekonomi negara kita dan juga kita boleh membawa lagi pelabur-pelabur luar supaya perkara-perkara yang seumpama ini tidak diungkit-ungkitkan lagi. Kalau boleh dalam keadaan ini marilah kita bersatu, insya Allah dan rasa saya, saya boleh cuba lagi membawa ini di masa yang akan datang. Dengan ini saya menyokong penuh di atas Belanjawan bagi tahun 1989 ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat dari Sibü.

6.58 ptg.

Tuan Tieu Sung Seng (Sibü): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahaskan Belanjawan negara tahun 1989. Dengan penuh kesal sekali lagi saya terpaksa membangkitkan projek Rumah Sakit baru di bandar Sibü. Keadaan rumah sakit yang ada sekarang amat tidak memuaskan kerana kekurangan kemudahan-kemudahan dan kesesakan tempat sentiasa dialami oleh para pesakit. Keperluan untuk membina rumah sakit baru ini memang telah dalam perhatian sejak

16 tahun dahulu. Sebenarnya projek ini telah beberapa kali diumumkan pelaksanaannya dan peruntukan kewangan sudahpun diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan, tetapi sehingga sekarang rakyat Sibü menganggap projek ini masih sebagai sebuah impian.

Saya dengan sukacitanya ingin memberitahu Dewan yang mulia ini iaitu pada 4hb Julai, 1988 yang lalu semasa Perdana Menteri kita iaitu Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad merasmikan pembukaan Dewan Suarah Sibü, beliau telah menekankan dalam ucapannya kepada jutaan rakyat Sarawak amnya dan Sibü khasnya bahawa beliau memang memberi keutamaan kepada projek ini memandangkan kepentingan kepada rakyat Sibü yang sangat memerlukannya. Beliau juga menegaskan bahawa sudah semestinya ianya diimplementasikan dengan secepat mungkin. Inilah janji Perdana Menteri kita kepada rakyat Sibü. Saya ingin mengingatkan pihak Kementerian dan Menteri yang berkenaan supaya mengambil perhatian berat terhadap janji Perdana Menteri tersebut. Jika sekiranya tidak dilaksanakan, sudah pasti Perdana Menteri sendiri akan merasa malu dan kesal kerana beliau telah berjanji supaya projek ini dilaksanakan dengan segera sedangkan pihak-pihak yang berkenaan masih "indah tak indah" terhadap perkara tersebut. Janganlah menjatuhkan air muka Perdana Menteri kita dengan tidak menunaikan janji beliau tersebut.

Sejak dua tahun yang lalu Kerajaan banyak menggalakkan pelabur-pelabur asing melabur di negara kita tetapi pihak Kerajaan telah mengabaikan kepentingan perdagangan dengan Negeri China yang sangat memerlukan barang-barang keluaran negara kita.

Tuan Hu Sepang: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat sekejap, ya, Ahli dari Rasah.

Tuan Hu Sepang: Tuan Speaker.

Tuan Tieu Sung Seng: Tidak beri jalanlah, jangan kacau.

Tuan Hu Sepang: Ini on a point of order, tidak cukup bilangan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Point of order Yang Berhormat, nanti sekejap. Sila bilang Setiausaha. 11 orang sahaja. Sila bunyikan loceng.

(Loceng dibunyikan)

(Ahli-ahli dikira. 24 Ahli hadir).

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): 24 orang, tidak cukup kuoram.

Ahli-ahli Yang Berhormat mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.00 malam.